



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5993]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6019]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kelapan)—

Jadual—

Kepala B. 25 [Ruangan 6020]

Kepala B. 26 dan B. 27 [Ruangan 6056]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6018]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kelapan)—

Kepala P. 25 [Ruangan 6020]

Kepala P. 26 dan P. 27 [Ruangan 6056]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

“ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).

“ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

“ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIEF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

“ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

“ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

“ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

“ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).

“ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

“ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., (Kota Setar).

“ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

“ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

“ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).

“ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN MOHD. SHARIEF (Kuantan).

“ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

“ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Kiningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LE BEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 24hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JABATAN KERAJAAN MENYEWAKAN
BANGUNAN SWASTA**

1. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar banyak Jabatan Kerajaan yang sekarang sedang menyewakan bangunan selain dari bangunan Kerajaan sendiri. Jika sedar, tidakkah Kerajaan bercadang akan mengadakan bangunan yang berseendirian dan berapakah jumlah sewa yang dibayar pada tiap-tiap bulan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa beberapa Jabatan Kerajaan sekarang ini sedang menyewakan bangunan-bangunan swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang ada mendirikan beberapa bangunan untuk digunakan sebagai pejabat-pejabat Kerajaan. Umpamanya, 5 blok bangunan 17 tingkat sedang dibina di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Tiga blok akan diduduki dalam pertengahan tahun 1977. Selain daripada itu, 27 blok bangunan-bangunan kayu akan dapat disiapkan kesemuanya pada penghujung tahun ini dan 13 blok daripada bangunan ini telahpun diduduki sekarang. Sungguhpun demikian, oleh kerana perkembangan Perkhidmatan Awam yang pesat, maka bangunan-bangunan yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua ruangan pejabat. Oleh itu Kerajaan terpaksa menyewakan bangunan-bangunan yang dimiliki oleh pihak swasta.

Kebanyakan bangunan-bangunan swasta yang disewa untuk dijadikan pejabat Kerajaan adalah terdapat di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya. Pada masa ini jumlah sewa bulanan bagi kawasan Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya ialah berjumlah \$834,647 dan angka-angka ini berubah dari semasa ke semasa. Bagi kedua-dua kawasan ini, suatu Jawatankuasa Khas yang dipanggil Jawatankuasa Ruangan Pejabat telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk mengawasi masalah-masalah penyewaan bangunan-bangunan swasta untuk dijadikan pejabat Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 2 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

Menarik Balik Soalan No. 3

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Haji Embong bin Yahya.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan No. 3 ini sama dengan soalan yang dikemukakan pada 20hb November, 1976, saya tarik balik soalan tersebut.

POLIS DI-RAJA MALAYSIA

4. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bertambahnya kejadian-kejadian jenayah, gerakan-gerakan anti-national, kegiatan subversif komunis dan lain-lain lagi yang memerlukan penambahan ahli-ahli Polis, balai-balai Polis, pondok-pondok Polis dan lain-lain lagi, bolehlah beliau menyatakan:

(a) rancangan menambahkan bilangan ahli-ahli Polis dan menambahkan lagi kecukupan mereka;

- (b) berapa ramai bekas-bekas Pasukan Tentera yang telah diterima memasuki Pasukan Polis; dan
- (c) sejauh manakah kejayaan Pondok Polis mengikut Sistem Salleh dan adakah rancangan itu akan diteruskan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengambilan anggota-anggota baru Polis di-Raja Malaysia dari tahun 1976 ke tahun 1980 adalah seperti berikut:

Penolong	Penguasa	
Polis (ASP) ke atas ...	886 orang	
Inspektor	1,930 orang	
Mata-mata	19,600 orang	
Mata-mata Tambahan	5,499 orang	

Untuk menambah kecakapan mereka beberapa kursus yang tertentu diadakan bagi anggota-anggota di semua peringkat. Mereka juga diberi peluang membuat lawatan-lawatan sambil belajar keluar negeri untuk mendapat pengalaman dan pengetahuan mengenai kepolisan di negara-negara asing. Di samping itu Pasukan Polis juga dilengkapi dengan alat-alat moden dan sophisticated seimbang dengan kehendak-kehendak sekarang.

- (b) Bekas-bekas Pasukan Tentera yang telah diterima memasuki Pasukan Polis di-Raja Malaysia setakat ini ialah seramai 52 orang.
- (c) Pondok-pondok Polis mengikut "Salleh System" telah berjaya merapatkan perhubungan di antara orangramai dengan pihak polis. Dengan adanya pondok polis di satu-satu kawasan atau tempat orang ramai dapat membuat aduan-aduan atau meminta pertolongan serta bantuan daripada anggota polis di pondok-pondok itu. sistem ini juga telah menambahkan kepercayaan orang ramai terhadap polis kerana mereka senang mendapat perkhidmatan ataupun bantuan daripada pihak polis bila-bila masa dikehendaki. Rancangan ini akan diteruskan terutama sekali di kawasan-kawasan terpencil dan sensitif.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar

bahawa anak-anak muda kita kurang berminat untuk memasuki pasukan polis di masa yang lalu kerana tangga gaji yang rendah dan dengan teristiharnya tangga gaji baru ini mengubah pandangan mereka. Saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah tangga gaji baru untuk kakitangan rendah Bahagian Polis ini akan dilaksanakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal. Saya tidak boleh benarkan.

PERSATUAN MENCEGAH SALAH-GUNA DADAH MALAYSIA (PEMADAM)

5. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) apakah kejayaan Persatuan Mencegah Penyalahgunaan Dadah Malaysia semenjak ditubuhkan; dan
- (b) apakah rancangan persatuan ini bagi menjayakan tujuannya.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia (PEMADAM) semenjak ditubuhkan pada bulan Mac tahun ini telah berjaya menubuhkan cawangan-cawangan di hampir ke semua negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan. Negeri Sabah juga akan menubuhkan cawangan PEMADAM pada awal tahun 1977. Setakat ini PEMADAM telah mengadakan berbagai-bagai rancangan dan Kempen Anti Dadah melalui persatuan-persatuan serta majlis-majlis keselamatan. Kempen-kempen tersebut termasuk majlis-majlis penerangan dalilog, ceramah, pertunjukan bahan-bahan dadah bahaya, pertunjukan filem serta menerima pengaduan-pengaduan sulit dari penagih-penagih. PEMADAM akan terus bergiat dengan kempen anti-dadahnya bersamasama pihak Polis, Pusat Biro Narkotik, Kementerian Kebajikan, Kementerian Kesihatan dan lain-lain pihak yang bersabit dengan langkah mencegah salahguna dadah di negara ini. Tema utama dalam perancangan PEMADAM ialah bagi meningkatkan kebencian masyarakat terhadap penyalahgunaan dadah di semua peringkat. PEMADAM juga akan melibatkan badan-badan keagamaan seperti PERKIM dalam

rancangan-rancangan pencegahannya. Pusat Pertolongan Batu Gajah yang boleh memulihkan seramai kira-kira 150 orang telah menjadi sebahagian dari projek PEMADAM khususnya di bawah anjuran PEMADAM Kebangsaan dan Negeri Perak.

Pada masa ini PEMADAM sedang bergiat mendapatkan seramai-ramai ahli dari rakyat Malaysia serta bantuan atau sumbangan kewangan dari pihak swasta dan orang ramai. Sebuah rumah telah diikhaskan oleh Kerajaan Persekutuan di Bukit Petaling Kuala Lumpur bagi kegunaan Ibu Pejabat PEMADAM. Suatu kursus khas akan dianjurkan oleh PEMADAM Peringkat Kebangsaan bagi semua Setiausaha atau wakil persatuan ini di peringkat negeri dan daerah pada tahun hadapan bagi mengatur strategi kegiatan yang lebih berkesan dalam menentang salahguna dadah. PEMADAM juga akan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan yang sama dari Singapura, Hongkong dan Filipina terutama dalam bidang penglibatan orang ramai dalam menentang salahguna dadah.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri itu berfikir bahawa dengan adanya layanan yang baik kepada penghisap dadah ini iaitu di hantar dia ke satu Pusat untuk memulih, diberi layanan makan-minum maka itu mendatangkan lebih ramai peminat-peminat terutama penganggur-penganggur ini hendak menghisap dadah kerana mendapat layanan makan-minum yang baik di sana daripada duduk di luar. Tidakkah difikirkan satu rancangan yang lain umpamanya diberi mereka kerja, suruh berkebun supaya hasil itu dapat daripada tenaga mereka?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu amatlah membanggakan Persatuan ini oleh kerana dengan soalan itu akan dapat dikemukakan beberapa rancangan. Sebenarnya, apabila pemulihan dibuat melalui Persatuan ataupun melalui perancangan Kementerian Kebajikan, diadakan projek disiplin diri yang ketat berbagai-bagai peringkat. Pada masa ini ada tiga peringkat disiplin diri yang diberikan kepada penagih-penagih yang menjalani kursus pemulihan di Pusat-pusat ini. Mereka bukan hanya datang ke Pusat itu untuk makan tidur sahaja, tetapi dipenuhi

masanya setiap waktu untuk menjalani disiplin-disiplin, termasuk ajaran spiritual keugamaan dan sebagainya supaya apabila mereka kembali ke pangkuan masyarakat mereka ini dapat berdikari semula. Selain daripada itu, ubatan juga diberi, suntikan mana yang perlu untuk mengembalikan keadaan fizikalnya seperti sediakala.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada menerangkan iaitu masaalah untuk hendak menampung perbelanjaan PEMADAM ini berkehendakkan bantuan wang daripada pihak Kerajaan, swasta, orang ramai dan sebagainya. Tetapi sekarang ini oleh sebab kita semua telah menyedari yang penyalahgunaan dadah ini telah menjadi satu penyakit yang berat kepada negara, tidakkah boleh Jabatan Undang-undang untuk sementara waktu, mengeluarkan satu undang-undang meminta satu cukai khas supaya dapat kita menentang penyalahgunaan dadah ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Izinkan saya menjawab, Tuan Yang di-Pertua. Cukai khas itu ialah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Rasa saya ada undang-undang yang akan dibawa ke dalam Dewan ini yang akan diluluskan kelak iaitu ibubapa atau penjaga yang mampu boleh membayar dan menanggung anak-anak seseorang itu dalam tempat pemulihan itu, maka undang-undang boleh memaksa mereka itu menampung semuanya atau sebahagian daripada perbelanjaan pemulihan seseorang itu dalam tempat pemulihan. Itu cadangan yang sedang dibawa oleh Kerajaan.

PEMERIKSAAN PENAGIH-PENAGIH DADAH

6. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau bercadang hendak menyediakan pakar dan alat kemudahan pemeriksaan khas kepada penagih-penagih dadah di Hospital-hospital yang telah didaftarkan sebagai tempat rawatan pemulihan penagih dadah. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, pakar dan alat kemudahan pemeriksaan bagi penagih-penagih dadah telahpun disediakan oleh Kementerian saya di Pusat-pusat Mengesan dan Penawaran

Dadah. Bersama-sama dengan Kementerian Kebajikan Am, Kementerian saya telahpun menubuhkan 17 buah Pusat Mengesan, 7 buah Pusat Penawaran dan beberapa buah Pusat Pemulihan bagi rawatan dan pengurusan selanjutnya untuk penagih-penagih dadah. Ini akan ditambah lagi jika dan apabila difikirkan perlu. Tugas mengesan dan Penawaran penagih-penagih dadah adalah tanggungjawab Kementerian saya dan pemulihan adalah di bawah Kementerian Kebajikan Am. Di pusat-pusat mengesan dan penawaran terdapat Pakar Perubatan Jiwa, lain-lain kakitangan para perubatan dan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi penyelidikan dan rawatan penagih-penagih dadah. Berikutan dari rawatan ini, penagih-penagih dadah ini akan dirujuk ke pusat-pusat pemulihan di bawah Kementerian Kebajikan Am untuk rawatan pemulihan selanjutnya.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan sedar di Teluk Anson misalannya telah didaftarkan sebagai Pusat Pemulihan Penagih Dadah tetapi tempat yang tersebut tidak ada alat-alat pengesanan dan tidak ada pakar yang khusus berhubung dengan pemulihan dadah ini. Jika sedar, apakah tindakan selanjutnya patut dibuat?

Tuan Jawan anak Empaling: Saya tidak berapa mengerti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu tidak puas hati tentang apa yang dijalankan oleh Kementerian . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan tidak puas hati, alat itu tidak ada. Apa yang tidak faham itu? Alat kemudahan itu tidak ada, kata Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

Tuan Jawan anak Empaling: Ada, Tuan Yang di-Pertua, itulah tujuan saya tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tetapi bila kita hantar budak itu pihak Rumah Sakit kata kami belum ada lagi pakar dan tidak ada lagi kemudahan-kemudahan yang perlu untuk pemulihan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba Setiausaha Parlimen perhatikan perkara itu ada, sebab kalau dalam Parlimen sudah kata ada, mesti ada.

Tuan Jawan anak Empaling: Ya.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar bahawa rawatan kepada penagih-penagih dadah iaitu "Cold Turkey Treatment" berjaya dijalankan oleh setengah-setengah negara. Jika sedar, bilakah Kementerian beliau bercadang untuk menjalankan "Cold Turkey Treatment" ini?

Tuan Jawan anak Empaling: Tolong ulang sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jenis treatment itu cuba ulang sekali lagi.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa "Cold Turkey Treatment" yang dijalankan oleh setengah-setengah negara sangat berhasil? Jika sedar, bilakah Kementerian beliau bercadang untuk menjalankan treatment ini?

Tuan Jawan anak Empaling: Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh disiasat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menjawab itu hendaklah betul-betul.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya bukan hendak disiasat. Saya cuma bertanya samada beliau sedar bahawa treatment yang saya sebutkan tadi telah dijalankan oleh setengah-setengah negara dan didapati berhasil. Jika sedar, bilakah Kementerian beliau bercadang untuk menjalankan "Cold Turkey Treatment" ini kepada penagih-penagih dadah.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu memang berhasil dan saya telah kemukakan kepada Kementerian yang berkenaan dan saya rasa tidak berapa lama lagi akan cuba dijalankan.

PERJALANAN KAPAL DI SELAT MELAKA

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) apakah kawalan ketat yang telah dijalankan untuk mengawal perjalanan kapal di sepanjang Selat Melaka;
- (b) samada Kerajaan bercadang hendak mengenakan syarat supaya kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka mesti mempunyai insuran khas dan dengan cara yang demikian semoga segala pencemaran laut yang diakibatkan oleh perlanggaran kapal atau sebagainya boleh dituntut daripada insuran tersebut; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu pertubuhan antara-bangsa bagi mengawal perairan di Selat Melaka.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mula-mulanya saya mesti tegaskan di sini bahawa menurut hukum undang-undang antarabangsa (International Law) yang ada sekarang ini kapal-kapal negara asing adalah menikmati hak lalu secara ikhlas menerusi Selat Melaka iaitu suatu selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa. Kita sebagai sebuah Negara pantai tidak boleh menjalankan apa-apa kawalan ke atas pelayaran kapal-kapal ini jika kawalan itu menyentuh hak yang baru disebutkan tadi. Apa-apa jua langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan berkenaan dengan pelayaran kapal-kapal melalui Selat Melaka mestilah diambil menurut prinsip yang saya sebutkan ini.

Masalah utama yang kita hadapi sekarang yang timbul dari pelayaran kapal tangki minyak yang besar, ialah ancaman pencemaran minyak kepada alam sekitar kita. Satu daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah meluluskan Akta Kualiti Alam Sekeliling pada tahun 1974. Undang-undang ini, yang telahpun berkuatkuasa, melarang seseorang melepas atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia. Akta itu juga melarang seseorang melepas atau menumpahkan minyak

ke dalam mana-mana bahagian laut di luar sempadan laut wilayah kita jika pelepasan atau penumpahan itu akan mengakibatkan minyak itu dibawa atau dihanyutkan ke dalam perairan kita dan mencemarkan pantai kita.

Satu lagi langkah yang telah diambil oleh Kerajaan sebagai suatu langkah pencegahan terhadap ancaman pencemaran minyak oleh kapal-kapal, dapat dilihat dalam usaha bersama yang sedang dijalankan sekarang oleh Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura dalam menyediakan rancangan pengasingan lalulintas (traffic scheme) bagi Selat Melaka dan juga Singapura. Beberapa mesyuarat telahpun diadakan oleh pakar-pakar dari tiga buah Kerajaan ini dan adalah diharapkan bahawa tidak lama lagi rancangan ini akan siap untuk dilaksanakan atau digunakan kepada Selat Singapura dan Selat Melaka. Apabila sahaja dilaksanakan rancangan ini, semua kapal yang melalui Selat Melaka adalah dijangka akan menggunakan lorong-lorong yang ditetapkan baginya. Dengan jalan ini akan terjaminlah aliran lalulintas yang lebih teratur di Selat Melaka dan dengan yang demikian mengurangkan ancaman kemalangan seperti perlanggaran, di dalam kawasan itu.

- (b) Kerajaan adalah berpendapat bahawa kapal-kapal negara asing, terutamanya kapal-kapal tangki minyak, yang melalui Selat Melaka hendaklah mempunyai liputan insuran yang cukup untuk menampung apa-apa tanggungan mengenai kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak bercadang hendak mengambil apa-apa tindakan sebagai satu pihak sahaja berkenaan dengan ini. Soal insuran untuk kapal-kapal negara asing hendaklah menjadi satu tanggungjawab Negara-negara yang benderanya dikibarkan oleh kapal-kapal itu.

Cara yang baik sekali bagi mengatasi masalah ini ialah untuk menjadikan wajib bagi semua negara pengguna menguatkuasakan, melalui perundangan-perundangan negaranya, peruntukan-peruntukan yang mengkehendaki kapal-kapal yang mengibarkan

bendera negara itu mempunyai liputan insuran yang cukup untuk menampung apa-apa tanggungan mengenai kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran. Ini boleh dicapai dengan memasukkan suatu peruntukan berkenaan dengan perkara itu dalam konvensyen masa depan mengenai undang-undang laut.

Dalam mesyuarat Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai undang-undang laut yang diadakan baru-baru ini, yang mana saya telah mengetuainya di New York, Malaysia telah mengambil dayautama dengan mencadangkan suatu artikel baru (New article) mengenai insuran wajib (Compulsory Insurance) bagi kapal-kapal untuk diterima oleh Persidangan itu. Maksud artikel ini ialah untuk menjadikan wajib bagi Negara-negara untuk membuat undang-undang dan peraturan-peraturan bagi menentukan supaya kapal-kapal yang mengibarkan benderanya, semasa melalui selat-selat adalah mempunyai liputan insuran yang cukup untuk menampung apa-apa tuntutan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada Negara pantai. Perwakilan kita akan terus meminta sokongan perwakilan-perwakilan yang lain supaya prinsip yang terkandung dalam deraf perkara itu diterima sebagai sebahagian daripada Konvensyen masa hadapan. Apabila sahaja prinsip ini dimasukkan ke dalam Konvensyen (Law of the Sea) yang baru ini maka terjaminlah bahawa semua kapal yang menggunakan Selat kita akan mempunyai liputan insuran yang cukup untuk menampung apa-apa kerugian atau kerosakan kepada negara kita.

- (c) Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan pun hendak menubuhkan suatu badan antarabangsa yang terdiri daripada wakil kuasa-kuasa asing untuk mengawal atau menguruskan hal-ehwal Selat Melaka. Menubuhkan sesuatu badan seperti itu akan bererti mengantarabangsakan Selat Melaka kita. Konsep mengantarabangsakan sesuatu jalanair adalah suatu konsep zaman dahulu yang terdapat hanya dalam abad-abad yang lampau berkenaan dengan sungai-sungai antarabangsa.

Kecuali Selat Bosporos dan Dardanelles (iaitu Selat Turki) yang diantarabangsakan bawah Triti Lausanne, 1923 selama tempoh yang singkat iaitu 13 tahun, tiada selat-selat lain di dunia ini telah pernah diletakkan di bawah urusan ataupun pengawasan sesuatu badan antarabangsa.

Malaysia adalah sebuah negara yang mereka dan berdaulat. Demikianlah juga Negara-negara pantai yang lain—Indonesia dan Singapura. Menubuhkan sesuatu badan antarabangsa bagi Selat Melaka adalah sama seperti menyerahkan hak-hak dan kedaulatan kita mengenai laut wilayah kita di Selat Melaka kepada badan antarabangsa itu. Tambah lagi, jika Selat Melaka diantarabangsakan, ia mungkin menjadi suatu kawasan pertelingkahan dan persaingan antarabangsa di rantau ini.

Malaysia percaya bahawa apa-apa jua masaalah yang ada mengenai Selat Melaka mestilah diselesaikan oleh tiga buah negara pantai itu sahaja iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia. Hendaklah diingat bahawa pada bulan Oktober, 1971, Malaysia, Indonesia dan Singapura telah membuat suatu pernyataan bersama dalam mana telah diisytiharkan bahawa soal keselamatan pelayaran adalah tanggungjawab Negara-negara pantai itu. Ketiga-tiga buah Kerajaan itu juga bersetuju tentang perlunya suatu Kerjasama tiga-pihak di Selat Melaka diadakan. Telah dipersetujui selanjutnya bahawa suatu badan kerjasama untuk menyelaraskan usaha-usaha bagi keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan Singapura akan ditubuhkan dan badan itu akan terdiri hanya daripada ketiga-tiga Negara pantai itu sahaja.

Pada masa ini ketiga-tiga Kerajaan itu sedang menyediakan rancangan pengasingan lalu lintas untuk Selat Melaka dan Singapura. Apabila sahaja rancangan itu diterima dan dilaksanakan, saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ketiga-tiga Kerajaan itu akan terus bekerja atas asas tiga-pihak bagi menyenggara rancangan itu. Dalam hal ini, saya yakin bahawa sebuah badan serantau terdiri daripada ketiga-tiga buah Negara pantai itu sahaja akan ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal Selat Melaka itu.

KERANI/KAKITANGAN AWAM DALAM PASUKAN POLIS

8. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah Pegawai Kerani dan kakitangan awam di Jabatan Polis diganti dengan anggota Polis sendiri untuk mengendalikan pekerjaan mereka (macam askar) supaya rahsia keselamatan tidak bocor.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Pasukan Polis belum lagi membuat sebarang cadangan untuk menggantikan pegawai-pegawai kerani dan kakitangan awam yang bertugas di dalam Pasukan Polis dengan anggota-anggota Polis sendiri. Ini adalah disebabkan Pasukan Polis mendapati tugas-tugas yang dikendalikan oleh kakitangan awam ini bersesuaian dan memuaskan. Dari segi keselamatan pula adalah terjamin kerana kakitangan-kakitangan ini dibuat tapisan halus (positive vetting) terlebih dahulu sebelum mereka itu diterima bertugas.

PERUSAHAAN KAYU-KAYAN BUMIPUTRA

9. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar bahawa perusahaan kayu-kayan di kalangan bumiputra makin merosot dan jika ya, nyatakan angkanya sehingga ini. Apakah usaha Kerajaan bagi menggalak bumiputra dalam bidang ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa perusahaan kayu-kayan di kalangan bumiputra semakin merosot sekarang ini. Saya telahpun memberi perangkaan-perangkaan yang berkenaan semasa saya menjawab pertanyaan yang akan-akan sama yang mana telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 22hb November, 1976.

HARGA GETAH ASLI ANTARABANGSA

10. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil dari mesyuarat Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dalam bulan

Ogos, 1976 ke arah bagi menubuhkan suatu rancangan menstabilkan harga getah antara-bangsa. Apakah sumbangan Malaysia semasa membuat deraf perjanjian muktamad berhubung dengan perkara menstabilkan harga getah oleh Persatuan ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat bermaksud Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) yang berlangsung pada hujung bulan Julai tahun ini. Dalam mesyuarat tersebut, negara-negara ANRPC telahpun menyelesaikan semua perkara-perkara berhubung dengan operasi Setok Penimbal Getah dan telah menyempurnakan deraf perjanjian kesetabilan harga getah asli antarabangsa. Mesyuarat tersebut telah membuka jalan bagi mencapai persetujuan sepenuhnya antara anggota-anggota negara ANRPC dan dengan itu dapat disempurnakan perjanjian tersebut yang seterusnya akan ditandatangani oleh Menteri-menteri negara-negara anggota ANRPC di persidangannya yang akan diadakan di Jakarta pada minggu depan. Sebagai negara pengeluar getah asli yang utama di dunia, maka sudah tentu negara-negara pengeluar getah asli lainnya terutama negara-negara di rantau ASEAN berharap Malaysia dapat membuat perediaan yang sewajarnya bagi menyediakan deraf perjanjian tersebut. Dalam hubungan ini, Malaysia telah berjaya mendapat sokongan daripada negara-negara pengeluar utama getah asli lainnya iaitu negara-negara anggota ANRPC bagi bekerjasama untuk mencapai objektif ke arah kesetabilan harga getah asli yang merupakan kepentingan bersama bagi pengeluar dan juga pengguna getah dalam jangka panjang.

PENCARUM-PENCARUM KWSP

11. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar terdapat rasa tidak puas hati di antara pencarum-pencarum K.W.S.P. terdapat percaturan baru yang meminta setiap orang pencarum memberi pemberitahu selama setahun jika mereka ingin mengeluarkan wang mereka daripada Tabung tersebut apabila mereka meningkat umur 55 tahun dan juga bagi mereka yang ingin mengeluarkan satu pertiga caruman mereka apakala mereka

meningkat umur 50 tahun dan jika ya, nyatakan samada beliau akan membatalkan peraturan baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang rasa tidak puas hati di kalangan pencarum-pencarum K.W.S.P. (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang salah faham tentang nasihat yang diberikan oleh K.W.S.P. kepada mereka supaya memberitahu K.W.S.P. setahun lebih awal jika mereka berhajat untuk mengeluarkan wang pada umur 50 atau 55 tahun. Tidak ada sebenarnya kaedah atau peraturan yang menentukan satu tahun notis mesti diberikan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, nasihat itu yang secara kenyataan akhbar yang telah diberikan oleh K.W.S.P. dari masa ke semasa adalah berpunca daripada beberapa kejadian pada tiap-tiap tahun di mana tarikh lahir sebenar didaftarkan pada K.W.S.P. oleh pencarum-pencarum adalah berbeza dengan tarikh mereka dalam perkerjaan atau tarikh lahir dalam kad pengenalan apabila permohonan untuk mengeluarkan wang dibuat. Notis yang lebih awal ini adalah untuk kepentingan pencarum sendiri supaya membolehkan pembetulan dibuat pada masa tersebut, dengan harapan tidak akan berlaku kelewatan bagi K.W.S.P. untuk meluluskan permohonan mengeluarkan wang mereka. Sebab nasihat-nasihat dan surat-surat Pekeliling itu dikeluarkan dari masa ke semasa pada masa yang lampau kepada pencarum-pencarum supaya dapat menarik perhatian mereka tentang masalah ini telahpun percaya memberi kesan, maka nasihat-nasihat dan surat-surat pekeling itu tidak akan dikeluarkan lagi pada masa akan datang.

EMPAT NOMBOR EKOR BERHAD

12. Tuan Ngan Siang Hing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) samada beliau akan mencadangkan kepada Perdana Menteri untuk memilik-negarakan Empat Nombor Ekor bagi kepentingan negara;
- (ii) samada beliau sedar bahawa Empat Nombor Ekor memperolehi berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun dan lebih digemari dari Loteri Kebajikan Masyarakat yang diselenggarakan oleh Kerajaan; dan

- (iii) jumlah tiket-tiket Loteri Kebajikan Masyarakat yang tidak dituntut dan apakah yang telah terjadi kepada wang hadiah itu kiranya tidak dituntut.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini pada 7hb Julai tahun ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu oleh kerana sudahpun jelas tujuan Kerajaan, maka saya tidak akan mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memilik-negarakan Syarikat Empat Nombor Ekor Berhad. Namun demikian, Perbendaharaan sentiasa mengkaji kedudukan syarikat tersebut dari masa ke semasa bagi menjamin ianya sentiasa berjalan dengan teratur.

- (ii) Saya sedar bahawa Empat Nombor Ekor memperolehi hasil jualan tiket-tiket yang banyak yang telah dibeli oleh orang ramai dari masa ke semasa tetapi suka juga memberitahu bahawa penjualan tiket Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan pun banyak bertambahnya dari dahulu.
- (iii) Jumlah kemenangan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang tidak dituntut adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Tiket	Nilai Hadiah Tiket-tiket
1971	... 2,361	1,103,700
1972	... 3,744	1,542,200
1973	... 3,063	1,092,200
1974	... 3,141	994,700
1975	... 3,571	1,183,100

Seperti yang telah ditetapkan di dalam Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1962, hadiah-hadiah kemenangan yang tidak dituntut ini telahpun dikreditkan kepada akaun Kerajaan.

PEMBINAAN TANPA RANCANGAN DAN PELAN

13. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa di dalam

Wilayah Persekutuan banyak tuannya-tuannya tanah membuat pembinaan tanpa rancangan dan pelan-pelan yang diluluskan oleh pihak Bandaraya seperti yang berlaku di kawasan Gombak baru-baru ini sehingga menyulitkan pembeli dan orangramai. Apakah tindakan Kerajaan dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedar memang ada terdapat pembinaan tanpa rancangan dan pelan-pelan yang diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya seperti yang berlaku di kawasan Gombak, namun demikian keadaan ini tidaklah begitu berleluasa seperti yang disangkakan. Dewan Bandaraya sentiasa mengawasi dan mengambil tindakan terhadap sebarang pembinaan yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Mengenai kes rumah di kawasan Gombak, pihak Dewan Bandaraya sedang menjalankan penyiasatan untuk mendapatkan nama tuannya tanah tersebut supaya notis dapat diberikan. Tuan tanah tersebut akan dikehendaki mengemukakan pelan-pelan bangunan kepada Dewan Bandaraya untuk kajian.

Tindakan Undang-undang yang diambil terhadap bangunan-bangunan yang tidak mendapat kelulusan Dewan Bandaraya hanya dikuatkuasakan kepada bangunan-bangunan dan pembinaan yang didirikan selepas 31hb Disember, 1974. Untuk bangunan yang dibina sebelum tarikh tersebut Dewan Bandaraya tidak mengambil apa-apa tindakan. Tarikh 31hb Disember tahun tersebut telah ditetapkan oleh Jawatan kuasa mengenai cara mengatasi masalah dalam membuat keputusan terhadap apa-apa permohonan bagi perancangan, pembangunan dan pembinaan untuk kawasan-kawasan baru Wilayah Persekutuan yang telah bermesyuarat pada 2hb Julai tahun 1974. Tarikh tersebut adalah sesuai kerana ianya memberi masa yang cukup untuk pembina-pembina bangunan dari kawasan-kawasan baru yang termasuk dalam penubuhan Wilayah Persekutuan mengemukakan pelan-pelan bangunan-bangunan kepada Dewan Bandaraya untuk kelulusan.

Tindakan-tindakan Undang-undang yang diambil adalah di bawah Seksyen 144 Municipal Ordinance. Tindakan Undang-undang dijalankan dengan dua cara. Yang

pertama, memberi notis kepada pemilik bangunan supaya mengemukakan segera pelan bangunan yang berkenaan untuk kelulusan Dewan Bandaraya. Yang kedua, merobohkan bangunan melalui tindakan mahkamah sekiranya pelan dan rancangan pembinaan bangunan tersebut tidak diluluskan oleh Dewan Bandaraya. Pada masa yang akan datang Dewan Bandaraya akan mengetatkan lagi penguatkuasaan dan mengambil tindakan yang lebih tegas di dalam perkara ini. Untuk mencapai maksud ini lebih ramai lagi Merinyu Bangunan (Building Inspectors) akan diambil bertugas pada tahun hadapan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sukacita mendengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan iaitu bidang penguatkuasa akan bertambah dan akan menjalankan tugas mereka dalam Wilayah Persekutuan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah samada beliau sedar atau tidak iaitu di kawasan Setapak Garden selain daripada bangunan ada juga di kawasan perumahan kilang papan haram ditubuhkan di situ sehingga menyusah dan mencemarkan keadaan penduduk di situ. Apakah tindakan yang hendak diambil oleh pihak Kementerian dalam perkara ini.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini dan saya akan siasat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

LORI MEMBAWA BABI

14. Tuan Abu Bakar bin Arshad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya lori membawa babi diedarkan khas bagi mengelakkan daripada kecemaran najis dan sesuai pula dengan ugama rasmi di negara ini; jika ya, bila.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

saya buat masa ini tidak bercadang membuat apa-apa peraturan baru memaksa pembawa-pembawa babi menyediakan kenderaan khas kerana mengikut kaedah yang ada sekarang sesebuah kenderaan yang menggunakan jalanraya itu dikehendaki menyusun dan mengatur barang-barang yang dibawanya supaya barang-barang itu, di antara lain, tidak mencemarkan jalanraya dengan cicirnya najis binatang yang dibawanya. Mana-mana satu lori yang membawa babi atau binatang lain yang menaburkan najis binatang itu ke atas jalanraya adalah melanggar kehendak peraturan itu dan boleh didakwa atas kesalahan itu.

BAJA TEMBAKAU

15. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa baja-baja tembakau yang dijual kepada penanam tembakau sekarang ini terlalu mahal dan membebankan. Kalau sedar, apakah ikhtiar Kementerianya bagi meringankan beban ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa baja tembakau adalah mahal jika dibandingkan dengan baja-baja yang lain. Harga untuk sekampit berisi 53 kilogram ialah kira-kira \$35. Harga baja tersebut jika dibandingkan dengan baja getah atau padi adalah lebih mahal disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut, (saya minta maaf jika penjelasan ini sedikit teknikal).

- (a) Baja tembakau memerlukan kandungan soluble phosphate yang tinggi dan bahan-bahan yang digunakan ialah double super phosphate atau triple super phosphate. Bahan-bahan ini adalah mahal apabila dibandingkan dengan Christmas Island rock phosphate yang boleh digunakan untuk lain-lain tanaman.
- (b) Kandungan potasium untuk baja tembakau pun tinggi dan bahan yang digunakan ialah potasium sulphate dan bukan potasium chloride yang lebih murah dan biasa digunakan untuk lain-lain tanaman.
- (c) Penggunaan bahan-bahan double super phosphate atau triple super phosphate dan potasium chloride oleh lain-lain sektor pertanian adalah kurang dan

oleh kerana kekurangan permintaan untuk bahan-bahan ini pembekal-pembekal baja tidak boleh mendapatkan faedah kekurangan harga seperti apabila membuat tempahan yang banyak.

Dengan tujuan mengurangkan harga baja tembakau, Lembaga Tembakau Negara telah melaksanakan satu sekim pengedaran baja tembakau dalam tahun 1976 di mana semua tempahan baja tembakau oleh pengawit-pengawit dijamin oleh L.T.N. Oleh kerana risiko yang kurang dengan terlaksana sekim ini maka pembekal-pembekal baja tidak mengambil keuntungan yang tinggi. Dengan itu harga baja tembakau telahpun dikurangkan jika dibandingkan dengan harga baja pada tahun 1975. Harga baja tembakau pada tahun 1975 ialah antara \$45 hingga \$49 sekampit jika dibandingkan dengan \$35 pada masa sekarang.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tahun 1976 baja ini lebih murah dari pada tahun 1975. Saya ingin mendapat penjelasan jikalau tembakau ini satu tanaman yang digalakkan oleh negara, tidak kiralah ada phosphate, potasium di dalam baja itu, tetapi kalau benda ini digalakkan oleh negara, mengapa Kerajaan tidak bercadang mengadakan subsidi sehingga tidak membebankan penanam tembakau.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal tambahan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak terkeluar!

Tuan Lew Sip Hon: Sekim untuk subsidi bagi penanam tembakau ini berasal daripada dasar yang mana menanam tembakau ini ialah penting, tetapi jumlah yang dieksport.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal asalnya pun sama iaitu mahal. Kalau mahal apakah ikhtiar Kementerian untuk meringankan. Jadi soalan tambahan itu betul.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan supaya Kementerian saya menimbangkan samada boleh menjalankan satu sekim subsidi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, untuk meringankan.

Tuan Lew Sip Hon: untuk penanam-penanam tembakau. Jadi atas kepentingan penanam-penanam tembakau ini ada kemungkinan Kementerian saya akan mengambil perhatian dan kita akan mengkaji dengan teliti.

KOPERASI NELAYAN

16. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak koperasi nelayan telah ditubuhkan dan berapa yang tidak maju. Apakah sebab-sebabnya tidak maju itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang 106 buah Koperasi Nelayan terdiri dari 27 buah Persatuan Nelayan dan 79 buah Syarikat Kerjasama Nelayan telah ditubuhkan. Dari jumlah ini 5 buah Persatuan Nelayan dan 9 buah Syarikat Kerjasama Nelayan yang boleh dikatakan tidak maju dalam erti kata mereka tidak menjalankan aktiviti mereka tidak dapat mengadakan mesyuarat agong dan kira-kiranya pun tidak sempurna. Di antara sebab mereka tidak maju termasuklah pimpinan yang tidak memuaskan dan sikap ahli yang kurang mengambil berat terhadap pertubuhan mereka.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar satu daripada sebab kelemahan Koperasi Nelayan ini kerana tumpuan tidaklah sehebat seperti yang diberikan kepada Koperasi Peladang. Jadi, apakah tindakan yang akan diambil.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri betul tidak sedar samada perkara ini ada berlaku atau tidak, tetapi walau bagaimanapun saya hendak mengambil perhatian di atas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi

mengenai syarikat yang tidak maju dalam masaalah koperasi ini ialah masaalah penyelewengan dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak di antara koperasi-koperasi yang tidak maju ini antara lainnya kerana pemimpin-pemimpinnya menyelewengkan kewangan ataupun sebagainya.

Kedua, di antara potensi dan perkara-perkara yang besarnya ialah kurangnya fahaman ataupun sivik yang diberi kepada pemimpin-pemimpin tempatan mengenai koperasi ini. Kalau sedar, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menganjurkan kursus-kursus sivik kepada pemimpin-pemimpin koperasi setempat.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya seorang Timbalan Menteri yang baru dalam Kementerian ini, maka saya tidak sedar perkara ini, tetapi saya juga boleh membawa perkara ini kepada Kementerian untuk perhatian dan pertimbangan.

SETINGGAN KAMPUNG TASEK, AMPANG

17. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Menteriannya sedar bahawa Kampung Tasek di dalam kawasan Ampang adalah dalam keadaan yang paling tidak sesuai untuk didiami, kerana ia tidak ada mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, parit-parit dan taliair, bekalan air dan di samping itu tanahnya lembut dan tenggelam pada setiap masa, terutama sekali selepas hujan lebat. Apakah cadangan Kementerian ke arah memperbaiki keadaan yang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa sebenarnya Kampung Tasek di Ampang itu merupakan satu kawasan baru yang dibuka oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menempatkan setingan-setingan yang tinggal di kawasan Projek Maluri dan Kampung Pandan. Proses menempatkan setingan-setingan ini masih berjalan lagi dan oleh kerana itu tidak seluruh kawasan Kampung Tasek itu telah dimajukan atau diduduki sepenuhnya.

Kami diberitahu bahawa Kerajaan Negeri Selangor sememangnya ada rancangan bagi membekalkan Kampung Tasek tersebut dengan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, parit-parit, taliair serta bekalan air sebagaimana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Pembekalan kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja dianggarkan memakan belanja berjuta-juta ringgit tetapi akan juga memakan masa yang lanjut. Oleh sebab itu perlaksanaannya adalah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pada masa ini pembinaan jalan di kawasan tersebut sedang dalam peringkat awal.

Dalam memperkatakan tentang cadangan memperbaiki keadaan Kampung Tasek tersebut ataupun Kampung-kampung lain di seluruh Negara, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan mempunyai rancangan yang meluas dan usaha-usaha ini akan dijayakan dengan Kerjasama dan sepakatan di antara agensi-agensi Kerajaan yang bersangkutan-paut dengan kesihatan, kebajikan, pengairan, kerja-kerja awam, pertanian, pelajaran, pengangkutan dan sebagainya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar atau tidak bahawa penubuhan Kampung Tasek ini telah lama dirancang iaitu apabila hendak memindah satu kawasan setinggan di Kampung Pandan dan telah dijanji oleh Kerajaan Negeri Selangor dan pihak syarikat pemaju yang bertanggungjawab apabila setinggan-setinggan di kawasan Kampung Pandan ini pindah ke sana akan disediakan segala alat-alat kemudahan asas. Akan tetapi malangnya, sehingga hari ini mereka itu terasa seolah-olah tertipu oleh pihak pemaju perumahan dan juga janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kalau sedar, apakah tindakan Kerajaan Pusat mengenai perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masalah-masalah di bawah tanggungjawab Negeri Selangor tidak boleh dikemukakan di sini. Tetapi tentang pemaju-pemaju perumahan tadi di bawah Kementerian. Sila jawab.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya sedar tentang janji-janji yang dibuat oleh

pihak Kerajaan dan juga pemaju-pemaju perumahan. Tetapi setakat ini setelah kami hubungi pihak Kerajaan Negeri, mereka memberitahu kami bahawa sekarang ini oleh kerana pelaksanaan itu memerlukan berjuta-juta ringgit, maka segala kemudahan-kemudahan dan lain-lain itu akan dijalankan peringkat demi peringkat. Sebagai permulaannya buat masa ini pihaknya akan menjalankan suatu pembinaan jalan di peringkat awal. Kajian-kajian sedang dibuat dan, insya Allah, Kementerian saya akan menghubungi pihak-pihak yang tertentu dalam perkara ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kalau sekiranya Kementerian Perumahan ada kuasa terhadap pemaju yang berjanji kepada setinggan-setinggan yang ia akan membuat kemudahan asas tetapi setelah setinggan-setinggan ini keluar pindah ke Kampung Tasek, pemaju-pemaju ini tidak ambil tahu lagi masalah setinggan-setinggan di situ, apakah tindakan Kementerian Perumahan terhadap pemaju yang telah membohongi setinggan-setinggan yang telah pindah ke Kampung Tasek itu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut Akta Pemaju Perumahan, 1966 kita sebenarnya tidak terikat dengan janji-janji yang sedemikian rupa. Sebenarnya, pihak Kementerian kami tidak tahu-menahu persoalan ini telah dijanjikan begitu lama, tetapi apa yang pihak pemaju perumahan tertakluk ialah sekadar menyiapkan rumah dalam masa 18 bulan dan lain-lain peruntukan mengikut Akta tersebut.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Kalau saya ada bukti-bukti minit-minit mesyuarat terhadap perkara ini, kalau saya serahkan kepada pihak Kementerian, bolehkah pihak Kementerian mengambil tindakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu yang baik sekali, serahkan di luar Dewan kemudian.

AKTA SENJATAPI

18. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah benar dakwaan mengatakan bahawa

mereka yang didapati bersalah dan dihukum di bawah Akta Senjatapi boleh merayu dan diampunkan oleh seseorang Menteri.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa mereka yang didapati bersalah dan dihukum di bawah Akta Senjatapi ataupun mana-mana Akta boleh merayu dan diampunkan oleh seorang Menteri.

Tiap-tiap pensalah yang telah dihukum boleh membuat rayuan supaya diampun semuanya hukuman itu atau sebahagian daripada hukuman itu kepada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri bagi negeri di mana seseorang itu dibicarakan dan dihukum. Tiap-tiap negeri mempunyai Lembaga Pengampunan dan Lembaga inilah yang menimbangkan rayuan tersebut. Bagi Wilayah Persekutuan, pensalah itu boleh merayu kepada Yang di-Pertuan Agong dan Lembaga Pengampunan; Wilayah Persekutuan akan menimbang rayuan itu.

Peguam Negara sungguhpun seorang Menteri adalah seorang daripada ahli Lembaga Pengampunan dan dia cuma boleh membuat pendapatnya kepada Lembaga itu dan mengikut Perlembagaan Lembaga mesti menimbangkan pendapat Peguam Negara. Tetapi walaupun dia Peguam Negara sendiri, tidak ada hak mengampun.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa orang-orang yang kena hukum gantung boleh membuat rayuan kepada Lembaga Pengampunan. Soalan tambahan saya ialah adakah seorang Menteri berkuasa mengarah Penguasa (Superintendent) Penjara menangguhkan pengantungan mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 adalah di-beri di bawah ini).

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

2. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang kemerosotan serius semangat pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam dan

sebab yang paling serius yang menimbulkan keadaan ini ialah kerana pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman dan merit diketepikan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Ngan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan yang berkebolehan adalah ditimbangkan untuk dinaikkan pangkat bila kekosongan jawatan-jawatan yang lebih tinggi berlaku dalam perkhidmatan mereka. Mengikut Perintah Am Kerajaan Bab "A" (Perkara 50), seseorang pegawai itu akan dipilih untuk dinaikkan pangkat semata-mata atas kebolehannya. Untuk tujuan ini, kebolehan seseorang pegawai itu akan ditentukan mengikut:

- (i) kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya; dan
- (ii) sifat-sifat peribadi, termasuk keutuhan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

Kekananan (seniority) di dalam perkhidmatan hanya akan diambil kira apabila dua atau lebih pegawai itu didapati mempunyai kebolehan yang sama. Oleh hal yang demikian, pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman dan "merit" memang mempunyai peluang untuk dinaikkan pangkat apabila terdapat kekosongan jawatan-jawatan yang sesuai bagi mereka.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diluluskan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bermakna kalau ramai Ahli-ahli yang bercakap, maka berpanjanganlah majlis ini bersidang, tetapi sekiranya tidak ramai Ahli Yang bercakap dan jawapan Yang Berhormat Menteri-menteri pun pendek-pendek (*Ketawa*) dan selesai sebelum 6.30 petang, maka saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menjaga dan memulihkan orang-orang papa dan bagi mengawalkan kuturayau; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Seksyen 88 (1) Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka), 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENG- AMBILAN BALIK TANAH (PINDAAN) (NO. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Seksyen 19 dan Borang I di dalam Jadual Kedua Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan

Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara (Akta 56, 1965) dengan menambah Seksyen 362A dan 367A dan Jadual-jadual yang berkenaan ke dalamnya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (23hb November, 1976).

*Majlis mesyuarat menjadi sebagai
Jawatankuasa*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Majlis sedang menim-
bangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah
Kepala B. 25 dan P. 25 di bawah Kemen-
terian Perdagangan dan Perusahaan.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari
Ledang, kalau hendak menyambung ucapan-
nya.

Kepala B. 25 (Jadual)

*Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan,
1977)—*

3.35 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan
Pengerusi, saya suka menyambung sedikit
lagi percakapan saya semalam yang saya

hendak tujukan kepada Kepala P. 25 Pecahan-kepala (3) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) dan juga menyentuh Kepala 1100 berkenaan dengan penyertaan bumiputra dalam perdagangan. Semalam saya telah berkata bahawa oleh sebab sangat kurangnya bumiputra melibatkan diri dalam perdagangan terutama sekali dalam perindustrian kilang-kilang, maka sudah sepatutnyalah pihak Kementerian ini mengambil inisiatif iaitu berusaha supaya dapat bumiputra melibatkan diri dengan menubuhkan industri atau kilang-kilang dengan lebih banyak dengan menjalankan usaha bersama atau joint venture dengan pelabur-pelabur asing. Ada satu masalah ialah berhubung dengan kemampuan bumiputra dan saya suka mengesyorkan kepada Kementerian ini mengambil inisiatif mengumpulkan semua usahawan atau pedagang-pedagang bumiputra ataupun syarikat-syarikat bumiputra yang ada dalam negara kita samada dengan kerjasama Dewan Perniagaan Melayu ataupun dengan MARA dan dengan FIDA mengumpulkan, bukan sahaja modal, tetapi juga tenaga cerdik pandai supaya dapat bumiputra dengan secara langsung mengadakan joint venture dengan pelabur-pelabur asing di masa akan datang, terutama sekali menjelang Rancangan Malaysia Ketiga di dalam usaha hendak memenuhi Dasar Ekonomi Baru tentang perusahaan bumiputra. Dengan cara itu, saya rasa dapat sedikit sebanyak bumiputra menubuhkan kilang atau industri. Hari ini kita tidak nampak langsung adanya kilang seumpama ini, mungkin ada satu dua kilang kecil yang dibuat oleh MARA, sedangkan tempoh dasar ekonomi baru hanya tinggal 13 tahun lagi, sepatutnya daripada sekarang sekurang-kurangnya dalam satu tahun ada 4-5 industri bumiputra ditubuhkan samada dengan usaha bersama atau bersendirian. Bagi mencapai matlamat dalam tempoh 13 tahun lagi sepatutnya ada sekurang-kurangnya 70-100 industri yang diusahakan oleh bumiputra. Jadi pada tahun 1990 kita akan dapat memberi keyakinan bahawa Dasar Ekonomi Baru dari segi industri dan perniagaan dapat dirasai ataupun disertai oleh bumiputra dengan sepenuhnya.

Menyentuh Pecahan-kepala 1100 juga, Aktiviti (3) berkenaan Bahagian Penguatkuasa, saya suka memberi tahniah kepada pihak penguatkuasa yang telah menjalankan dayausaha yang begitu baik dapat mengawal

harga barang. Akan tetapi, kalau kita tengok dengan keadaan sekarang rasanya sudah menjadi satu tabiat kepada pekedai atau peniaga dalam negara kita apabila ada satu pengisytiharan Kerajaan, umpamanya Rancangan Malaysia Ketiga, maka dengan serta-merta pihak pekedai atau peniaga menaikkan harga barang sekalipun dikawal, dijaga oleh pihak Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan. Oleh itu saya minta jangan diberi peluang lagi kepada mereka membuat begitu, pihak Penguatkuasa hendaklah menjalankan tugas dengan lebih ketat dan lebih cergas. Bila ada berita di akhbar daripada orang kampung mengatakan barang mahal, terus ambil tindakan supaya jangan Kerajaan kita dikuasai oleh saudagar atau pekedai untuk menaikkan harga barang mengambil kesempatan daripada sesuatu rancangan Kerajaan yang dibuat dari setahun ke setahun. Biar kita menguasai mereka, bukan mereka menguasai kita, tetapi sepanjang masa kita nampak mereka menguasai Kerajaan dengan menaikkan harga rempah, bawang, lada dan barang-barang keperluan sehari-hari yang mustahak yang tidak dikawal itu dengan sesuka hati. Ini menyebabkan bahawa terlibatnya orang-orang kampung yang mereka rasai bahawa demi apabila datangnya rancangan Kerajaan, maka mereka akan menderita, membeli barang-barang mahal kerana dinaikkan oleh pekedai.

Saya suka juga menyentuh dalam bahagian Kemajuan Perindustrian tadi iaitu dalam masaalah modal, saya nampak oleh sebab dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan ada menyediakan \$200 juta saham untuk bumiputra, saya rasa inilah sebaik-baik jalan iaitu modal \$200 juta itu diberikan kepada pihak perbadanan yang saya katakan tadi, pengusaha Melayu yang ditubuhkan daripada semua syarikat bumiputra dan dengan \$200 juta dapat dimasukkan modal joint venture membuat kilang-kilang dengan pelabur-pelabur asing. Misalnya, sesuatu kilang yang dibuat di tanah air kita yang dimodalkan \$5 juta maka pihak bumiputra dengan melalui pertubuhan ini, bukan melalui Kerajaan atau S.E.D.C., melalui badan-badan bumiputra betul-betul dapat melaburkan di situ dengan \$5 juta atau lebih, kemudian kalau ada syarikat yang lain dapat

dilaburkan lagi dengan pokok modal \$200 juta yang diberi oleh Kerajaan. Kalau Kerajaan menggunakan \$200 juta ini hanya membeli share bagi pihak S.E.D.C. atau pihak Kerajaan itu tidak ada guna, duit itu berbalik kepada Kerajaan sendiri, usahawan bumiputra tidak akan merasa atau bumiputra tidak akan merasa bangga yang mereka melibatkan diri menyertai dalam perniagaan secara langsung, sebab yang memberi itu duit Kerajaan sendiri. Kita hendak biarkan pihak usahawan bumiputra sendiri dengan inisiatif Kementerian Perdagangan menjalankan usaha. Saya rasa dengan cara begini kita boleh nampak kilang-kilang ataupun perindustrian bumiputra akan dapat dibangunkan dalam negara kita ini.

Lagi satu yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan sikap orang-orang yang bukan bumiputra terhadap peniaga-peniaga bumiputra sendiri dalam hal mengsabotajkan barang-barang yang hendak dibeli oleh bumiputra, terdapat setiap tahun kita nampak pengaduan dalam suratkhbar atau dalam Dewan ini sendiri disebutkan. Patutlah pihak Penguatkuasa atau Kementerian sendiri mengadakan undang-undang yang perlu agar menjadi satu kesalahan sesiapa yang menahan atau pembekal-pembekal yang mengsabotaj orang lain kalau ada bukti, maka mereka dianggap salah dan boleh hukum, mereka harus sedar bahawa perbuatan yang seumpama itu akan merosakkan bukan sahaja dasar Kerajaan tetapi perhubungan harmoni antara kaum yang ditujukan oleh Dasar Ekonomi Baru kita atau oleh Rukunegara kita. Ada satu kaum terasa mereka disabotajkan dengan tidak dapat pembekalan barang-barang bagaimana hendak membuat rumah, bagaimana hendak mendirikan bangunan, ini kita terasa sangat dan pengaduannya cukup banyak. Saya rasa patutlah pihak Kementerian tidak membiarkan perkara ini berlaku lagi berlanjutan dengan diambil tindakan yang keras dan kalau perlu mengadakan undang-undang sebarang pembekal yang mengsabotajkan satu usahawan yang lain ataupun syarikat yang lain boleh menjadi satu kesalahan kalau sekiranya ada bukti-bukti yang sah. Saya rasa ini sahaja untuk membetulkan keadaan ini supaya tidak berlaku pada masa yang akan datang.

3.43 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya mengucapkan tahniah kerana saya dapat tahu Menteri berkenaan keluar daripada negara kita yang mana tujuannya tak lain tak bukan untuk mencari pelabur asing supaya melaburkan lebih banyak lagi ke negara kita ini. Kita berdoa di atas rancangan Kementerian yang berkenaan moga-moga dijayakan oleh Allah.

Tuan Pengerusi, saya bercakap atas Kepala B. 25 Pecahan-kepala 1100 tentang bahagian penguatkuasa. Saya amatlah sokong sebagaimana yang dinyatakan oleh Wakil dari Ledang disamping saya menambah bahawa kebanyakan daripada pekedai-pekedai selain daripada mengambil peluang di atas cukai yang diumumkan oleh Kerajaan mereka juga telah meletakkan harga-harga dengan tidak begitu tepat. Sebab yang saya katakan begitu, Tuan Pengerusi, saya sendiri pada malam semalam telah membeli satu barang yang harganya yang ditetapkan \$17. tetapi bila di tawar-menawar akhirnya barang tersebut saya dapat membeli \$15. Tetapi ada di antara kedai-kedai yang telah menetapkan harga barang yang tidak boleh di tawar-menawar. Kalaulah begini keadaannya, misalnya, di Kuala Lumpur seorang yang datang untuk membeli belah tentulah dia boleh jadi terkena diatas sikap pekedai-pekedai tersebut. Saya biasa bercakap tentang hal demikian beberapa tahun yang lepas, kata Menteri yang berkenaan kita tidak salah, boleh ditawarkan tetapi yang salah kalau tanda harga tidak ditaruh. Apakah erti tanda harga ditaruh kalau harganya tidak tepat dan menasabah. Ini bererti dengan taruh harga boleh juga pembeli-pembeli dimainkan. Saya berharap Menteri yang berkenaan supaya menetapkan quality itu menasabah dengan harga yang berkenaan sebab benda ini banyak terkena kepada pembeli-pembeli. Di samping itu, saya berharap sangat; ini selalu berlaku, pekedai-pekedai kerap kali hendak ambil untung yang banyak daripada pengguna atau pembeli dua tiga masa. Yang pertama, meng ambil kesempatan di masa kenaikan cukai, belum cukai dinaikkan mereka sudah naikan dahulu, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli dari Ledang tadi. Yang kedua, di hari-hari kebesaran, Hari Raya Haji, Hari

Raya Puasa dan hari-hari kebesaran yang lain. Saya berharap Kementerian yang berkenaan mengawasi betul-betul perkara yang saya nyatakan tadi.

Perkara kemajuan dan penggalakan perdagangan, saya berpendapat segala penggalakan perdagangan patutlah kita kaji betul-betul baik pun daripada luar negeri. Apa-apa barang yang kita hendak dagang di sini yang dibuat daripada negeri lain, misalnya negeri Jepun hendaklah kita mengadakan berbagai-bagai syarat, katakanlah, motorkar yang kerap kali kita juga selain daripada negeri lain kita bawa masuk daripada Jepun dan banyak juga bahan-bahan daripada negeri kita seperti getah sebagainya. Kita amat sedeh kadang-kadang kita mengimpot berbagai-bagai barang daripada Jepun, sedangkan Jepun satu negara yang menggunakan bahan getah tetapi mereka telah membuat getah tiruan. Kalau kita satu negara yang mengimpot berbagai-bagai barang daripada Jepun maka Jepun patut bertimbang rasa dengan membeli getah daripada kita sebanyak-banyaknya dan janganlah mereka membeli getah tiruan atau membuat getah tiruan.

Yang kedua, dari segi kemajuan perdagangan dan perindustrian ini kita amat dukacita kerana kita beri peluang kepada negara asing untuk melaburkan atau bersyarikat sama dengan negara kita baik dengan bumiputra dan sebagainya. Mereka ini masuk share dengan kita misalnya \$200,000 dengan menggunakan satu mesin atau injin yang kita sudah modal mereka bukan dengan wang, tetapi bawa mesin second-hand berharga \$100,000. Sebenarnya harga mesin itu tidak lebih daripada \$50,000 tetapi mereka menetapkan \$100,000 share yang mereka masuk. Kita tidak mengatakan share kosong, tetapi sharenya tak manasabah barang yang berharga \$50,000 dikatakan \$100,000. Perkara yang saya nyatakan boleh jadi berlaku dan saya harap Kementerian yang berkenaan mengawasi perkara ini supaya tidak akan berlaku.

Yang kedua, dalam perkara yang sama dari segi perindustrian, saya berasa sukacita di mana dalam ucapan pembentangan Menteri yang berkenaan pada petang semalam telah menyatakan akan membuat industri-industri yang paling banyak, terutama di negeri-negeri yang kurang maju.

Bila disebut negeri kurang maju, ini termasuklah negeri saya sendiri iaitu Perlis, yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kedah, Perlis, Trengganu, Pahang dan Kelantan. Saya mengalu-alukan pengumuman Menteri yang berkenaan dan saya harap sangat diusahakan sungguh-sungguh supaya dibuat sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau dan disamping itu juga saya berharap biarlah industri ini memberi manafaat kepada anak tempatan negeri-negeri itu seboleh-bolehnya. Kita kadang-kadang berasa dukacita industri yang ditubuhkan dalam negeri Perlis setakat ini ada dua tiga yang paling maju sekali iaitu kilang gula dan kilang simin, tetapi apa yang berlaku dalam kilang simin dan juga kilang gula kadang-kadang amat menyedehkan. Pengarah yang berkenaan boleh dikatakan buat pandai dengan sewenang-wenangnya. Kita tidak nafikan. Mereka mengeluarkan wang dengan banyak tetapi boleh jadi apa yang saya katakan tadi telah berlaku kepada kilang simin dan begitu juga kilang gula. Mereka menggunakan pekerja-pekerja banyak daripada luar negeri. Ini bukanlah saya menyentuh perasaan kenegerian, tetapi perasaan manusia perkara itu tentulah kita tidak boleh nafikan. Kalau adapun pekerja-pekerja yang terdiri daripada anak negeri ialah pekerja-pekerja buruh kasar yang gajinya amat murah dan kerjanya amat teruk. Mengapakah pihak yang berkenaan tidak boleh memberi kerja yang patut seperti yang didapati oleh orang lain itu yang datang daripada negeri lain.

Bila dikaji dari segi kebolehan, tidaklah begitu berbeza sangat kebolehan anak tempatan yang kelulusannya sama dan kadang-kadang lebih lagi daripada anak di luar negeri. Ini amatlah menyedihkan, apatah lagi kalau dibandingkan dengan bumiputra yang kebanyakannya bekerja sebagai buruh kasar dan sebagainya. Saya berharap kepada Kementerian khasnya kepada Menteri yang berkenaan, yang saya tahu sungguh-sungguh bertimbang rasa memikirkan untuk menaikkan bumiputra; Kementerian beliau akan mengadakan industri yang banyak. Perkara ini patut dikaji. Janganlah banyak industri sahaja, sedangkan bumiputrnnya menjadi kuli. Kita berilah peluang sama kepada kaum bumiputra yang mana saya

katakan tadi. Dan juga saya berharap apabila industri didirikan kelak, maka gaji pekerjanya, patutlah dikaji, kerana kerap kali kita dengar pihak-pihak pedagang atau pihak-pihak yang mengadakan industri yang mengeluarkan modal yang banyak kalau bahan itu tidak ada daripada negeri-negeri yang berkenaan, tentulah perkara itu tidak akan dibuat.

Yang akhirnya sekali, Aktiviti (10) Penyertaan Bumiputra. Walau pun Kerajaan telah menggalakkan supaya bumiputra itu naik disegenap segi, seperti pemborong, perindustrian dan sebagainya, kita tidak nafikan bahawa kita serba-serbi lemah: dari segi pengalaman, pengurusan, kewangan juga dari segi perhubungan antara satu dengan lain. Misalnya ia barang-barang yang dibuat. Penedar-penedar itu terdiri daripada bukan bumiputra. Dengan sebab itu, saya berharap penyertaan bumiputra dari segenap segi, patutlah diberi keistimewaan. Misalnya dari segi impot ekspot dan apa-apa barang pun patutlah diberi keistimewaan kepada bumiputra. Kalau dibandingkan sama rata dengan yang bukan bumiputra, saya berpendapat amatlah susah bagi bumiputra ini untuk menyamakan lagi, harus sampai 30 tahun pun kita tidak dapat hendak menyamakan, kerana sebagaimana saya katakan tadi dari segenap segi kita kekurangan, walau pun ada dijalankan oleh Menteri yang berkenaan. Saya berharap patutlah diadakan quota bagi barang-barang impot dan ekspot khasnya bumiputra, misalnya 60 atau 70 agak difikirkan oleh Kementerian yang berkenaan.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

3.53 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan yang pertamanya saya ingin merujuk kepada Kepala B. 25, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, tugas utama Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-Pengguna Kebangsaan ialah untuk menasihat Yang Berhormat Menteri mengenai langkah-langkah

menjaga kepentingan pengguna-pengguna, sementara memberi penghargaan kepada sebuah Majlis seperti itu walau bagaimana pun ia sepatutnya menjadi sebuah Badan yang berkesan sekiranya ia bertujuan memperlingkungan kepentingan-kepentingan pengguna-pengguna. Dalam hal ini orang ramai, iaitu pengguna-pengguna Malaysia tidak begitu puas hati dan tidak yakin bahawa Majlis penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan dalam bentuk yang ada sekarang dapat menjaga dan melindungi kepentingan-kepentingan mereka.

Pertamanya dari segi perundangan Majlis ini hanya mempunyai kuasa menasihat sahaja dan apa-apa rekemendasi yang dibuat untuk kepentingan pengguna bolehlah ditolak oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua, kandungan Ahi-ahli Majlis Penasihat ini sangat tidak memuaskan, tidak mencerminkan pandangan-pandangan dan kepentingan-kepentingan pengguna. Ini ialah kerana kebanyakan Ahli-ahli Majlis Penasihat terdiri dari kakitangan-kakitangan Kerajaan dan bukan terdiri daripada orang-orang yang boleh bercakap dengan berkesannya untuk kepentingan-kepentingan pengguna.

Ketiganya, orang ramai tidak begitu banyak mengetahui mengenai Majlis Penasihat ini. Sebagai contoh beberapa kali Majlis ini telah bermesyuarat sejak ia ditubuhkan apa perkara yang telah dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat itu, apakah perkara-perkara yang direkemenkan dan berapa kerap rekemendasinya di tolak oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, memandangkan sebab-sebab di atas tidak hairan kalau orang ramai tidak yakin akan ketegasannya mengambil berat mengenai kepentingan-kepentingan pengguna. Bila kita perhatikan rekod atau usaha Kerajaan melawan inflasi pada tahun-tahun yang lepas dan membantu melindungi kepentingan-kepentingan pengguna-pengguna tidak bolehlah dikatakan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan mempunyai rekod yang memuaskan.

Masanya telah sampai bagi Yang Berhormat Menteri membuat pandangan yang kedua kali terhadap masaalah keseluruhan pelindung pengguna ditempatnya, sekiranya Kerajaan dengan ikhlasnya hendak mengambil langkah-langkah menjaga dan memajukan kepentingan-kepentingan pengguna.

Satu usaha yang sistematik, tegas dan beraturan tunggal di pihak Kerajaan bagi melindungi kepentingan pengguna-pengguna terhadap pembuat-pembuat, pengimpot-pengimpot, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit yang mengambil untung-untung yang berlebihan dan eksploitasi-eksploitasi mereka perlulah di ambil. Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang ujud sekarang ini tidak dapat memainkan satu peranan yang penting ini. Apa yang diperlukan hari ini ialah sebuah Kementerian yang asing dibentuk semata-mata menjaga hal ehwal pengguna di negara ini melindungi kepentingan pengguna-pengguna dan menentukan bahawa kuasa membeli oleh orang-orang miskin dipulihkan dengan menjaga pengguna-pengguna daripada dieksploitasi melalui harga yang tidak adil.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara Pelindungan Pengguna, saya ingin juga menyatakan bahawa masanya telah tiba untuk mengadakan suatu pergerakan pengguna atau consumers' movement yang kuat dan berkesan. Bagi satu pergerakan pengguna yang kuat dan berkesan dimajukan di Malaysia. Pertamanya, ia mesti diberi bantuan kewangan Kerajaan untuk membiayai kegiatan-kegiatan dan keduanya, ianya mestilah bebas sepenuhnya daripada kawalan atau pengaruh Kerajaan.

Sekarang saya ingin merujuk sedikit mengenai Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (6) Kemajuan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pembangunan perindustrian, saya ingin menyentuh sedikit tentang Akta Penyelarasan Perindustrian. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan beberapa kali di dalam dan di luar Parlimen bahawa pelabur-pelabur tempatan dan asing tidak perlu bimbang mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian dan Kementerian beliau sentiasa mengamalkan satu dasar yang liberal dan pragmatic apabila melaksanakan Akta itu. Yang Berhormat Menteri juga berkata bahawa peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Akta ini akan dipinda. Saya ingin menyatakan di sini bahawa sekiranya apa-apa pindaan hendak dibuat kepada Akta ini pindaan-pindaannya mestilah menyeluruh, tegas dan asasi. Ianya tidak akan bermakna sekiranya pindaan kecil sahaja yang hendak dibuat. Pindaan-pindaan itu mestilah, saya tegaskan di sini, pindaan-pindaan yang besar, tegas

dan asasi. Dalam hubungan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bilakah pindaan-pindaan ini akan dibuat kepada Akta ini dan beliau patut memberi satu jawapan yang tepat mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana semua pembuat-pembuat telah diberi masa hingga 30hb April, 1977 untuk memohon lesen di bawah Akta itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa sekiranya pindaan-pindaan tidak siap pada tarikh itu, maka Yang Berhormat Menteri patutlah menimbang, memberi lagi masa kepada tarikh muktamad. Ini adalah adil kepada semua mereka yang belum memohon lesen-lesen dan kepada mereka yang masih menunggu-nunggu dengan bersikap awas dan lihat. Saya sekali lagi hendak menegaskan di sini bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian dalam bentuk yang ada sekarang ini sangat mengejutkan dan tidak boleh diterima sepenuhnya oleh pihak swasta melainkan dan sehingga Kerajaan dapat membawa pindaan-pindaan yang memuaskan kepada Akta ini, kedua-dua pelaburan tempatan dan asing di negara ini akan teruk terancam. Biarlah Akta Penyelarasan Perindustrian ini adalah unique dan satu contoh yang pahit untuk diambil sebagai tauladan supaya tidak ada sebarang undang-undang yang boleh berjalan tanpa penyertaan dan kerjasama orang ramai, dalam kes ini ialah pihak swasta. Memandangkan hal ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan bahawa sebelum apa-apa undang-undang hendak dikemukakan pada masa hadapan sepatutnya terlebih dahulu dibincangkan dengan orang-orang dan pihak-pihak yang terlibat. Dalam Akta Penyelarasan Perindustrian ini adalah sangat dikesalkan apabila undang-undang ini mula-mula dikemukakan, Kerajaan tidak berhubung dengan pihak swasta untuk mendapat pandangan-pandangan mereka.

Tuan Pengerusi, memandangkan peranan yang penting yang dimainkan oleh sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, saya dengan ini menggesa Kerajaan supaya menggunakan cara (approach) yang luas atau dalam bahasa Inggeris "open-minded approach" dan sentiasa bersedia menimbang dan menerima pandangan yang positif dan membina daripada sektor swasta terutama sekali mengenai pembangunan perindustrian. Dengan pandangan ini, saya sekali lagi menggesa Yang Berhormat Menteri mengambil langkah-langkah untuk

menentukan bahawa pindaan-pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian diterima oleh pihak swasta supaya pihak swasta dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan dinamis di dalam rancangan perindustrian ini.

Mengenai kemajuan perindustrian juga, saya terpaksa menegaskan di sini bahawa terdapat satu faktor yang menjejaskan (frustrate) pelaburan dan industrialisation di negara kita. Pada masa sekarang terdapat jurang perbezaan yang besar di antara dasar-dasar yang digariskan oleh Menteri-menteri dengan pentafsiran dasar-dasar tersebut oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Ini bukanlah masalah baru, ianya telah wujud juga pada masa yang lama dan masih wujud hingga hari ini. Setiap tahun kita telah belanjakan beratus-ratus ribu ringgit untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan di luar negeri supaya dapat menarik lebih ramai pelabur-pelabur menanam modal di negara kita. Sebelum pelabur-pelabur asing ini tiba di Malaysia mereka diberikan satu gambaran yang baik tentang apa yang mereka boleh menduga, tetapi apabila mereka sampai di Malaysia, mereka telah menghadapi beberapa kesulitan dan kesukaran yang diakibatkan oleh pentafsiran berlainan dasar-dasar Kerajaan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang tertentu. Beberapa pihak di negara kita telah melahirkan rasa khuatir mereka atas perkara ini dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri juga sedar tentang hal ini.

Terdapat beberapa majallah ekonomi di negara kita yang telah menulis beberapa rencana mengenai perkara ini dan juga ada majallah yang telah mengisikan interview-interview mengenai perkara ini. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian serius tentang pandangan-pandangan, masalah-masalah dan cadangan-cadangan yang saya telah bangkitkan dan mengambil langkah-langkah segera untuk merapatkan jurang perbezaan di antara pengumuman-pengumuman dasar dengan pentafsiran dasar supaya pelaburan dan industrialisation di negara kita dibereskan dengan baik.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh sedikit mengenai Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3)—Bahagian Penguatkuasa. Berkenaan dengan Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, ingin saya mencadangkan di sini bahawa kita

memerlukan lebih ramai lagi pegawai-pegawai penguatkuasa supaya dapat menyemak dan mengawal bahan-bahan tiruan atau palsu dan spurious yang terdapat di dalam pasaran sekarang yang membahayakan kepada orang ramai. Saya terpaksa menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan satu hakikat yang terdapat di pasaran sekarang. Banyak bahan-bahan palsu (tiruan) (spurious products) yang telah dapat mengelak perhatian pegawai-pegawai Kementerian beliau. Barang-barang spurious ini telah timbul di pasaran tempatan dalam beberapa bentuk seperti shampoo, ubat batuk cap kaki tiga, baby gripe water, Johnson and Johnson baby powder, minyak rambut tan chow, vitamin wellypo, Hallibo dan lain-lainnya.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa sekiranya bahan-bahan tiruan (spurious products) tidak dikawal, bahan-bahan tersebut akan jatuh ke tangan orang-orang yang tidak kenal huruf di mana kebanyakan daripada mereka itu terdiri daripada penduduk-penduduk kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan luar bandar. Apabila bahan-bahan spurious ini digunakan bahan-bahan spurious itu akan mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna, kesihatan mereka akan terancam dan nyawa mereka akan menghadapi bahaya. Memandangkan kepada hal ini dan demi kepentingan pengguna-pengguna di negara kita khasnya mereka yang datang daripada kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung baru, saya menyeru Yunit Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil lebih lagi pegawai-pegawai supaya sentiasa dapat mengawasi bahan-bahan tiruan yang terdapat di dalam pasaran tempatan.

Bersabit dengan peranan Yunit Penguatkuasa untuk menentukan supaya ada bekalan yang cukup atas barang-barang keperluan dan untuk menjaga supaya harga barang-barang itu adalah berpatutan, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai harga gula pasir yang menjadi bahan yang perlu.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh dua tahun yang lampau harga gula pasir di pasaran antarabangsa sudah turun macam ribut. Menurut satu lapuran ajensi, harga gula pasir di pasaran dunia ialah £650 satu tan dalam bulan November, 1974, tetapi sekarang ini harga gula pasir ialah lebih kurang £120 satu tan. Pada tahun 1975 Malaysia telah

menandatangani satu perjanjian dengan pembekal di Australia bagi bekalan selama lima tahun, iaitu bekalan gula mentah dengan harga US\$600 satu tan. Saya difahamkan iaitu perjanjian gula ini telah dirundingkan berikutan dengan turunnya harga gula. Hasil dari rundingan semula harga gula sebagaimana yang saya difahamkan telah jatuh kepada US\$250 satu tan.

Saya suka hendak meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan samada hal ini benar atau tidak, jika benar, mengapa faedahnya tidak disalurkan kepada pengguna-pengguna dengan menurunkan harga gula. Oleh kerana lebih daripada 70% gula yang kita makan adalah gula yang diimport dalam bentuk gula mentah maka saya rasa perkara ini adalah mustahak dan untuk kepentingan orang ramai. Memandangkan hal yang tersebut di atas ini, saya menyeru Kerajaan iaitu berikutan dengan turunnya harga gula di pasaran dunia supaya menurunkan harga gula runcit di negeri ini supaya rakyat jelata yang miskin akan dapat membelinya dengan harga yang murah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan Ahli Yang Berhormat dari Parit. Selepas itu, saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.10 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini dan saya cuma ingin menyentuh di atas Kepala B. 25, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (10)—Bahagian Penyertaan Bumiputra.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana mengadakan satu bahagian khas dimana tujuannya ialah yang ditubuhkan pada tahun 1974 khususnya untuk membantu dan mengawasi penyertaan bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perindustrian dan sejak penubuhannya bahagian ini telah menumpukan perhatian kepada penyertaan bumiputra dalam pengedaran barang-barang. Usaha ini telah mencapai matlamat yang baik dan akan diteruskan bagi menentukan bahawa bumiputra dapat mengedar kesemua jenis barang yang diedarkan di negara ini. Ini ialah huraian

yang diberi oleh Kementerian ini. Jadi apabila kita tengok daripada penerangan-penerangan ini memanglah elok diadakan satu bahagian dan kalau bahagian ini menjalankan tugas-tugasnya sepertimana yang diterangkan, bolehlah dibayangkan bahawa seolah-olah kaum bumiputra sekarang sudah berada di ambang syurga. Tetapi adakah ini benar, menjadi satu persoalan. Saya menyatakan di sini setakat ini sudah dua tahun bahagian ini ditubuhkan penyampaian ataupun kejayaan yang dicapai oleh bahagian ini sangat menyedihkan. Mungkin ada beberapa sebab dan mungkin satu daripada sebabnya ialah Kementerian ini tidak ada perhubungan rapat dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain kerana mereka ini juga terlibat dalam perkara ini. Misalnya, sesuatu kilang apabila hendak didirikan mesti ada pelan. Kalau tidak ada pelan kilang tidak dapat didirikan dan bumiputra tidak boleh menjalankan perusahaan perkilangan. Jadi, apabila jabatan-jabatan lain jahil daripada segi tujuan asas bahagian ini, timbullah perkara-perkara, misalnya, seorang bumiputra hendak mendirikan satu kilang kecil dalam kampung lebih kurang berharga \$60,000 dikehendaki membuat jamban sehingga \$11,000—jamban sahaja, belum kilang, padahal hamba Allah ini cuma ada \$10,000. Inilah satu daripada contohnya dimana jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengan bahagian penyertaan bumiputra terlalu jahil daripada segi ini.

Lagi satu perkara yang saya ingin minta perhatian Kementerian ini ialah pengambilan pegawai-pegawai eksikatif bumiputra di dalam syarikat-syarikat swasta. Saya minta Kementerian ini mengawasi betul-betul supaya pegawai-pegawai ini tidak menjadikan sebagai window dressing sahaja. Misalnya, seorang pegawai bumiputra diberikan satu jawatan Company Secretary gaji \$2,700 sebulan tetapi apakah tugas-tugas pegawai ini, cuma menulis surat-surat dalam Bahasa Malaysia apabila syarikat ini ada perhubungan atau perkaitan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan. Padahal ini bukan dasar atau tujuan yang asas menempatkan pegawai ini memegang satu jawatan yang begitu tinggi sebagai Company Secretary dengan gaji yang begitu lumayan sebanyak \$2,700 sebulan, cuma menulis surat dalam Bahasa Malaysia. Ini contohnya.

Selain dari itu penyertaan bumiputra juga boleh digiatkan lagi dalam bidang pengedaran barang-barang. Ini juga saya minta Kementerian ini mengawasi betul-betul tindak-tanduk, kekecohan, penyelewengan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta yang besar-besar, misalnya memberi ejensi kepada bumiputra. Kalau hendak beri ejensi motor misalnya, janganlah beri ejensi di kawasan atau territory dimana kegunaan motor begitu terhad ataupun diberi ejensi jentera-jentera membajak, janganlah diberi kawasan (territory) kepada ejen-ejen bumiputra ini dimana kawasan-kawasan tanah sawah begitu sempit. Apabila tanah sawah sempit penjualan juga akan kurang. Apabila penjualan kurang timbullah perkataan-perkataan sumbang mengatakan ejen bumiputra tidak boleh menjual barang-barang. Inilah kekecohan dan penipuan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta. Samada Kementerian ini, pegawai-pegawai daripada jabatan ini tahu atau tidak saya tidak sedar tetapi perkara ini berlaku. Pada hal dasarnya ialah supaya bumiputra dapat mengambil bahagian, dapat mengedarkan kesemua jenis barang yang diedarkan di negara ini. Jangan kata begitu sehingga hendak menjadi ejen rokok pun susah, apatah lagi hendak jadi sole agent, direct agent dan sebagainya. Inilah saya minta supaya jabatan ini mengambil perhatian berat kerana tujuan ditubuhkan bahagian ini begitu mulia dan murni, kalau jabatan ini tidak menjalankan tugasnya sebagaimana yang dikehendaki, dasar Kerajaan hendak mengadakan 30% penyertaan bumiputra dalam bahagian ini tidak akan tercapai.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara dalam bidang penyertaan bumiputra juga, sungguhpun telah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, ialah dalam bidang perfileman. Bidang inilah yang mana bumiputra begitu kurang sehingga diseluruh negara ini perusahaan ini telah dibolot oleh dua tiga gergasi sehingga monopolinya begitu besar, begitu kuat, tidak dapat ditembusi oleh Kementerian sendiri. Saya yakin dan percaya bahawa Kementerian ini akan menubuhkan satu Perbadanan Filem Nasional dan apabila Badan ini ditubuhkan saya syorkan perkara-perkara ini diambil berat.

Yang pertama mengharamkan pengeluar-pengeluar filem mendirikan pawagam-pawagam pada masa hadapan kerana ini

telah biasa dilakukan di negara-negara lain dimana pengeluar filem tidak dibenarkan mengadakan pawagam ataupun tuanpunya pawagam tidak dibenarkan menjadi pengeluar-pengeluar filem.

Yang kedua, Kementerian ini mesti berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan supaya mendirikan pawagam di tiap-tiap negeri supaya dapat memberi peluang kepada pengusaha-penguasa filem tempatan terutama sekali bumiputra mengadakan tempat-tempat First Class atau Second Class untuk menayang filem-filem ini. Kita tidak mahu gambar-gambar Melayu ditayang di pawagam P. Ramlee, pawagam Coliseum dan sebagainya. Dan ini juga bukan perkara mustahil—memang boleh, dengan syarat ada keikhlasan hendak mengatasi masalah ini.

Yang ketiga, pawagam-pawagam yang ada sekarang mesti disyaratkan supaya menayangkan sekurang-kurangnya pada permulaan ini gambar-gambar keluaran tempatan sekurang-kurangnya seminggu dalam sebulan. Pada hal di setengah-setengah negara lain gambar-gambar luar cuma dibenar menayang cuma seminggu dalam sebulan. Gambar tempatan tiga minggu satu bulan.

Yang keempat, saya syorkan supaya Perbadanan ini mengadakan satu tabung untuk membiayai pengeluar-pengeluar filem tempatan untuk mendapatkan pinjaman dengan sehabis-habis ringan dan tabung ini boleh dibiayai daripada cukai-cukai hiburan yang terdapat sekarang. Ini juga telah dilakukan di setengah-setengah negara lain. Misalnya di satu negara apabila seseorang pengeluar filem-filem tempatan dapat mengedarkan filemnya dan mendapat hasil daripada cukai hiburan sebanyak D.M. 6 juta (Deutsche-marks) pengeluar itu berhak dapat pinjaman daripada tabung ini tanpa faedah untuk mengeluarkan filemnya yang kedua dan seterusnya. Ada juga negara-negara yang daripada tabung ini juga, peminjam boleh meminjam dengan sehabis-habis ringan faedahnya.

Yang kelima, saya syorkan supaya diharamkan pengimpot filem daripada luar melalui negara luar, kerana ini adalah satu penipuan. Misalnya, kalau gambar-gambar Eropah hendak diimpot masuk ke dalam negeri ini mestilah terus daripada Eropah

ke negeri ini, jangan melalui Hong Kong, Singapura atau Taiwan, kerana syarikat-syarikat di negeri ini juga ialah tuan punya syarikat yang ada di sini. Kerana apa yang berlaku sekarang filem-filem daripada luar negeri seperti Eropah dan sebagainya diimpot melalui negara luar ini dengan harga pasaran yang tertentu dan apabila masuk ke dalam negara kita ini dengan harga yang begitu tinggi, sebab keuntungannya pergi kepada negara yang kedua ini, kerana negara yang kedua juga ialah tuan punya syarikat yang mengimpot filem dalam negara ini. Dengan tidak secara langsung, keuntungan itu dapat dikeluarkan tanpa kesedaran kita.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Satu perkara lagi. Yang akhirnya, saya minta supaya Kementerian ini mengadakan satu quota kemasukan filem-filem luar. Dengan adanya syor-syor yang saya sebutkan ini barulah dapat pengusaha-pengusaha tempatan bernafas dan memberi peluang kepada mereka untuk mempromosikan lagi dalam filem ini kerana saya yakin dan percaya industri ini ialah sebagai satu gold mine dalam negara kita ini.

4.25 ptg.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang ahli Majlis Kebangsaan Pelindung Pengguna suka memulakan dengan sedikit teguran berkenaan dengan peruntukan yang telah disediakan di bawah beberapa Pecahan-pecahan kepala dan di bawah berbagai-bagai aktiviti yang tercatat di dalam buku ini.

Pertama sekali, saya nampak pada amnya tidak ada tambahan. Setengah-setengah ada juga potongan, dikurangkan yang mana apa yang ditambah itupun terlalu sedikit.

Di bawah Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2)—Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna, tahun ini peruntukan sebanyak \$53,000 tahun depan begitu juga peruntukannya \$53,000. Kakitangannya untuk tahun sudah ada seramai lima orang dan tahun ini lima orang juga. Ini menandakan satu keadaan yang agak ganjil sedikit. Kalau betul kita sudah isikan kelima-lima kedudukan pegawai itu dan pada tahun hadapan juga lima pegawai terus berjalan

sekurang-kurangnya mesti ada beberapa ringgit diuntukkan sebagai kenaikan gaji biasa. Ini barangkali Yang Berhormat Menteri ataupun pihak yang berkenaan boleh terangkan. Saya khuatir dan syak bahawa barangkali ini menjadi satu tanda; kurangnya minat pihak berkuasa kepada badan ini atau kurang seriousnessnya berkenaan dengan usaha ini. Kemungkinan ada barangkali rancangan untuk menempatkan orang-orang yang junior, orang yang pangkat rendah, orang yang baru mula bekerja sahaja di tempat latihan. Orang-orang yang kanan selepas bekerja satu dua tahun, tukar; ambil pula orang baru. Cara menggunakan orang-orang yang berjawatan rendah yang tidak payah ditinggal supaya mereka mendapat pengalaman dan kenaikan gajinya tempat itu, barulah dikekalkan keadaan di mana peruntukan gaji untuk lima orang pada tahun ini sama juga peruntukan gaji untuk lima orang bagi tahun hadapan.

Barangkali ini salah pada anggapan saya. Saya haraplah jangan jadi sampai begitu. Biarlah tinggalkan pegawai-pegawai yang sudah mahir supaya mereka dapat tetap di situ dan supaya mereka dapat naik gaji atau naik pangkat di tempat itu dan dapat menjalankan kerjanya dengan sempurna. Jangan kerana hendak menjimatkan wang sedikit, orang baru diganti selalu, tentu tidak dapat kerja dengan sempurna—terpaksa belajar selalu.

Di bawah Pecahan-kepala 1200, Aktiviti (2) sama juga, satu sen pun tidak bertambah. Begitu lah keadaannya.

Di bawah Pecahan-kepala 1300, Aktiviti (2) begitu juga. Tahun ini \$4,500—tahun depan \$4,500. Begitu juga di bawah Pecahan-kepala 2100, bagi tahun ini \$50,000—tahun depan \$50,000.

Di setengah-setengah Pecahan-kepala tidak masuk langsung peruntukan untuk Urusetia. Entahlah, barangkali tidak payah agaknya.

Begitu juga Pecahan-kepala 2300, Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan peruntukannya \$2,000 tahun ini, \$2,000 tahun hadapan. Cuma satu sahaja yang menggalakkan ialah tentang pencetakan. Nampaknya peruntukannya akan bertambah daripada \$25,000 tahun ini menjadi \$50,000 tahun hadapan. Samada peruntukan \$20,000 yang telah diadakan tahun ini sudah dipakai, saya tidak tahu.

Tetapi saya telah bersungut dahulu dan saya akan ulang lagi sungutan ini, iaitu Kerajaan kita dan Dewan yang mulia ini telah mengadakan beberapa undang-undang yang baik untuk melindungi pengguna, akan tetapi malangnya naskah undang-undang inipun payah dibeli. Kalau pergi ke Percetakan Kerajaan meminta naskah undang-undang ini tidak dapat dibeli. Kalau keadaan macam ini, saya ingat undang-undang yang dibuat tidak difaham dan tidak diedar kepada orangramai. Orangramai yang patut tahu undang-undang ini tidak tahu. Sebab itu, saya dalam Dewan yang mulia ini sudah beberapa kali mengulang, meminta, merayu, menuntut dan pada hari ini juga saya mengulangi lagi, merayu dan menuntut supaya kita lebih cergas berusaha menjamin bahawa semua undang-undang berkaitan dengan pengguna ini disediakan, diadakan dengan secukupnya supaya sesiapa sahaja yang hendak membeli atau hendak mendapatkannya, boleh dapat. Ini barangkali bukan salah Kementerian ini tetapi salah Kementerian yang lain tetapi Kementerian ini ada kewajiban untuk campurtangan supaya menjamin Kementerian lain yang bertanggungjawab itu menyediakan naskah undang-undang itu secukupnya tetapi bagi Kementerian ini sendiri khususnya untuk Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan berusaha untuk mengeluarkan risalah-risalah kecil yang dikarang dengan bahasa-bahasa yang senang dalam semua bahasa, bukan sahaja Bahasa Kebangsaan—Bahasa Malaysia tetapi juga dalam bahasa Inggeris, bahasa China, bahasa Tamil, bahasa Iban semua bahasa umat negeri ini sebagai penerangan menerangkan kandungan undang-undang yang ada ini. Saya tahu usaha dijalankan tetapi setakat ini belum lagi kita lihat dan dengan bertambahnya lagi \$25,000 menjadi \$50,000 untuk percetakan ini, saya harap rayuan ini dapat dilaksanakan.

Begitu juga di bawah Pecahan-kepala 2700, Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, tahun ini \$5,000 diuntukkan tetapi tahun depan dipotong menjadi \$4,000 iaitu berkenaan dengan Bekalan dan Bahan-bahan. Barangkali ada sesuatu sebab ini dilakukan tetapi saya harap sebab itu bukanlah kerana pihak Kerajaan kurang memberi perhatian yang sewajarnya kepada tanggungan dan peranan Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan ini.

Di bawah Pecahan-kepala 2800—Penyelenggaraan dan Pembaikan yang Dibeli; entah apa ini, saya pun tidak diterangkan tetapi pada angkanya tahun ini diperuntukkan \$7,000 untuk Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan akan tetapi tahun hadapan dipotong langsung, barangkali ada juga sesuatu sebab. Perkara yang rasanya sakit sekali yang tidak dapat saya tahu kerana perasaan ini iaitu berkenaan dengan Pecahan-kepala 4100—Bayaran Pindaan, di bawah Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung, Pengguna Kebangsaan pada tahun 1976 ini diuntukkan \$30,000 tahun hadapan dipotong tinggal separuh iaitu \$15,000. Kalau tidak salah pada fahaman saya wang inilah digunakan untuk memberi bantuan (grant) kepada pertubuhan pergerakan pengguna dan sebagainya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

Saya suka menegaskan sebab di dalam masyarakat kita yang mengamalkan perusahaan bebas (free enterprise) ini sangatlah perlu kita menggalakkan pergerakan pengguna (consumers movement) ini untuk mengimbangkan keadaan di mana pihak pemodal, pihak perniagaan dan perusahaan yang memang mempunyai pertubuhan, memang ada pakatan dan ada berbagai cara untuk bersatu, berpakat menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka dan mencari sebarang peluang untuk mendapatkan keuntungan yang lebih—kelebihan kadang-kadang, kalau tidak ada di kalangan orang ramai pergerakan pengguna yang boleh juga berusaha untuk mendidik (educate) pengguna, untuk bergerak, untuk menjaga kepentingan pengguna tidak dapat satu keadaan yang tidak seimbang akan timbul yang akan mendatangkan satu suasana yang akhirnya mengugut keadaan dan terus perjalanannya cara bermasyarakat yang kita amalkan pada waktu ini berasaskan kepada kebebasan sehingga ke lapangan perniagaan di mana profit motive dan kebebasan diberi untuk menggalakkan mereka yang terlibat dalam perniagaan menjalankan segala usahanya. Dari segi socio-politik, dari segi mendukung cara hidup yang mengamalkan demokrasi, dari segi keadilan sosial, dari segi ketenteraman negeri ini, dari segi keselamatan dan semua segi ini adanya sesuatu pergerakan pengguna yang sihat, yang teratur, yang boleh menjalankan peranan yang sempurna sangatlah penting. Ini mesti dijadikan dan mesti

diterima oleh pemerintah, oleh Kerajaan sebagai satu dasar, satu polisi bukan setakat mengadakan sahaja satu urusetia yang begini kecil. Saya harap tidak lama lagi dapat urusetia ini diperbesarkan menjadi satu bahagian dalam Kementerian. Seterusnya bahagian ini mestilah berkembang sehingga menjadi satu Kementerian. Sudah banyak negara-negara di dunia ini yang berkemajuan, di negeri-negeri yang sudah berkemajuan di mana penduduk-penduduknya cukup pelajaran dan pengetahuan yang pada biasanya boleh menjaga dirinya sendiri (they can fend for themselves).

Dalam keadaan negara-negara yang berkemajuan semacam inipun di mana penghuninya sophisticated boleh difikir sendiri, boleh menimbang sendiri, dalam keadaan itupun diadakan Kementerian-kementerian, diadakan ejensi-ejensi Kerajaan yang tertentu untuk menjalankan usaha, memperkokoh, menggalak dan membantu pergerakan pengguna. Kita sendiri sudah diusulkan iaitu untuk peruntukan di bawah Pecahan-kepala 1100 tadi inipun tentang bahagian Penguatkuasa, elok ditambah tetapi setakat tambah \$10,000, \$20,000 tidak cukup. Walaupun ini dilipatgandakan 10 kalipun namun tidak dapat kita perkuatkuasakan segala undang-undang dan peraturan yang ada dalam negeri ini. Cuma satu jalan sahaja yang dapat menjamin bahawa semua peraturan-peraturan dan undang-undang yang diadakan untuk melindungi pengguna ini dapat dijalankan dengan sempurna iaitu bukan dengan cara bergantung semata-mata dengan bahagian Penguatkuasa akan tetapi dengan kerjasama dari orangramai, kerjasama daripada rakyat, kerjasama dari pengguna-pengguna, kerjasama daripada pergerakan pengguna. Jadi, di sinilah penting juga iaitu pergerakan pengguna itu mesti diberi bantuan. Yang kita rasa amat malu ialah Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan luar negeri telah memberi bantuan kepada sesuatu pergerakan pengguna dalam negeri ini dengan anggaran wang yang berlipat kali ganda Kerajaan sudah mengeluarkan setakat ini. Mahukah Kerajaan kita lanjutkan keadaan ini supaya membuka pintu membiarkan pergerakan pengguna ini menjadi mangsa, menjadi perkakas kepada pertubuhan dan Kerajaan asing.

Saya ingat masa sudah tiba Kerajaan patut semak keadaan ini dan buat peraturan di mana sesuatu bantuan yang datang dari

luar tidak patut diberi terus kepada sebarang pertubuhan pengguna London ini melainkan disalurkan menerusi agensi Kerajaan ataupun menerusi Kerajaan sendiri. Barangkali kalau terdapat begitu, baru insaf Kerajaan setakat mana perlunya Kerajaan sendiri mengeluarkan bantuan ini dan menghentikan keadaan di mana banyak pertubuhan pengguna kita masih memandang keluar negeri, masih meminta sedekah keluar negeri, masih meminta bantuan dari luar negeri.

Saya juga suka sebut berkenaan dengan perkara Akta Penyelarasan Perindustrian. Saya tidak mahu bercakap panjang dalam perkara ini sebab perkara ini telah dibahaskan dan telah diucapkan, akan tetapi sebagai memenuhi satu kewajipan pada diri saya yang berpegang kepada prinsip dan dasar yang mahu kemajuan perusahaan dalam negeri ini berjalan dengan sempurnanya supaya tidak tergendala dan tidak timbul rintangan dan tidak timbul halangan kepada kemajuan yang telah dicapai selama ini di lapangan perindustrian kita ini supaya pihak Kerajaan dan pihak Kementerian akan sedar bahawa antara lain-lain perkara yang telah dibangkitkan dalam negeri kita dalam masa setahun dua ini yang barangkali menimbulkan satu suasana was-was, suasana takut, suasana kebimbangan, suasana yang mendorong orang menunggu-nunggu, menanti-nanti sebelum mahu bergerak, mahu menanam modal, mahu betul-betul menambahkan modalnya ataupun memperbesarkan usahanya dan sebagainya. Ini Yang Berhormat Menteri sendiri barangkali sudah tahu, tidak payah saya ulangkan, tetapi menjadi kewajipan sebagai seorang Wakil Rakyat yang selalu ditemui oleh orang, yang selalu diberi berbagai-bagai pandangan dan hujjah dalam perkara ini, saya harap perkara ini dipertimbangkan dengan penyertaan semua golongan yang terlibat supaya dapat segala syak, segala kebimbangan yang mungkin tidak berasas itu dapat dikikiskan sama sekali, sebab saya rasa sangat perlulah kita mengikiskan segala salah sangka, syak, rasa was-was dan segala kebimbangan berkait dengan Akta ini. Dalam perkara ini saya mengulangkan lagi malangnya Undang-undang itu telah diluluskan dengan sangat cepat sehingga setengah-setengah Ahli Parlimen yang pada waktu itu telah menyatakan "Ya" kebanyakannya, biar saya katakan terus-terang di sini di hadapan khalayak

ramai, kita sendiri dalam Parlimen ini tidak sempat menyemaknya, tidak sempat menimbang, tidak sempat mendapatkan teguran ataupun bauh fikiran

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak payahlah bangkitkan perkara itu, tumpukan kepada Pecahan-kepala ini sahaja.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Terima kasih. Perkara yang ketiga dan akhir yang saya hendak bangkitkan Penyertaan Bumiputra. Saya mengucapkan terima kasih kepada segala usaha yang telah dijalankan akan tetapi tidak dapat tidak saya terpaksa juga menegur bahawa ada banyak tanda-tanda yang timbul berkenaan cara-cara usaha ini dijalankan. Banyak yang telah dikemukakan oleh orang lain, saya tidak mahu ulangi, tetapi saya cuma hendak bertanya sahaja. Seperti pembahagian, inipun hasil daripada sungutan orang ramai. Apa asas, apa cara yang dipakai sebagai panduan kepada Bahagian Penyertaan Bumiputra ini atau Kementerian sendiri tentang pembahagian syer-syer yang diberi kepada Kementerian untuk dipelawakan kepada bumiputra.

Misalnya baru-baru ini beberapa juta syer-syer untuk Tasek Cement telah dikeluarkan. Khabarnya setengah orang dapat sampai berpuluh-puluh ribu, setengahnya satu syer pun tidak dapat. Siapa yang telah dipelawakan, apa saluran dipakai, apa cara. Perkara ini patut diumumkan supaya orang ramai tahu cara-caranya supaya tidak timbul perasaan tidak puas hati ataupun sangkaan-sangkaan yang macam-macam permainan telah berlaku. Pendeknya antara cara-cara yang dibuat, saya telah difahamkan bahawa pemimpin-pemimpin parti telah diberi satu blok sekian banyak dan pemimpin parti pula pilih-kasih, beri pula kepada kawan-kawannya. Ini satu amalan saya ingat patut dikaji semula, sebab kalau dijalankan secara ini bukan sahaja tidak adil kepada bumiputra umumnya akan tetapi ini akan menjadi keris yang menikam tuannya. Ini akan memecah-belahkan parti kita sendiri, kerana dengan cara pilih-kasih antara golongan, inilah timbulnya pegawai-pegawai yang telah mendapatkan factionalism dan perpecahan, boleh jadi ini juga satu punca timbulnya factionalism ataupun berpuak-puak, berkomplot dalam parti. Saya minta perkara ini dijelaskan dengan sejelas-jelasnya dan pada masa akan datang, janganlah buat cara ini.

Anggapkan setiap bumiputra samada terlibat orang UMNO atau bukan orang UMNO sebagai bumiputra dan jangan menggunakan saluran parti untuk memilih-kasih, untuk membahagi-bahagikan syer ini, sebab ini akan mendatangkan pecahnya dan robohnya parti kita sendiri.

Tuan Pengerusi: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Parit dan selepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.48 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebanyak \$47 juta lebih.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 170, Kepala B. 25, Pecahan-kepala 2400, Aktiviti (3) Bahagian Penguatkuasa. Berkenaan dengan harga-harga barang, tidak kira barang terkawal atau sebaliknya, Kerajaan mestilah bersikap lebih tegas lagi dalam soal ini kerana terdapat banyak pekedai-pekedai yang menaikkan harga-harga mengikut sesuka hati mereka sahaja tetapi pihak Kementerian apabila kita beritahu perkara sedemikian maka akan berkata: Berikan nama pekedai, alamat, tarikh dan sebagainya. Kalau begitu nampaknya pihak Kementerian bukanlah benar-benar menjalankan tugasnya tetapi hanya menunggu laporan dari orang ramai. Janganlah terjadi seperti pahat dengan pemukul. Dalam perkara ini, saya rasa Yunit Penguatkuasa Kementerian hendaklah memperbanyakkan lagi serbuan-serbuan mengejut supaya dapat ditangkap pekedai-pekedai yang berbuat demikian. Bagi orang-orang yang makan gaji memanglah mereka tidak merasa kesan-kesan kenaikan harga ini, tetapi bagi orang kampung yang bekerja sendiri kenaikan harga sesuatu barang itu sangatlah mereka rasakan.

Pecahan-kepala 2400, Aktiviti (6) dalam muka surat yang sama iaitu Kemajuan Perindustrian. Memandang kepada perkembangan pesat negara kita di bidang perdagangan dan perindustrian pada hari ini, maka boleh dikatakan hampir keseluruhannya kawasan-kawasan yang dahulunya hutan di sekitar bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan lain-lain telah menjadi kawasan perindustrian, penuh dengan kilang-kilang tidak kira kecil atau besar. Tetapi

dengan terdirinya kilang-kilang ini maka telah timbul pula masalaah di bandar-bandar kerana terlalu ramai belia dan beliawanis berhijrah mencari kerja di bandar-bandar ini, maka terdapat pula masalaah tempat tinggal, masalaah kesesakan penduduk dan sebagainya.

Jadi, bagi mengatasi masalaah-masalaah seperti ini dari berlanjutan maka eloklah Kerajaan menggolakkan pengusaha-pengusaha kilang sekiranya hendak mendirikan kilang eloklah didirikan di kawasan luar bandar kerana sekiranya telah ada kilang-kilang didirikan di kampung, tidaklah lagi belia-belia dan beliawanis kita berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dan dengan berbuat demikian sedikit-sebanyak usaha Kerajaan untuk membandarkan luar bandar akan dapat dicapai.

4.53 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, perhatian dan syor-syor berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Di sini sukalah saya mengambil kesempatan untuk memberi jawapan yang saya anggap perlu tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya sungguh berasa dukacita di atas kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang menyatakan saham Tasek Simen yang baru dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan kepada bumi-putra menerusi Kementerian saya telah diberikan berlandaskan, kata beliau kepada perkara pilih kasih dan saham-saham ini telah disalurkan kepada pemimpin setengah-setengah badan tertentu yang telah menyalahgunakan saham ini. Saya sangat berasa dukacita oleh kerana mengikut yang saya tahu kenyataan yang diberi oleh beliau itu adalah dengan tidak berlandaskan kepada kenyataan. Kalau betul ada kenyataan, suka saya menerima laporan yang penuh daripada Ahli Yang Berhormat dan kalau betul saya akan membuat penyiasatan

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Untuk penerangan, Tuan Pengerusi, saya kata tadi

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu! Kalau hendak mengganggu ucapan seseorang, kalau Yang Berhormat Menteri hendak memberi jalan, bolehlah.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tidak mengapa, saya suka mendengarnya.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Apa yang saya sebutkan tadi ialah berasas kepada apa yang orang tegur ataupun orang komplek kepada saya. Mungkin itu tidak betul. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi segala tuduhan ini mengisytiharkan satu senarai siapa-siapa yang telah diberi itu, berapa banyak telah diberi supaya kalau pembahagian ini diumumkan secara terbuka, maka segala tuduhan itu dapat diatasi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya hairan, Ahli Yang Berhormat seorang yang terpelajar boleh mengeluarkan ucapan di sini berlandaskan kepada perkara hearsay evidence yang didengar daripada orang dan menyuarakan dengan begitu lantang, dengan begitu kasar di Dewan ini dengan tidak terlebih dahulu menghubungi pihak saya. Saya berpendapat lebih baik jikalau sekiranya kenyataan itu didengar daripada orang lain, berjumpa dengan saya dahulu, mendapat kenyataan, baru bersuara dengan lantang di Dewan ini. Jadi, saya dukacita tuduhan yang melulu seperti ini dibuat dengan tidak terlebih dahulu menghubungi saya, lebih-lebih lagi apabila perkara kenyataan ini diterima bukan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri, tetapi daripada hearsay evidence. Tentang perkara ini saya sukalah menjelaskan memang ada senarai di Kementerian saya dan kalau Ahli Yang Berhormat suka sila datang ke Kementerian, boleh saya arahkan pegawai yang bertanggungjawab dalam perkara ini menerangkan senarai dan memberitahu satu-persatu golongan orang-orang samada syarikat-syarikat, orang-orang perseorangan, badan-badan berkenaan yang telah diperuntukkan saham ini oleh badan yang berkenaan menerusi Kementerian. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat membangkitkan perkara Pantai Kuda. Pantai Kuda ini sebenarnya menepati sebagaimana namanya Pantai Kuda. Dia sebenarnya adalah satu lapangan pasir di pantai laut yang telah wujud dengan pasir ini dilonggok yang dipanggil

Tuan Pengerusi: Kuda tidak ada?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kuda tidak ada, tetapi dia macam kuda dan dia bergerak (*Ketawa*). Ia sand bank, dahulu tidak ada di situ, tetapi macam kuda dia datang, dia telah ditimbun di situ dan macam kuda juga, satu hari mungkin dia lari. Oleh itu, Badan Pelancungan telah menyiasat perkara ini dan mendapati bahawa memandangkan kepada keadaan pantai di situ sebagai pantai yang sementara dari segi rupa sand bank, didapati tidak boleh diadakan projek-projek pelancungan secara besar-besaran.

Dalam pada itu pihak Pelancungan telah mendapat tahu daripada pihak yang berkenaan di peringkat Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan mengadakan projek-projek supaya menjadikan Pantai Kuda itu sebagai pantai rekrasi di mana dicadangkan diadakan, motel-motel, restaurant supaya pelancung-pelancung daripada Negeri itu dan daripada kawasan-kawasan yang berdekatan dapat melancung ke tempat ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh perkara berkenaan dengan Bahagian Penguatkuasa dan juga kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini, kata Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab dan tugas menyiasat serta menangkap orang-orang yang menyorok barang-barang kawalan yang disorok tidaklah diselenggarakan dengan begitu pesat sebagaimana masa-masa yang lepas.

Suka saya menyatakan dalam keadaan inflasi kita bertambah baik dengan barang-barang keperluan boleh diperolehi dengan banyak dan dengan harga berpatutan maka kejadian menyorok adalah lebih kurang belakunya daripada masa-masa yang lepas. Tetapi dalam pada itu kita tidak sunyi juga mengambil tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk menyiasat dan juga mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini.

Di sini saya ada mempunyai angka yang menunjukkan Bahagian Penguatkuasa ini adalah memang terus bergerak dengan cergasnya. Di dalam masa tempoh daripada 1-3-1974 sehingga 31-10-1976 jumlah kes-kes yang dibawa adalah sebanyak 193 kesemua-nya 121 kes telah dibawa ke mahkamah dan 71 daripada 121 kes yang dibawa ke mahkamah itu telah dibicara dan diputuskan

dalam mana denda sebanyak \$86,000 telah dikenakan kepada orang-orang yang telah didakwa dalam mahkamah itu. Di dalam 121 kes itu, 11 adalah didapati tidak bersalah, 39 kes lagi masih ditangguhkan untuk dibicarakan dan 43 kes lagi di dalam penyiasatan. Kenyataan bahawa 71 kes ini telah diselesaikan dan didapati salah orang yang dituduh daripada 121 kes menunjukkan bukan sahaja kegiatan pegawai-pegawai yang berkenaan menjalankan tugasnya, bukan sahaja dari segi menyiasat bahkan juga dari segi pendakwaan, tetapi dalam pada adanya kenyataan bahawa mereka itu cekap menjalankan tugasnya kita tidak sunyi juga terus memberi kursus-kursus kepada pegawai-pegawai di dalam berbagai aspek bidang pekerjaan, tanggungjawabnya supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi daripada masa yang lepas.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyatakan sekatan qota dikenakan untuk melindungi pengeluaran-pengeluaran tempatan supaya dapat ianya memasarkan barang-barang keluaran di pasaran tempatan, apabila sesuatu qota dikenakan, peruntukan khas diperuntukkan untuk pemohon bumiputra menjadi pengedar barang-barang yang dikeluarkan di kilang-kilang tempatan supaya mereka itu dapat kesempatan menjadi pengedar barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyatakan rasa kebimbangan beliau di atas jauhnya jurang ataupun gap di antara penyertaan kaum bukan bumiputra dengan bumiputra di bidang perusahaan. Dalam perkara ini, suka saya menyatakan bahawa bilangan bumiputra yang berserta di dalam projek perusahaan ialah lebih daripada yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat mengatakan mungkin 3-4 sahaja yang terlibat. Yang sebenarnya dalam masa tempoh di antara 1971-75, 76 buah projek bumiputra yang telah diluluskan itu dan 26 daripadanya adalah diselenggarakan oleh badan-badan agensi ataupun koperasi Kerajaan dan 50 buah projek oleh kaum bumiputra dari segi perseorangan. Jumlah modal daripada 76 projek itu ialah \$53.65 juta bagi projek-projek yang diselenggarakan oleh badan agensi Kerajaan dan \$31.73 juta bagi projek-projek yang diselenggarakan oleh kaum bumiputra secara perseorangan.

Selain daripada itu sebagaimana Ahli Yang Berhormat juga maklum, kaum bumiputra terlibat juga di dalam projek-projek perusahaan kilang di dalam negara ini dengan kilang-kilang perusahaan diberi kelulusan di bawah Undang-undang Galakan 1968 diminta menawarkan atau menjual sekurang-kurang 30% daripada saham mereka itu kepada bumiputra dan lebih kurang \$200 juta nilai harga saham macam ini telah diambil oleh kaum bumiputra. Bagi projek yang diselenggarakan oleh badan-badan agensi Kerajaan, MARA dan Tabung Haji, maka wang ataupun faedah keuntungan daripada faedah projek usaha bersama daripada badan-badan berkenan Kerajaan itu dengan pelabur-pelabur modal tempatan dan daripada luar, akhirnya akan disalurkan juga kepada kaum bumiputra apabila sampai masanya bagi badan-badan agensi Kerajaan itu menjualkan saham-sahamnya kepada pihak bumiputra dari segi syarikat ataupun badan-badan perseorangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah sekali lagi membangkitkan perkara Akta Penyelarasan Perindustrian, suka saya menjelaskan di sini sekali lagi bahawa Akta ini tidaklah sebagaimana yang dikatakan oleh segolongan pihak yang saya tahu tidak ramai adalah menghalang peluang-peluang pelabur modal. Akta ini telah diadakan bagi faedah dan kepentingan pelabur-pelabur modal sendiri. Saya yakin pelabur-pelabur modal tentu menerima baik satu-satu undang-undang yang mempunyai tujuan supaya perkembangan perindustrian di dalam negara berjalan dengan teratur dan baik bagi faedah negara dan pelabur-pelabur modal itu sendiri.

Di dalam keadaan perkembangan sektor perkilangan yang pesat di masa ini dan di masa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga di mana bidang sektor perindustrian adalah satu daripada sektor yang penting, kita perlu mempunyai satu Akta yang boleh menjamin supaya perkembangan sektor ini berjalan ke arah jalan yang sihat, iaitu sihat bagi negara, sihat bagi rakyat, dan sihat bagi pelabur-pelabur sendiri. Pelabur-pelabur tentu tidak suka melihat kilang-kilang wujud sewenang-wenangnya semacam cendawan di merata ceruk rantau di dalam negara tanpa sebarang pengawasan mahupun kawalan sebagaimana yang telah berlaku pada masa yang lepas di

dalam mana hanya kilang-kilang yang memerlukan galakan ataupun insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 sahaja yang dapat diketahui pembinaan dan perjalanannya. Ini adalah hanya 10% sahaja daripada kilang-kilang yang ada di dalam negara kita. Oleh kerana itu banyak masalah telah berbangkit, masalah umpamanya kekotoran alam sekitar sebagaimana yang telah ditimbulkan dalam masa soal-jawab tadi, sungai dan laut dibanjiri oleh kekotoran daripada kilang-kilang masalah kilang-kilang dibina di kawasan yang tidak sepatutnya diadakan kilang, masalah over production, ataupun produksi yang berlebihan oleh kerana terlampau banyak kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang yang serupa. Masalah pelabur-pelabur tempatan tergesa-gesa mengadakan projek-projek perkilangan dengan tidak mendapat pimpinan, nasihat, panduan menyebabkan akhirnya mereka sendiri menderita banyak kerugian. Akta Penyelarasan ini bukan sahaja dapat menolong kita mengatasi masalah yang saya sebutkan di atas bahkan yang akan memberi kesempatan kepada pelabur-pelabur modal yang tertakluk di bawah Akta itu untuk mendapat kemudahan dari segi nasihat dan pimpinan daripada Kerajaan. Maka oleh itu, tidak hairanlah saya bahawa semenjak berjalan kuatkuasa Undang-undang ini, banyak pekilang-pekilang yang dikecualikan daripada kuatkuasa Undang-undang ini di bawah kuasa pengecualian di bawah Akta ini oleh kerana modalnya kurang daripada yang ditetapkan iaitu \$250,000 atau sebab-sebab di mana mereka boleh dikecualikan telah memohon supaya mereka diberi kelulusan lesen di bawah Akta ini, sungguhpun sebagaimana saya katakan tadi ia dikecualikan daripada kuatkuasa Undang-undang ini.

Sebagaimana juga saya telah terangkan, Kementerian adalah bersedia menimbangkan kemungkinan meminda mana-mana peruntukan di dalam undang-undang itu yang didapati kurang jelas, pengertiannya yang boleh sebagaimana yang dibimbangkan oleh setengah Ahli-ahli Yang Berhormat tadi boleh disalah tafsirkan dan disalahgunakan pula oleh orang-orang yang melaksanakan yang boleh mengujudkan perkara tidak adil, sebagai contoh satu daripada memoranda yang telah dihantar oleh satu daripada Dewan Perniagaan yang membawa perkara

ini kepada kita telah menyatakan kebimbangan mereka di atas kuasa diberikan di bawah undang-undang ini dalam mana pegawai-pegawai di Kementerian boleh menyeludup masuk dalam satu-satu bangunan tanpa waran daripada mahkamah menyeludup bangunan dan mengambil apa-apa sahaja didapati di dalam bangunan itu samada jentera ataupun dokumen dengan tidak kebenaran daripada sesiapa. Pihak yang menghantar memorandum telah menyatakan kebimbangan bahawa dengan kuasa yang begini penuh diberi kepada pegawai yang berkenaan, mungkin ada perkara penyalahgunaan kuasa. Saya bersetuju peruntukan dalam undang-undang semacam ini adalah peruntukan yang saya anggap luar biasa sedikit, kerana biasanya apabila kuasa menyasat, menyeludup satu-satu bangunan itu dijalankan perlu terlebih dahulu satu waran didapati daripada mahkamah. Ini adalah satu contoh dalam mana saya sendiri berpendapat bahawa satu daripada peruntukan dalam undang-undang ini tidak begitu tepat dan mungkin boleh disalahgunakan oleh yang melaksanakan tanggungjawab di bawahnya dan oleh kerana itu saya bersetuju tindakan diambil supaya peruntukan semacam ini dipinda. Umpamanya, kalau tidak diminta waran daripada mahkamah sekurang-kurangnya sebelum pegawai ini melakukan tindakan masuk ke satu-satu bangunan, dia mestilah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Menteri ataupun sekurang-kurangnya daripada Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan.

Satu lagi contoh peruntukan yang dibimbangkan ialah katanya kuasa yang begitu penuh diberi kepada Menteri yang boleh membatalkan, memansuh, menolak permohonan satu-satu permit lesen untuk perkilangan oleh mana-mana pihak. Saya bersetuju, kalau sekiranya ini dibimbangkan Menteri menggunakan kuku besi menjalankan kuatkuasanya menghapuskan satu-satu lesen, menafikan hak seseorang itu untuk lesen dengan sewenang-wenangnya dengan tidak ada keadilan, saya bersetuju kita adakan satu pindaan di mana kita adakan satu tribunal, badan rayuan di atas Menteri. Umpamanya, Investment Committee yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri, mungkin boleh dimasukkan di dalam peruntukan pindaan yang dijadikan satu badan yang

boleh mendengar satu-satu rayuan yang telah dibuat oleh seorang di atas satu-satu keputusan oleh Menteri yang berkenaan. Ini saya sebutkan, sebagai contoh dalam mana kita boleh mengadakan pindaan-pindaan supaya menghapuskan ambiguity perkara kekeliruan yang kurang jelas dan perkara yang boleh disalahgunakan oleh pihak yang berkenaan, tetapi bagi meminda kesemua undang-undang ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan ini bermakna kita hapuskan undang-undang ini. Repeal sebagaimana yang diminta oleh setengah-setengah pihak, tidaklah sekali-kali boleh kita timbangkan. Sebagaimana yang saya katakan tadi undang-undang ini perlu bagi kepentingan negara, bagi kepentingan pemodal-pemodal dan perkara meminda kesemua peruntukan atau membatalkan undang-undang ini tidaklah dapat dipertimbangkan oleh pihak kami.

Tuan Pengerusi, tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ledang supaya ditubuhkan satu Badan daripada usahawan-usahawan bumiputra untuk mengendalikan projek-projek perindustrian, ini adalah saya rasa cadangan yang baik, tetapi sepatutnya iniatif itu datangnya daripada bumiputra-bumiputra sendiri. Saya berpendapat ini adalah satu syor yang menasabah, oleh kerana saya yakin daripada pengalaman yang telah saya dapati di Kementerian ini bahawa payah sekali bagi seorang bumiputra dari segi individu menjalankan satu-satu projek perindustrian secara mengurus, secara membina kilang, kerana maklumlah projek semacam ini memerlukan modal yang banyak, memerlukan pakar-pakar teknik yang agak banyak juga dan tentulah susah bagi seseorang itu bergerak mengadakan kilang-kilang tanpa bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan satu kumpulan badan usahawan bumiputra yang boleh mengumpulkan modal, mengumpulkan pengalaman dan mengumpulkan bijak pandai dari segi teknik pengurusan dan sebagainya, mungkin boleh mengatasi masalah kurangnya kaum bumiputra terlibat secara langsung, secara aktif dalam bidang penyer-taan dalam bidang perindustrian. Kementerian saya sedia memberi apa sahaja

bantuan dari segi panduan, tunjuk-ajar nasihat kepada mana-mana badan yang boleh ditubuhkan mengumpulkan usahawan-usahawan bumiputra yang boleh bergerak dengan lebih cergas lagi dalam bidang projek-projek perindustrian.

Dalam pada itu dari segi penyertaan, sebagaimana saya katakan tadi ada banyak juga usahawan-usahawan Melayu atau bumiputra yang telah terlibat dari segi usahasama dengan pelabur-pelabur tempatan dan juga di luar negeri dari segi pembelian saham, dari segi menjadi partner di dalam usahasama (joint-venture) projek perusahaan dibidang perindustrian di beberapa tempat di dalam negeri dan Kementerian menerusi FIDA adalah mengambil langkah supaya memperbanyakkan lagi bilangan bumiputra terlibat dalam bidang itu.

Baru-baru ini kita telah mengeluarkan umpamanya satu buku panduan dalam Bahasa Malaysia yang memberi laporan lengkap tentang cara-cara, jalan-jalan dalam mana pihak bumiputra boleh memulakan projek-projek perusahaan secara kecil dan secara besar dan selain daripada itu Bahagian Penyertaan Bumiputra juga satu yunit dalam bahagian FIDA adalah diarahkan mempunyai tugas memberi apa sahaja bimbingan, bantuan dan panduan yang boleh dibagi kepada kaum bumiputra supaya mereka terlibat lebih-lebih lagi di dalam bidang penyertaan di bidang perindustrian.

Saya suka juga menyentuh berkenaan dengan satu perkara yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dalam mana Ahli Yang Berhormat telah menyoal tentang kedudukan harga gula pasaran tempatan sekarang ini memandangkan kepada harga gula yang murah di pasaran luar negeri. Saya menyedari dan mengakui bahawa perbezaan di antara harga gula puteh di dalam negeri dengan luar negeri adalah jauh bezanya. Harga gula bahan mentah sebenarnya adalah jauh bezanya pada masa ini dengan keadaan harga gula di luar negeri. Suka saya menerangkan bahawa sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam tahun 1974, bukan tahun 1975 sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, dunia termasuk negara kita mengalami kekurangan bekalan gula dan ini telah membangkitkan harga gula mentah di pasaran dunia pada masa itu melambung sungguh tinggi. Di

bawah keadaan yang begitu dan untuk menjamin bekalan gula kepada negara, Kerajaan pada masa itu dalam tahun 1974 telah menanda tangani sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi satu perjanjian bekalan gula jangka panjang atau long term contract selama enam tahun dengan Australia dan Fiji di mana mereka akan membekalkan sebanyak 70% keperluan gula mentah negara tiap-tiap tahun. Harga yang ditetapkan di bawah perjanjian itu ialah \$722.55 satu tan panjang dan harga ini sangatlah rendah pada masa itu jikalau dibandingkan dengan harga pasaran dunia yang pada masa itu adalah sebanyak \$2.552 satu tan panjang. Dengan perjanjian ini Kerajaan telah dapat mengelakkan kenaikan harga runcit gula di pasaran tempatan dimana dalam tahun 1974 sepatutnya harga dinaikkan kepada kadar \$2.62 sekati dan dalam tahun 1975 90 sen sekati, tetapi dengan kerana perjanjian jangka panjang kita ini dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan kita telah dapat mengekalkan harga itu di atas kadar 60 sen, 65 sen sekati. Jadi sebagaimana yang saya telah jelaskan dalam Dewan ini baharu-baharu ini dengan keadaan harga bahan mentah gula di luar negeri sekarang ini murah, Kerajaan menerusi Kementerian saya adalah sekarang ini mengambil tindakan, sebagaimana diambil oleh negeri-negeri lain sebagai Jepun, Korea, Singapura, Hong Kong yang juga telah membuat perjanjian jangka panjang macam itu juga dengan Australia adalah mengambil tindakan mengadakan perundingan dengan Kerajaan Australia, lebih-lebih lagi dengan Lembaga gula Australia, Queensland supaya dia dapat menimbangkan kemungkinan menetapkan harga gula bahan mentah dia dengan kadar yang patut memandangkan kepada keadaan harga gula di pasaran dunia sekarang ini.

Itu dia setakat keadaannya pada masa ini dan kita berharap perundingan dengan pihak Australia dalam perkara ini akan berhasil dengan memuaskan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya banyak lagi projek-projek perusahaan di salurkan ke negeri umpamanya di Perlis, saya suka menyatakan, Tuan Pengerusi, kalau dipandang luasnya negeri Perlis, bilangan penduduknya dibandingkan saiznya dengan negeri-negeri lain, bilangan penduduk negeri-negeri lain dan diambil perhatian pula di atas bilangan projek-projek

yang ada sekarang ini rasa saya negeri Perlis adalah negeri sungguh bertuah, beruntung mendapat projek yang begitu besar dalam pada negerinya begitu kecil dan bilangan penduduk tidak begitu ramai tetapi ada mempunyai satu kilang simen, kilang gula, dan telah menubuhkan satu kilang, kilang memperoses udang untuk diekspot ke negeri Jepun dan saya mendengar dia membuat permohonan pula untuk mengadakan suatu projek secara besaran untuk diadakan di negeri Perlis.

Jadi, sebagaimana yang saya kata tadi dalam pelaksanaan projek dasar kita membahagikan perindustrian kita tidak lupakan mana-mana negeri yang kurang maju kita akan adakan projek-projek perusahaan kepada mana sahaja negeri yang kurang maju dengan syarat sebagaimana yang saya kata tadi, Kerajaan-kerajaan Negeri bekerjasama dengan kita mengadakan segala kemudahan-kemudahan asas yang sudah tentu perlu bagi melaksanakan projek-projek perindustrian di tempat-tempat yang kurang maju itu.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ada dua tiga lagi, tidak lama, dalam 10 minit lagi.

Tuan Pengerusi: Dalam 10 minit lagi?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Lima minit lagi bolehlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tentang perkara yang dibangkitkan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar berharap supaya barang-barang palsu ataupun tiruan dikawali dengan rapat. Sukalah Saya menyatakan Bahagian Penguatkuasa sentiasa dan akan mengambil tindakan ke atas pembuat-pembuat dan peniru-peniru barang-barang tiruan dikawali dengan rapatnya di bawah Akta Perihal Perdagangan 1972.

Akhirnya, tentang permintaan Ahli dari Permatang Pauh supaya berbagai-bagai perkara diadakan apabila ditubuhkan Badan Perfileman Negara, suka saya menyatakan

bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu adalah menjadi bahan yang pertimbangan oleh Badan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Jemaah Menteri yang telah mengkaji perkara ini dengan mendalam dan telah menghantar laporan kepada pihak Kerajaan dan segala perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan masalah yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dikendalikan dan cuba di atasi oleh Badan ini apabila ianya ditubuhkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$36,814,700 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10,945,760 untuk Kepala P. 25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis ini akan menimbang Kepala Bekalan B. 26 dan B. 27 dan Kepala Pembangunan P. 26 dan P. 27 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaan ini.

Kepala B. 26 dan B. 27 (Jadual)—

Kepala P. 26 dan 27 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Pengerusi, saya memohon supaya Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1977 di bawah Kepala B. 26 sebanyak \$17,128,000 dan Kepala P. 26 sebanyak \$6,280,060 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Seterusnya saya juga memohon supaya Anggaran Belanjawan Jabatan Muzium Negara bagi tahun 1977 di bawah Kepala B. 27 sebanyak \$1,585,400 dan Kepala P. 27 sebanyak \$500,010 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Dalam perbelanjaan yang diminta itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1977 akan terus menjalankan aktiviti-aktivitinya ke arah penyusunan semula masyarakat Malaysia menerusi bidang-bidang kebudayaan, belia dan sukan.

Tuan Pengerusi, dalam bidang kebudayaan Kementerian saya akan terus mempergiatkan aktiviti-aktiviti bagi mengukuhkan perpaduan negara dan membentuk keperibadian kebangsaan melalui Kebudayaan Nasional.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Dalam tahun 1977 peruntukan sebanyak \$1,958,000 telah disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Bahagian Kebudayaan menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penerbitan serta memperkembangkan bakat-bakat dan kesenian kebangsaan. Walaupun Kompleks Budaya Negara masih belum dapat dibina, konsepnya akan terus dikekalkan dan dilaksanakan dan aktiviti-aktivitinya akan diperluaskan serta dipergiatkan dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada dan akan dapat diadakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini di mana \$500,000 telah diuntukkan pada tahun 1977 bagi menambah kemudahan-kemudahan yang ada sekarang. Adalah diharapkan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan di Kompleks ini dan dengan rancangan yang teratur ke arah tujuan tersebut, maka hasrat Kementerian ini untuk memupuk nilai-nilai Kebudayaan Kebangsaan melalui Kesenian akan menjadi lebih berkesan lagi.

Penglibatan kaum-kaum bukan Melayu dalam kegiatan-kegiatan yang dirancang oleh Kementerian ini adalah semakin bertambah. Ini dapat dibuktikan oleh angka-angka bilangan peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan seperti kursus, bengkil, pertunjukan, pertandingan dan sebagainya. Semenjak tahun 1971 lebih daripada 31,000 orang bukan Melayu menyertai kegiatan-kegiatan tersebut. Bagi menambahkan lagi bilangan penyertaan serta meluaskan lagi penyebaran maklumat mengenai Kebudayaan Kebangsaan, Kementerian ini telah berusaha mengadakan syarahan-syarahan umum dan mengeluarkan beberapa penerbitan di dalam bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Kebangsaan. Adalah diharapkan hasil daripada beberapa penerbitan ini dapat disaksikan di dalam sedikit masa lagi.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sentiasa menyedari betapa besar dan pentingnya peranan yang dimainkan oleh kaum belia dalam usaha mencapai pembangunan, perpaduan dan keselamatan negara. Oleh itu

Kementerian saya akan terus memberi perhatian yang berat terhadap hal ehwal serta kegiatan-kegiatan belia di negara ini. Untuk tujuan ini Kementerian saya telah memperuntukkan wang sebanyak \$9,385,000 bagi kegiatan-kegiatan Bahagian Belia. Jumlah ini adalah merupakan 54.7% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian yang diminta itu. Selain daripada itu, di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pula sebanyak \$500,000 adalah diperuntukkan bagi menambahkan kemudahan-kemudahan latihan di Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, sebanyak \$450,000 untuk menambahkan kemudahan-kemudahan latihan di Pusat Latihan Belia Negara di Pertak dan sebanyak \$2,000,000 diperuntukkan bagi projek-projek pertanian dan perusahaan di bawah Rancangan Projek Belia Peladang. Di samping itu peruntukan sebanyak \$1,000,000 telah juga diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan itu untuk melaksanakan kerja-kerja permulaan dalam rancangan penubuhan satu lagi Pusat Latihan Belia iaitu di Bukit Changgang, Kuala Langat, Selangor.

Sejak tertubuhnya Pusat Latihan Belia Negara di Dusun Tua, Ulu Langat, ia telah dapat memberi latihan disiplin kepada seramai 13,727 orang belia. Dari jumlah ini, seramai 12,039 atau 88% telah mendapat pekerjaan dalam agensi-agensi Kerajaan dan juga swasta.

Pusat Latihan Belia Pelupor Negara pula telah melatih seramai 4,968 orang dalam 18 jenis bidang kemahiran. Dari jumlah ini seramai 3,836 orang atau 88% telahpun mendapat pekerjaan dalam agensi-agensi Kerajaan, swasta dan bekerja sendiri. Saya yakin Pusat ini akan dapat menunjukkan kejayaan yang bertambah pada tahun 1977 di mana 1,500 orang belia dijangka akan mendapat latihan dalam Bahagian Pembina dan Pelupor.

Satu rancangan baru ialah Rancangan Belia Berniaga telahpun dilancarkan dalam tahun 1976 bagi mendorong, membimbing, melatih dan membantu belia-belie kita menceburkan diri dalam bidang perniagaan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Usaha yang pesat sedang dijalankan sekarang dalam bidang ini dengan kerjasama berbagai agensi-agensi Kerajaan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, Bank dan lain-lain lagi.

Untuk membolehkan belia-belia kita bergerak dengan lebih kemas dan secara besar-besaran dalam bidang perniagaan maka Kementerian saya telahpun menubuhkan Koperasi Belia Nasional (KOBENA) pada 14hb November, 1976. Koperasi ini akan bergerak dalam berbagai bidang perniagaan dan perdagangan seperti bidang pengangkutan, binaan, ladang, impot-ekspot, insuran dan lain-lain lagi.

Masalah kekurangan belia bukan Bumi-putra dalam pergerakan belia sedang diatasi dengan menubuhkan persatuan-persatuan belia di kampung-kampung baru. Hingga ini sebanyak 215 buah persatuan belia yang mempunyai ahli seramai 17,628 orang telahpun ditubuhkan di kawasan-kawasan tersebut.

Kementerian saya juga turut memainkan peranannya untuk memerangi beberapa masalah besar yang sedang dihadapi oleh negara kita seperti masalah keselamatan, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan akhlak di kalangan belia dengan mengadakan berbagai rancangan-rancangan yang sesuai menerusi persatuan-persatuan belia seperti kursus-kursus, penerangan, seminar, khemah kerja dan juga rancangan-rancangan pembangunan dengan kerjasama berbagai agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negeri, Kementerian Penerangan, Biro Narkotik Negara, Pejabat-pejabat Ugama Negeri dan lain-lain lagi. Dengan peruntukan-peruntukan yang saya nyatakan itu Bahagian Belia akan dapat mempesatkan lagi kegiatan-kegiatannya memberi bimbingan dan latihan kepada belia-belia untuk meninggikan lagi kedudukan ekonomi dan sosial mereka dan untuk menggalakkan integrasi antara kaum di kalangan belia negeri ini.

Tuan Pengerusi, jumlah yang diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1977 untuk kegiatan-kegiatan dalam bidang sukan adalah sebanyak \$1,790,000. Dari jumlah ini sebanyak \$1,059,310 adalah untuk Program Penggalakan. Tujuan program ini bukan sahaja untuk memperluaskan penyertaan masyarakat dari semua kaum dalam kegiatan-kegiatan sukan tetapi juga untuk memperseimbangkan penyertaan berbagai kaum dalam berbagai-bagai jenis sukan dan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Usaha-usaha untuk mencungkil pemain-pemain muda yang berbakat melalui sistem latihan yang sistematik dan melahirkan

jurulatih-jurulatih yang terlatih dan berke Layakan akan menjadi rancangan utama dalam program sukan Kementerian ini. Peranan yang lebih positif dan berkesan akan diambil oleh Kementerian saya di dalam persiapan dan persediaan pasukan-pasukan negara ini untuk menyertai pertandingan antarabangsa di dalam dan di luar negeri. Langkah ini adalah untuk menentukan supaya pemain-pemain yang berke Layakan dan menunjukkan mutu permainan yang baik serta berdisiplin dipilih untuk mewakili negara ini.

Tuan Pengerusi, supaya aktiviti-aktiviti dalam bidang-bidang kebudayaan, belia dan sukan itu dapat dijalankan dengan sempurna dan berkesan, Kementerian saya adalah menyediakan tempat dan kemudahan-kemudahan lain untuk kegiatan-kegiatan itu dengan membina Kompleks-kompleks Pelbagaiguna. Kompleks-kompleks Pelbagaiguna itu apabila selesai semua peringkat pembinaannya akan mengandungi dewan, bilik kegiatan, gelanggang-gelanggang sukan, kolam renang dan juga asrama. Setakat ini pembinaan peringkat pertama Kompleks Pelbagaiguna itu telah selesai dibuat di semua negeri kecuali di Negeri Kelantan dan Sabah. Peruntukan sebanyak \$1,830,000 telah dibuat di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1977 untuk meneruskan pembinaan peringkat kedua Kompleks Pelbagaiguna di negeri-negeri itu dan juga untuk menyiapkan pembinaan peringkat pertama Kompleks Pelbagaiguna di Negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta untuk perbelanjaan mengurus Jabatan Muzium adalah sebanyak \$1,585,400. Peruntukan itu adalah diperlukan oleh Jabatan tersebut untuk membiayai Muzium Negara di Kuala Lumpur dan Muzium Perak di Taiping, dan juga untuk membiayai rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Bahagian-bahagian di Jabatan itu. Bahagian-bahagian itu ialah Bahagian Pamiran, Bahagian Ethnoloji, Bahagian Monumen, Bahagian Carigali, Bahagian Ilmu Kejadian dan Bahagian Khidmat Pelajaran.

Antara projek-projek penting yang akan dilaksanakan dalam tahun 1977 ialah menghantar ekspedisi ke Sarawak untuk mengumpul barang-barang kebudayaan penduduk negeri itu dan merakam muzik tradisional Sarawak, menyiapkan muzium tapak di

Merbok, Kedah; dan meneruskan kerja-kerja mencarigali di kawasan bersejarah di Lembah Bujang, Kedah.

Peruntukan sebanyak \$500,010 yang diminta di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan itu adalah untuk membina tapak arkiologi Lembah Bujang dan Tapak-tapak arkiologi Pra-Sejarah, untuk mendapatkan rumah tradisional, dan untuk memulih dan memelihara monumen-monumen dan kawasan-kawasan bersejarah.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya memohon sekali lagi supaya anggaran di bawah Kepala B. 26 dan 27 serta Kepala P. 26 dan 27 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Kepala B. 26 dan 27 serta Kepala P. 26 dan 27 adalah terbuka untuk perbahasan.

Sungguhpun usul kita tadi menyatakan Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ini tidaklah bermakna Ahli Yang Berhormat itu tiap-tiap seorang boleh mengambil masa yang panjang bercakap, mintalah kerjasama bercakap apa-apa yang mustahak sahaja dan pendek-pendekkan ucapan. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

5.46 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 26—Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, muka surat 177, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan dengan Kebudayaan pada tahun 1971. Mereka terdiri dari berbagai kaum, agama, lapisan, minat dan disiplin. Banyak ahli-ahli terkemuka duduk di dalamnya. Tugas Majlis ini adalah berat dan berkehendakkan kata sepakat dan sokongan daripada ahli-ahlinya. Sungguhpun begitu, saya berharap usaha-usaha yang lebih mendalam dapat dijalankan kerana tugas mereka adalah kompleks.

Ada tiga Falsafah Konsep Kebudayaan Malaysia:

- (1) Kebudayaan Kebangsaan haruslah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal "rantau ini".

- (2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar, bolehlah diambil dan diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

- (3) Islam menjadi unsur yang penting di dalam membentuk kebudayaan kebangsaan rantau ini.

"Rantau ini" ialah rantau Nusantara yang meliputi Malaysia, Kepulauan Indonesia, Filipina dan Kepulauan Lautan Teduh. (Polynesia, Melanesia dan Ocenia hingga ke Madagaskar).

Sejarah menunjukkan lingkungan budaya Melayu-Polynesia tersebar begitu luas akibat perpindahan manusia keturunan Melayu-Polynesia dari tanah besar Asia ke kawasan tersebut sejak 10 ribu tahun sebelum masihi hingga abad pertama masihi. Perpindahan ini berlaku kerana dorongan semangat pengembaraan dan perasaan ingin tahu terhadap alam yang luas. Mereka adalah pelaut agong yang pertama di dalam sejarah manusia. 140 juta umat manusia yang bertutur di dalam satu rumpun bahasa yang sama. Dengan lain perkataan, kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan unsur kebudayaan keturunan Melayu. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Kita tidak menapikan, kerana ia tercatat di dalam Rukunegara.

Tuan Pengerusi, dua aspek besar hendaklah difikirkan:

- (1) Penyelidikan.
- (2) Penggalakkan dan Latihan.

Kita berbangga dengan lawatan kebudayaan kita keluar negeri yang dapat memperkenalkan kebudayaan kita samada berupa pementasan ataupun pertunjukan kebudayaan semasa pelancaran MAS di luar negeri. Ini hendaklah digalakkan lagi.

Kita hendaklah sedar bahawa dalam mengenalkan identiti Malaysia, kebudayaan memainkan peranan utama. Ia dapat mencerminkan penduduk di dalam sesebuah negeri itu. Kebudayaan dapat menentukan sifat-sifat atau keperibadian dan identiti negara. Ia adalah hak pegangan dan amalan semua orang. Proses prinsip, asimilasi hendaklah dijalankan segera. Dari segi reality satu teras kebudayaan dapat mencapai perkembangan mengikut lunas-lunas yang dikehendaki adalah amat penting.

Kita hendaklah memberi kepercayaan dan keyakinan kepada rakyat bahawa pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan, bukanlah satu proses tekanan atau paksaan yang datang dari satu-satu sumber, tetapi langkah yang berpunca dari sumber dan tanggungjawab bersama dan beramai-ramai.

Tuan Pengerusi, muka surat 178, di bawah Aktiviti (4) Sukan.

Usaha-usaha memang ada dijalankan oleh Kementerian di dalam lapangan sukan. Sukan juga dapat memperkenalkan negara kita. Badminton yang pada satu masa dahulu, dikuasai oleh Malaysia, terkenal di seluruh dunia. Begitu juga dengan Hoki dan Bola Sepak. Ketiga-tiga cabang sukan ini memainkan peranan penting dan menaikkan nama Malaysia di luar negeri.

Soal pokok yang hendak saya bangkitkan di sini ialah mutu sukan kita hendaklah sentiasa dijaga dan dipertingkatkan. Cara-cara latihan yang sistematik dan saintifik hendaklah diadakan. Lihat sahaja negeri Jepun, bagaimana ia dapat menguasai berbagai-bagai lapangan sukan di Munich (Jerman Barat) dan Montreal (Canada) baharu-baharu ini.

Untuk mengadakan alat-alat sukan yang saintifik, satu Tabung Sukan hendaklah dilancarkan secara besar-besaran. Sokongan dan sumbangan dari jutawan-jutawan, firma-firma yang besar-besaran, orang ramai juga adalah perlu. Tujuan mengadakan Tabung Sukan ini, di antara lain ialah:

- (1) Membiayai segala aktiviti sukan dengan tidak payah meminta bantuan dari Kerajaan.
- (2) Memberi perlindungan insuran kepada pemain-pemain sekiranya berlaku kemalangan atau kematian.
- (3) Memberi sagu hati (to give honorarium as an incentive) sebagai satu galakan tiap-tiap tahun.
- (4) Mengadakan latihan intensif dengan menggunakan alat-alat moden yang saintifik.

Tuan Pengerusi, sekarang saya pergi pada muka surat 185, Kepala Pembangunan P. 26, Pecahan-Kepala 5—Sumbangan untuk Balai Seni Lukis token \$10.

Tuan Pengerusi, Balai Seni Lukis ini mustahak diberi bantuan untuk menjalankan aktiviti. Ia bukanlah badan perniagaan

dan memerlukan sokongan dan bantuan dari Kerajaan. Sekiranya bantuan tidak di dapati, tentulah sukar baginya untuk mempamirkan segala kegiatannya. Adalah diharapkan peruntukan yang wajar dapat diberikan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, saya menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5.55 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan di sini saya ingin hendak menyentuh di Bawah Kepala B. 26, Pecahan Kepala 1100—Pergerakan Belia.

Tuan Pengerusi, negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun.

Kita dapati bahawa sebanyak 60 peratus daripada penduduk-penduduk Negara kita terdiri daripada kaum belia. Dengan ini belia selalu dianggap sebagai tiang negara kita. Dengan lain perkataan, peranan belia dalam pembangunan negara kita adalah sangat penting. Nasib masa hadapan negara kita bergantung kepada belia kita, yang mana mereka akan menjadi sebagai pemimpin negara kita pada masa hadapan.

Seperti kita sedar bahawa ancaman-ancaman terhadap keselamatan negara kita selalu ada. Anasir-anasir anti-national ini bertujuan menghancurkan sistem demokrasi berparlimen kita dan ingin membentuk rejim berdictator. Mereka berusaha dengan kuatnya untuk mempengaruhi belia-belia di-negara kita untuk dijadikan alat mereka bagi mencapai niat-niat jahat mereka. Dengan kepentingan negara kita, kaum belia negara kita patut bersatupadu dan berwaspada, juga taat setia kepada negara kita dan mengukuhkan pertahanan keselamatan negara kita dengan semangat pengorbanan. Untuk menjauhkan belia kita dari pengaruh ini, saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya mengambil lebih giat lagi untuk menggalakkan pertubuhan kelab belia dan menyuruh lebih ramai belia lagi menyertai dalam kegiatan-kegiatan kelab belia terutama belia keturunan China, kerana mengikut angka jumlah keahlian didapati bahawa peratusan ahli-ahli belia keturunan China yang meliputi dalam kegiatan pertubuhan belia adalah sangat rendah. Dengan ini saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat melaksanakan rancangan belia

khususnya rancangan belia di kampung-kampung baru yang menarik serta konstruktif menggalakkan lebih ramai belia yang berketurunan China menyertai rancangan belia ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di bawah Kepala P. 26, Pecahan-kepala 12—Projek Belia Peladang, muka surat 186.

Tuan Pengerusi, seperti saya kata tadi, negara kita adalah negara sedang membangun. Dalam konteks rancangan negara bagi Rancangan Malaysia Ketiga yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini, menegaskan iaitu objektifnya ialah untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula struktur masyarakat Malaysia untuk mengukuhkan keselamatan negara. Untuk mencapai matlamat ini, belia-belia kita perlu dilatih untuk melengkapkan kemahiran yang sesuai dan berpraktikal dalam masyarakat kita.

Seperti rancangan Belia Peladang yang dirancang oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menggalakkan belia-belia berbagai kaum untuk menyertai rancangan-rancangan pertanian dan perindustrian berasaskan pertanian (agro-based industry) tetapi kita sedar bahawa jumlah ahli belia kaum China yang menyertai dalam rancangan belia Peladang ini adalah amat kecil. Saya harap langkah-langkah yang sewajarnya pasti dijalankan untuk menggalakkan lebih ramai lagi belia yang berketurunan China menyertai dalam rancangan ini supaya mereka dapat memainkan peranan mereka dalam proses pembangunan negara. Dengan kerjasama berbagai kaum ini akan juga bercorak multi-racial dalam projek ini. Ini akan memperkuatkan persaudaraan dan persefahaman, misalnya dalam bidang pemasaran hasil-hasil pertanian dan kemahiran pertanian, belia keturunan China boleh membantu belia-belia bumiputra supaya mereka dapat berkerjasama seperti dalam perusahaan pengangkutan dan jualan di pemasaran "wholesale" atau "retail". dengan sikap tolong-menolong di antara semua kaum akan merapatkan persaudaraan dan persefahaman. Ini akan berfaedah kepada negara kita untuk membina sebuah negara yang harmoni, makmor, aman dan sentosa.

6.00 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjumlah sebanyak \$23,408,060 dan Kepala Bekalan 27 berjumlah \$2,085,410 yang berjumlah semuanya \$25,493,470.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Kepala Bekalan 26 Pecahan-kepala 2100 yang terdapat di muka surat 179 dan Pecahan-kepala 2200 dalam muka surat 180, juga Kepala Pembangunan 26, Pecahan-kepala 8 muka surat 185. Tuan Pengerusi, peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam pembangunan negara tidak kurang pentingnya berbanding dengan Kementerian-kementerian lain yang melibatkan pembangunan rohaniah moral, dan nilai-nilai melalui perkhidmatan kebudayaan, pembangunan kepimpinan melalui perkhidmatan belia dan pembangunan jasmani serta disiplin melalui kegiatan sukan. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini adalah sangat-sangat mendukacitakan khususnya dalam bahagian kebudayaan. Dalam perbahasan ini, saya ingin menghadkan ucapan saya dengan menyentuh secara khusus mengenai peruntukan bahagian kebudayaan di Kementerian tersebut. Dari penelitian saya, peruntukan bahagian kebudayaan hanya berkisar di sekitar dari \$1 juta; kalau kita semak dalam tahun 1973 meningkat hanya kepada angka \$1.9 juta bagi tahun 1977, berbanding dengan peruntukan kepada Lembaga Perpaduan Negara—sekarang Urusetia Perpaduan Negara yang perannya hampir serupa dengan bahagian kebudayaan tetapi tidak lebih dari itu, diberi sebanyak \$3.3 juta pada tahun 1973 meningkat kepada kadar \$6 juta lebih bagi tahun 1977. Dan peruntukan bahagian kebudayaan, Tuan Pengerusi, sejak tahun 1973 itu hingga sekarang tidak pernah melebihi 0.023% daripada peruntukan negara setiap tahun. Ini adalah bersamaan dengan kadar 23 sen bagi tiap-tiap \$1,000 dibelanjakan. Tuan Pengerusi, seperti yang dinyatakan matalamat yang hendak dicapai oleh Kementerian ini melalui perkhidmatan kebudayaan adalah untuk mengukuhkan perpaduan negara, memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan dan mempergiatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang

seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi. Ini bermakna peranan bahagian kebudayaan bukanlah hanya terhad kepada usaha mencungkil, memperkenalkan, mengketengahkan unsur-unsur kesenian semata-mata tetapi merangkumi keseluruhan aspek kehidupan kemanusiaan. Yang lebih pentingnya, Tuan Pengerusi, bagi bahagian ini ialah memberikan pendidikan kebudayaan kepada seluruh rakyat bagi membina sikap dan menanam rasa cinta dan megah terhadap kebudayaan bangsa. Kesan dari ini nanti akan dapat membentuk satu kebudayaan kebangsaan dan dapat menolong memperteguhkan perpaduan negara. Maka bagi mencapai matalamat ini, saya berpendapat peruntukan kebudayaan sebanyak \$1.9 juta bagi tahun 1977 dengan kakitangan di peringkat pegawai yang tidak sampai 30 orang, (kalau tidak silap saya 16 orang daripadanya dalam Kementerian dan selebihnya lain-lain lagi di negeri-negeri) adalah jauh dari mencukupi dan adalah tidak munasabah.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di sini ialah peruntukan di bawah Pecahan-kepala 2100 yang terdapat dalam muka surat 179 dan Pecahan-kepala 2200 masing-masing diberikan sebanyak \$240,000 dan \$25,000 adalah terlalu kecil, terutama bila ditinjau dari usaha memperkenalkan seni budaya kita ke luar negeri. Tuan Pengerusi, saya rasa Pecahan-kepala 2200 yang sebanyak ini boleh habis hanya dengan mengangkut alatan musik di Taman Budaya sekali ke Sabah dan sekali ke Sarawak sahaja; belum lagi untuk ke luar negeri. Pecahan-kepala 2100 yang berjumlah \$240,000 dari tiga bahagian itu belum tentu cukup untuk bayaran perjalanan pegawai-pegawai membuat kerja routine mereka dalam negeri. Selama ini, Tuan Pengerusi, kita hanya mengharapakan Kerajaan ataupun sponsor dari pihak-pihak yang tertentu di dalam dan di luar negeri untuk menghantar rombongan kebudayaan ke negara lain. Contohnya, Tuan Pengerusi, sponsor MAS ataupun tajaan MAS ke London tahun 1974 tajaan Radio dan TV Jepun ke Tokyo tahun 1975 dan bagi menghantar wayang kulit ke U.S.A dan ke Eropah tahun 1974. Kita dapat tajaan dari pihak tempat-tempat yang dilawati. Apakah selama-lamanya kita terpaksa berharap dan mengharapakan kepada Kerajaan atau sponsor orang lain sahaja.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya suka menyentuh berkenaan dengan kedudukan Panggung Negara dan Kompleks Budaya Negara. Kita bersyukur, kita berterima kasih kerana memperoleh bangunan sekolah antarabangsa Amerika, di Jalan Tun Ismail, bagi dijadikan asas Kompleks Budaya Negara. Tetapi agak ganjil rasanya dalam usaha Kerajaan mewujudkan perpaduan negara dan identiti nasional melalui satu kebudayaan kebangsaan kita tidak sanggup membelanjakan \$20 juta atau lebih bagi mendirikan sebuah Panggung Negara yang menjadi idaman seluruh rakyat jelata. Panggung Negara yang boleh menjadi lambang kemegahan yang akan memainkan peranan penting sebagai pusat perkembangan kesenian nasional tidak sanggup kita dirikan atas alasan tekanan inflasi.

Tuan Pengerusi, mungkin ada pihak-pihak yang menganggap Perkembangan kebudayaan tidak merupakan keutamaan dalam pembangunan negara kerana ianya tidak memberikan pulangan ekonomi. Tetapi kita harus sedar bahawa pembangunan moral keperibadian dan kemanusiaan adalah penting di dalam pembangunan negara. Pembangunan ekonomi semata-mata akan menjadikan masyarakat kita suatu masyarakat yang tidak berkebudayaan, masyarakat materilistik yang tidak punyai disiplin. Saya yakin dengan terdirinya Panggung Negara ia bukan sahaja berfungsi sebagai pusat seni sebagaimana akademi-akademi seni yang terdapat di Indonesia, Thailand dan lain-lain negara.

Tuan Pengerusi, akhirnya sukalah saya mengemukakan beberapa pengesyoran untuk perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya pada masa-masa hadapan.

- (1) Peruntukan Bahagian Kebudayaan perlu ditambah lebih banyak lagi supaya matalamat Kerajaan dari segi perpaduan negara dan pembinaan satu masyarakat Malaysia melalui satu kebudayaan kebangsaan dapat dicapai lebih cepat.
- (2) Peruntukan yang banyak sahaja tidak akan memberikan apa-apa kesan kalau pegawainya tidak mencukupi. Oleh itu, pegawai-pegawai kebudayaan hendaklah ditambah dari masa ke semasa supaya lebih banyak perancangan dan projek dapat dijalankan.

- (3) Berkaitan dengan itu Kerajaan hendaklah memberikan latihan-latihan ikhtisas khususnya dalam bidang perancangan kebudayaan kepada pegawai-pegawai kebudayaan.

Di sini bukanlah maksud saya untuk mempertingkatkan kebolehan-kebolehan pegawai-pegawai kita yang ada tetapi memang ternyata bahawa latihan akademi semata-mata tidak memadai dalam menjalankan tugas yang seberat itu.

Tuan Pengerusi, untuk menjadi guru misalnya seseorang siswazah universiti perlu diberi latihan perguruan, begitulah juga dengan pegawai-pegawai ikhtisas di bidang kebudayaan. Setahu saya kita masih belum mempunyai pakar dalam bidang-bidang tertentu. Kita tidak ada pakar penyelidikan kebudayaan yang terlatih dan tidak ada lain-lain pakar yang penting dalam perancangan dan perkhidmatan kebudayaan. Jadi saya kira sudah sampai masanya kelemahan ini dicari jalan mengatasinya dari sekarang supaya bahagian ini dapat benar-benar berfungsi dalam usaha mencapai matalamat yang dijangkakan.

6.12 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan peruntukan belanjawan Kementerian ini saya cuma hendak menyentuh dua perkara sahaja iaitu Kepala P. 27, muka surat 191, Aktiviti 2700—Muzium. Yang Kedua ialah Kepala P. 26, muka surat 186, Pecahan-kepala (12) Projek Belia Peladang.

Tuan Pengerusi, jikalau saya boleh katakan ataupun gelarkan Muzium Negara ini adalah satu tempat hiburan maka Muzium Negara inilah tempat yang paling popular sekali di Ibu Kota ini. Segenap lapisan masyarakat yang datang dengan secara perseorangan ataupun dengan rombongan samada tua atau muda tentu akan menetapkan Muzium Negara ini di dalam jadual lawatan mereka. Tetapi saya percaya kebanyakan mereka yang melawat Muzium Negara ini setelah melihat dan setelah meninggalkan tempat itu mereka ini tidak lebih daripada mendapat satu perasaan bahawa negara kita ini penuh dengan kekayaan kebudayaan—tidak lebih daripada itu. Dan di kalangan muda-mudi pula yang tidak mendapat perasaan itu mereka pergi cuma untuk menghiburkan hati atau

menengok display yang bagus-bagus, lighting effect yang baik—itu sahaja. Saya rasa sebagai sebuah negara yang sedang membangun kita harus bertujuan lebih daripada itu. Muzium Negara ini selain daripada menjadi satu gedung kebudayaan ia patut juga kita gunakan sebagai tempat melahirkan semangat kebangsaan dan semangat yang boleh memupuk perpaduan. Perkara keselamatan ini adalah perkara yang sangat-sangat kita pentingkan. Kementerian ini sepatutnya mengambil kesempatan mengeksploit keadaan yang ada menggunakan keadaan itu untuk tujuan-tujuan ini. Kalau Muzium Negara itu boleh digunakan dengan tujuan yang tersebut saya rasa ia amatlah efektif dan kita tidak payah mengeluarkan belanja yang besar.

Di sini saya hendak beri contoh di negara komunis, bukan saya menyokong—tidak, tetapi sebagai pengetahuan, apabila negara China telah menawan Tibet, development programme mereka pertama sekali ialah mendirikan sebuah muzium, bukan muzium untuk memelihara kebudayaan tetapi muzium untuk muda-mudi pergi dan seterusnya memupuk semangat cintakan ideologi komunis. Di Tibet, komunis telah mendirikan muzium. Mereka mengukirkan gambar-gambar yang paling dramatic, kejadian-kejadian dahsyat daripada lilin, melambangkan betapa dahsyatnya orang-orang Tibet duduk di bawah feudalism. Ada di antara gambar itu menunjukkan landlord yang telah mengetok kepala tenant yang tidak membayar sewa 80% kepada landlord sehingga biji matanya gugur. Ada pula gambar ukiran daripada wax yang menunjukkan bahawa seorang landlord telah menarik seorang ibu tanpa menghiraukan anak yang memegang pada kain ibunya itu supaya ibunya itu disiksa kerana tidak mengikut perintah-perintah landlord. Apabila muda-mudi komunis menengok timbullah perasaan benci kepada feudalism, timbullah perasaan sayang kepada komunisma. Ini cara Kerajaan melekatkan ideologi komunis kepada muda-mudi komunis.

Kalau contoh negara komunis itu tidak bagus, saya beri contoh di Indonesia, negara jiran kita. Di Indonesia juga ada satu muzium khas di mana di muzium ini diperlihatkan daripada awal sampai akhirnya sejarah Indonesia. Bagaimana orang-orang Indonesia terlibat dengan peperangan saudara, bagaimana orang-orang Indonesia

terlibat dengan peperangan Belanda, peperangan Jepun macam mana mereka disiksa di bawah pemerintahan Jepun—torture dan sehinggalah akhirnya sampai kepada Lubang Buaya di mana 6 General itu telah dibunuh. Ini semuanya dibuat gambar daripada wax, berwarna-warni, lighting effect yang bagus sehinggalah kita sendiri, tidak payah rakyat Indonesia, apabila kita pergi ke muzium ini kita melihat display pada awal sampai ke hujung, kita habis satu round, kita dapat satu perasaan berapa pentingnya kemerdekaan, berapa susahnyanya hendak dapat kemerdekaan, berapa susahnyanya kalau kita duduk di bawah penjajah. Di situlah timbulnya perasaan perpaduan kita. Kita tidak kurang juga dengan peristiwa-peristiwa seperti itu. Kita juga telah menempuh beberapa peperangan, Melayu di Melaka telah menempuh berperang dengan Portugis, kita telah berperang dengan Jepun—Peristiwa Pasir Panjang di Singapura dan sebagainya, kita telah duduk di bawah Kerajaan Inggeris, kita juga telah memerangi kominis dalam tahun 1948. Kita boleh tunjukkan bagaimana siksanya rakyat di Johor misalnya yang kita baca dalam buku "The War of the Running Dogs" di mana seorang kominis yang bernama "Shorty Kuk" telah mengambil seorang perempuan yang telah hamil, diikatnya tangan, kaki pada tali dan dipancang ke tanah, kemudian membelah perut perempuan itu dihadapan suaminya. Jadi kalau kita dapat gambarkan benda yang ngeri seperti ini betapa dahsyatnya kominis membuatkan kepada kita, saya rasa ini akan menimbulkan kesedaran kepada muda-mudi bahawa inilah dia celaka kominis. Inilah pentingnyanya kita berpadu.

Demikian juga kalau kita tunjukkan bagaimana seksanya kita di bawah pemerintahan Jepun, bagaimana Jepun menyiksa orang-orang kampung, bagaimana Jepun memaksa orang-orang kampung memberikan padi dan beras kepada mereka. Kita lambangkan dengan gambar, adakan satu seksi di Muzium Negara. Ini barulah berkesan jikalau kita hendak memasukkan semangat cintakan tanahair dan perpaduan. Seperti kita pepatah orang China: A picture is worth a thousand words. Gambaran-gambaran ini orang-orang kampung yang tidak sekolah pun mereka mengerti menilainya, sementelah lagi orang yang bersekolah. Tidak payah dipanggil mereka, mereka tetap pergi ke Muzium Negara apabila melawat ke Kuala Lumpur. Itulah tempat yang paling popular sekali.

Sekarang ini semenjak beberapa tahun Muzium Negara kita menjadi tempat timbunan culture yang kepada jenerasi muda tidak membawa makna, sedikit sangat maknanya. Tidak ada gunanya melainkan kepada jenerasi sekarang ini itu tempat culture, tempat kita buat research—reminiscence of the past—itu sahaja, tidak lebih daripada itu. Jadi, kalau kita adakan satu seksi sebelum kita adakan muzium khas di mana kita tunjukkan gambar-gambar seperti ini dengan ukirannya yang cantik, lighting effect yang baik saya rasa ini akan mendatangkan satu faedah yang sangat berguna.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah mengenai dengan projek Belia Peladang. Di Pahang yang saya ketahui sekarang ini ada barangkali berpuluh ribu ekar di mana projek-projek belia ini telah dibuka semenjak beberapa tahun dahulu dan telah diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang. Ada beberapa tempat di Temerloh, Jerantut, Kuantan dan talahpun ada peneroka-peneroka. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, projek-projek ini 70% daripadanya terbengkalai. Kalau hendak dibandingkan projek-projek ini dengan projek kelapa sawit FELDA jauh sekali bezanya. Projek kelapa sawit FELDA tidak ubah seperti commercial estate yang lain-lain, tetapi projek belia ini kalau kita tenguk kadang-kadang kita tidak kenal—ini projek lalangkah atau projek kelapa sawit. Sudah tiga tahun lalangnya tidak beracun, sudah empat tahun tidak berbaja. Kelapa sawit kalau tidak berbaja setahun atau enam bulan tidak keluar buahnya. Apabila kepunyaan FELDA mengeluarkan buah yang tiap-tiap sebiji besarnya sebesar ibu kaki, projek kepunyaan Belia Peladang mengeluarkan sebesar ibu jari, sehinggakan kontrektor tidak hendak menender buah kerana kualitinya tidak baik. Sudahlah begitu buahnya tidak dapat dan susah untuk dijual. Elaunnya hanyalah di dalam lingkungan \$70 sahaja sebulan. Sudahlah elaun kecil, buah tidak dapat dijual, kemudahan asas pula tidak ada. Paip tidak ada, elektrik tidak ada, jalan hendak masuk cukup susah—lecah, tidak ada siapa peduli. Kerajaan Negeri Pahang sekarang ini malangnya sudah kekurangan wang. Begitu juga Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian sangat kurang wang. Maka di sinilah saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian, projek ini

projek belia, belia tiang negara. Kalau belia ini moralnya sudah rendah, ini akan menimbulkan berbagai-bagai bahaya. Jadi, berilah bantuan yang secepat mungkin, apa yang patut supaya ini dapat melambangkan semula betapa seriusnya Kerajaan di dalam membantu projek-projek belia seperti ini dan semoga belia-belia yang akan datang ini akan berminat lagi untuk memasuki rancangan-rancangan tanah seperti ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil ingatan dan sebenar-benarnya akan memerhati, akan menghubungi Kerajaan Negeri Pahang dan juga Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian yang sekarang ini di dalam kesusahan; jikalau tidak Kementerian ini mengambil alih, sekurang-kurangnya buatlah arrangement supaya pihak lain yang mempunyai wang seperti FELCRA ataupun FELDA untuk mengambil alih supaya belia-belia ini terselamat daripada keadaan yang ada sekarang ini.

6.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan. Saya berharap supaya Kerajaan dapat menambahkan lagi peruntukan tersebut kerana sebagaimana yang telah dinyatakan oleh wakil-wakil Rakyat yang lain tadi, kita sama-sama percaya maju-mundurnya satu-satu negara terdiri daripada rakyat dalam negara itu dan tiap-tiap seorang rakyat sebelum ia meningkat dewasa maka akan melalui peringkat belia.

Belialah yang akan menentukan maju-mundurnya satu-satu negara dan belialah juga yang mengambil peranan mempertahankan tanahair, sebagaimana kita tenguk pada hari ini kalau kita hendak mengambil asyik dan sebagainya, kita terpaksa mengambil daripada golongan belia yang mana umurnya tidak lebih daripada 35 tahun dan tidak kurang daripada 18 tahun. Kalau kita tenguk yang kena tangkap disebabkan dadah sekalipun kerap kali kebanyakannya terdiri daripada belia-belia. Ini bererti yang merosakkan negara terdiri daripada belia-belia dan yang membaiki negara pun terdiri daripada belia-belia. Dengan sebab itu peranan belia amat mustahak dan Kementerian ini patutlah mengambil perhatian untuk membaiki negara daripada satu masa ke satu masa.

Dengan itu saya berharap, sebagaimana saya katakan tadi peruntukan ini patutlah ditambah di segenap segi dan tempat yang bersangkutan dengan belia ini.

Tuan Pengerusi, saya sentuh dengan seberapa ringkas yang boleh di bawah Pecahan-kepala 1200, muka surat 178 Aktiviti (2)—Belia. Saya mengucapkan terima kasih kerana Kementerian hari ini telah mengadakan latihan yang banyak seperti latihan-latihan bola sepak telah diambil oleh belia-belia. Saya berharap tiap-tiap latihan yang akan diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah diutamakan tatatertib, kerana tiap-tiap seorang belia yang ada dalam satu-satu latihan kalau tidak ada tata-tertib, menunjukkan satu-satu kesukuan itu berjalan dengan tidak ada aturan dan tidak bagus. Begitu juga semangat kenegaraan.

Tuan Pengerusi, saya sangatlah sedih yang mana baru-baru ini satu perlawanan bola sepak yang telah diadakan dalam negara kita. Saya tidaklah menuduh, tetapi bila saya tenguk tidak ada dua perasaan iaitu sikap kenegaraan dan sikap kasih sayang, yang ada cuma sikap untuk bermain dan hendak menang semata-mata. Sifat dan semangat kesukuan kurang. Saya contohkan kerap kali kita berkehendak supaya tiap-tiap seorang pemain samada pemain tennis, badminton, bola sepak dan lain-lain mestilah pemain-pemain yang berkemajuan kerana bila kita ada pemain-pemain yang berkemajuan, pemain-pemain yang bagus kita dapat mencari wang sebagaimana kita tenguk di negara-negara yang maju, dengan permainan bola sepak sahaja mereka boleh mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Begitulah kita hendak di negara kita sendiri. Kalau pemain kita bagus-bagus sehinggakan tiket stadium terpaksa dibeli daripada pukul 3.00 petang, itupun kadang-kadang kena tempah beberapa hari dahulu baru boleh tenguk permainan itu. Itupun kalau permainan yang kita akan tenguk itu bagus, tetapi kalau permainan itu sambil lewa dan tidak bagus, tidak ada siapa yang hendak menenguk. Saya berasa sedih sebagaimana saya katakan tadi, kadang-kadang pemain-pemain kita sendiri tidak ada semangat kesukuan seperti yang saya maksudkan. Bila didapati seorang sahaja yang bagus, ada di antara pemain-pemain sendiri bukan berasa bangga dengan permainan yang bagus, saya tidak nafi kerana tiap-tiap permainan kalau kita bermain

hendakkan menang, semangat kesukanan (sporting spirit) itu patutlah ada. Kadang-kadang mereka sendiri ada satu azam untuk memenangkan satu pasukan, hendaklah pemain-pemain yang beberapa orang ini dijaga. Setakat dijaga itu tidak menjadi sedih, tetapi kadang-kadang pemain yang bagus itu bukan setakat dijaga, dicari jalan supaya pemain itu jatuh dahulu. Saya tidak tuduh pengadil dan sebagainya, tetapi saya sangat sedih. Saya tenguk seorang pemain di Perlis, sangat bagus, ianya seorang pemain yang agak bagus. Ini saya contohkan dengan tepat, kerana semangat kesukanan kurang, pemain itu tidak boleh bermain sampai tiga empat bulan; dia bagus yang boleh dikatakan scorer. Begitu juga pemain Malaysia kita. Maaf, Tuan Pengerusi, saya sebutkan, ini adalah satu bukti seperti Mokhtar Dahari.

Saya amatlah sedih bila saya dapati yang kita akan masuk dalam satu pertandingan piala pada awal Januari tahun hadapan di Singapura. Salah seorang daripada pemain kita yang termasyhur yang kita harap yakin Mokhtar Dahari tak boleh bermain kerana lututnya terpaksa dibedah. Di dalam permainan separuh akhir, kalau tak silap saya dia terpaksa diusung keluar padang dan ditambah pula seorang lagi pemain juga iaitu Santokh Singh telah diambil tindakan tata-tertib oleh pengadil. Walaupun Mokhtar Dahari tak kenal saya dan dia bukan ahli politik, tetapi kalau alang-alang ahli politik, Mokhtar Dahari adalah pemain bola sepak yang semua orang kenal, kerana dunia akan mengenali siapa sahaja yang ternama dalam satu-satu permainan. Jadi saya peminat Mokhtar Dahari dan kenal dia walaupun dia tak kenal saya. Bila saya tengok dia bermain adalah bermain dengan cukup bagus, bila dia tengok pasukannya bermain dengan satu pasukan lain, kalau ada yang kasar permainannya, Mokhtar Daharilah menenangkan permainan itu, kadang-kadang dia terpaksa menepuk kawannya yang bermain kasar tadi. Ini saya biasa nampak dengan mata kepala saya sendiri. Alangkah sedihnya bagi Santokh Singh bila dia tengok kawan dia yang baik tiba-tiba terpaksa diusung di tengah padang, perasaan yang tidak sabar lagi dia timbul membalas balik menyebabkan tindakan tata-tertib diambil. Jadi bila kita sendiri merasa bagaimana kawan yang begitu baik dan begitu sopansantun yang tak pernah bermain kasar, tiba-tiba orang lain buat satu perkara yang tidak baik kepada kawan ter-

sebut, maka tentulah datang satu perasaan yang tak sabar kepada kita. Ini kerana kurangnya tatatertib atau semangat kesukanan. Jadi saya berharaplah selain daripada kita hendak menang, semangat kesukanan itu patutlah ditanam kepada tiap-tiap pemain.

Tuan Pengerusi, saya berharap tiap-tiap kursus yang akan diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, apa kursus sekalipun hendaklah ditanam dengan semangat kesukanan, bukanlah kursus bola sepak sahaja, tetapi berbagai kursus patut diajarkan semangat kenegaraan kepada tiap-tiap belia yang mengambil kursus itu. Dan juga tiap-tiap kursus yang akan diambil seumpama kursus pelopor negara, kursus pembina negara, kita kaji dahulu, janganlah pemuda yang datang itu mengambil kursus selepas tiga bulan, balik ke kampung tidak ada perubahan dalam sikap. Sebaik-baiknya kita cari tempat apa yang patut diberi dalam kursus tadi ataupun sekurang-kurangnya untuk kebaikan belia yang hadir dalam kursus itu. Saya berharap mendapatkan tempat yang istimewa dalam latihan itu patut diadakan tempat latihan yang istimewa seperti padang dan sebagainya. Sebagaimana tempat saya di Perlis padang tempat latihan amatlah kurang. Oleh itu, saya merayulah kepada Kementerian berkenaan supaya mengadakan padang permainan di negeri Perlis. Hari ini segala-gala digunakan Stadium Datuk Sheikh Ahmad. Pertunjukan nyanyian Uji Rashid dan apa serbanika pun di situlah tempatnya. Jadi saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan patutlah mengadakan satu padang permainan yang dapat melatih belia-belia itu dengan sempurna, kerana saya percaya macam saya kata tadi dengan permainan yang baik daripada belia-belia sukan tadi baik apa jenis permainan pun, kita dapat cari wang sebagai contoh Stadium Negara kita. Dahulu biasa ditohmah oleh setengah orang, apakah yang kita akan buat dengan Stadium Negara begitu besar dan banyak perbelanjaan, tetapi hari ini telah mendapatkan wang agak saya daripada tahun 1957 sampai hari ini harus berjuta-juta ringgit yang mana kita dapat gunakan sukan dan juga termasuk pertandingan membaca Qur'an yang kita adakan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi: Stadium Negarakah atau Stadium Merdeka?

Tuan Shaari bin Jusoh: Maaf, Stadium Merdeka. Saya juga berharap kepada ahli-ahli sukan patutlah juga kita beri keistimewaan kerana ada setengah ahli sukan kita tidak diberi keistimewaan kepada mereka. Kita tidak beri kerja yang setimpal sebagaimana negara lain. Setengah negara lain, ahli-ahli sukan badminton, bola sepak dan sebagainya dijaga dan diberi latihan khas, diberi gaji yang cukup. Jadi hari ini bila ada satu permain ternama, seperti Abdul Ghani Minhat beberapa tahun dahulu jadi "Raja Bola", akhirnya bila dia berhenti, tak ada tempat. Jadi biarlah tiap-tiap pemain kita jaga cukup-cukup dengan jagaan ini baru satu-satu orang tertarik dengan hendak masuk satu-satu permainan dan bermain dengan sungguh-sungguh dengan sebab itu kita boleh mengharumkan negara kita.

Akhirnya, saya merayu sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan setiap latihan tadi biarlah ada tatatertib dan penuh semangat kenegaraan dari segi kerohanian dan sebagainya, moga-moga dapatlah pemuda itu menjadi sebagai harapan negara, baik pemuda, baiklah negara kita.

6.35 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong belanjawan bagi Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sebagaimana yang dipohonkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di bawah Kepala B. 26 sebanyak \$17,128,000 dan P. 26 \$6,280,060 dan sekarang saya akan menyentuh Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Belia muka surat 177.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum bahawa sebahagian besar daripada rakyat negara ini adalah terdiri daripada belia-belie dan mereka inilah yang akan memegang kuasa negara pada masa akan datang dan harapan kita semuanya adalah tertumpu kepada belia-belie harapan bangsa itu. Jika mereka baik maka akan baiklah negara di masa hadapan dan sebaliknya jika mereka buruk, maka akan buruklah negara. Oleh sebab itu, Kementerian ini pada pandangan saya adalah mempunyai tanggungjawab yang besar kepada negara melalui belia-belie itu.

Tuan Pengerusi, saya amatlah tertarik kepada tujuan-tujuan Kementerian ini sebagaimana yang tercatat di dalam buku

Anggaran Belanjawan muka surat 377 khususnya di dalam perkara 1 (c) yang berbunyi sebagai berikut:

- (c) Berusaha ke arah integrasi golongan-golongan belia di Malaysia. Usaha-usaha ke arah integrasi ini dapat dijalankan dengan cara mengadakan kegiatan-kegiatan, kemudahan, bimbingan dan bantuan yang akan memupuk kesucian rohani serta menjadikan mereka satu golongan yang tekun, sihat, dinamik dan berdisiplin.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai matlamat yang tersebut disamping saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah melaksanakan berbagai langkah di dalam berbagai bidang ke arah tujuan tersebut, saya nampak usaha yang lebih luas dan lebih besar patutlah dilakukan oleh Kementerian ini terutama sekali dalam bidang mengadakan kemah-kemah kerja dalam mana ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan bolehlah diadakan dalam soal-soal memupuk akhlak mulia dan menjaga keselamatan terutamanya di dalam mengadakan kemah kerja di kawasan sempadan, sebab di sana belia-belie ini lebih terancam dari segi keruntuhan akhlak, keselamatan dan jenayah, sebab jika terkawallah keadaan di sempadan terutamanya dalam bidang belia ini maka saya percaya akan lebih jauhlah berkurangan soal-soal jenayah, penyeludupan, salahguna dadah dan ancaman keselamatan sebagaimana yang menjadi-jadi di negara kita masa ini.

Faktor yang amat penting dalam bahagian ini ialah mengenai dengan kesucian rohani. Ini hendaklah dilakukan dengan keberanian jiwa dan peningkatan akhlak hendaklah dilakukan dalam ceramah-ceramah yang diadakan di dalam kemah-kemah kerja itu, dan saya suka mencadangkan bahawa penceramah-penceramah dalam bahagian ini hendaklah dicari di kalangan orang-orang yang benar-benar faham agama dengan cara mendalam dan mempunyai ilmu pengetahuan psikologi yang dapat mempengaruhi dan memberi pengertian yang secukupnya kepada belia-belie itu. Apa yang saya tahu, Tuan Pengerusi, bahawa setengah-setengah

penceramah hanya tahu lebih kurang sahaja mengenai ugama dan tidak mengerti soal kehidupan belia-belia ini yang telah diambil dan dijadikan penceramah-penceramah yang demikian kesannya tidaklah memuaskan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai Biro Bimbingan Belia. Biro ini pun tidak kurang pentingnya bagi mengawal dan menyelamatkan belia-belia kita yang bertujuan menjalankan rancangan-rancangan bagi membantu mengatasi pengangguran, kerana kebanyakan belia-belia kita terpesong hidupnya ke arah kerja yang tidak baik disebabkan mereka tidak mempunyai pekerjaan. Walau bagaimanapun sukalah saya menyatakan bahawa usaha-usaha Biro ini sehingga ini tidaklah dapat menampung sebahagian besar daripada belia-belia ini daripada pengangguran. Oleh sebab itu, saya suka mencadangkan supaya Biro ini menggiatkan usaha-usahanya di dalam bidang pertanian, pembukaan tanah dan kerja-kerja kemahiran lainnya. Dengan jalan diberikan bantuan modal dan juga bimbingan. Sebab biasanya rancangan-rancangan belia seperti ini jika tidak disertai dengan bimbingan yang berkesan maka pekerjaan mereka itu tidak mendapat kejayaan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai pertukaran lawatan belia-belia. Ini adalah satu langkah yang baik di mana belia-belia ini dapat menukar pandangan, menambahkan pengalaman serta mendapat sahabat-sahabat yang baru sepertimana yang berlaku di dalam lawatan-lawatan dalam negara kita ini sendiri dan juga ke luar-luar negeri, seperti Jepun, Kanada dan lain-lainnya. Cuma ada sedikit kebimbangan saya dalam hal ini, mengenai kesan dan pengaruh yang didapati dari lawatan ini yang akan dibawa balek ke negara kita, iaitu pengaruh dan kesan yang mungkin tidak sesuai dengan masyarakat ketimuran ini. Sebab apa yang kita tahu, bahawa belia-belia luar negeri yang melawat negara kita mereka mengikut cara identiti kita, maka tidak mustahil belia-belia kita yang melawat ke luar-luar negeri mereka ini juga akan mengikut cara identiti di mana negara yang mereka lawat sekali pun bertentangan dengan identiti dengan negara kita. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya mana-mana belia yang akan dihantar melawat keluar negeri, hendaklah terlebih dahulu diberi nasihat dan penerangan yang secukupnya supaya mereka

menjaga identiti negaranya dan jangan sekali-kali terpengaruh dengan identiti negara yang dilawatnya yang bertentangan dengan masyarakat ketimuran ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini iaitu mengenai penubuhan Koperasi Belia Nasional (Kobena) walaupun saya tidak mengetahui dengan cara mendalam tentang konsepnya, namun demikian, saya mengalu-alukan penubuhannya serta saya berharap ianya benar-benar dapat menggabungkan seluruh pertubuhan belia-belia di negara ini dalam satu koperasi yang benar-benar akan mendatangkan hasil dan natijah yang baik kepada seluruh belia-belia di negara ini sesuai dengan keadaan belia-belia itu sendiri. Dan janganlah ia hanya menjadi seperti setengah-setengah koperasi di negara ini yang hanya ada pada nama sahaja sedangkan aktiviti kita tidak nampak kesan yang benar-benar memberi faedah.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi saya menyokong penuh di atas permohonan Yang Berhormat Timbalan Menteri di bawah Kepala B. 26 dan juga P. 26.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balek Pulau, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan selepas itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.46 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balek Pulau): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Kepala 26 dan 27 yang berjumlah \$25,493,470.

Saya suka menyentuh Kepala B. 26—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1) Perkhidmatan Sokongan. Saya tertarik hati dengan tujuan aktiviti sokongan ini yang tertulis di muka surat 338 antara lain iaitu mengadakan kemudahan fizikal dan memajukan kegiatan kebudayaan, belia dan sukan di seluruh negara serta mengadakan kegiatan-kegiatan dan projek-projek kebudayaan, belia dan sukan di peringkat negeri dan daerah.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang kemungkinan menubuhkan kelab-kelab sukan (recreation) di

daerah-daerah yang selama ini kelab-kelab ini kita boleh dapat di bandar-bandar sahaja. Kelab rekreasi ini di bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Ipoh dan sebagainya. Di kelab-kelab ini kita dapati berbagai-bagai kemudahan dalam bidang sukan. Jadi dengan adanya rancangan Kementerian yang berkenaan ini untuk menggiatkan lagi kegiatannya di daerah-daerah maka saya cadangkan Kementerian mengkaji kemungkinan menubuhkan kelab-kelab rekreasi ini di daerah supaya melalui kelab-kelab ini kita dapat membantu atau menyalurkan bantuan-bantuan atau kemudahan-kemudahan dalam bidang sukan kepada belia-belie di daerah-daerah yang tertentu.

Selama ini di daerah-daerah sudah tertubuh badan-badan sukan, pasukan bola sepak, pasukan sepak raga, badminton dan sebagainya. Tetapi pasukan-pasukan yang ditubuhkan oleh belia-belie ini tidak mendapat panduan tidak mendapat bimbingan mengikut peraturan-peraturan sukan yang dikehendaki. Jadi dengan adanya kelab-kelab rekreasi ini dapatlah Kementerian yang berkenaan menyalurkan pegawai-pegawai yang berkenaan supaya dapat memberi bimbingan penyeliaan dalam bidang sukan yang tertentu kepada pasukan-pasukan yang telah sedia ada di tempat yang berkenaan. Dengan ini selain daripada kita beri bimbingan dan penyeliaan kita juga dapat meninggikan mutu sukan di daerah-daerah yang berkenaan.

Satu perkara lagi ialah masalah pegawai-pegawai belia yang telah ditempatkan di daerah-daerah. Saya dapat ada setengah-setengah tempat Pegawai Belia yang dihantar bertugas itu dia tidak berminat dalam lapangannya. Misalnya, pegawai belie kebudayaan, menyanyi pun dia tak pernah, macam mana dia sendiri hendak menganjur, menyelia, mengajak menarik minat belia-belie untuk memasuki lapangan kebudayaan ini. Dia sendiri tak tahu, dia bertugas itu hanya untuk makan gaji. Ini saya fikir patut dikaji semula pegawai belie ini, kalau dia dalam bidang sukan, dia mesti berminat dalam sukan sampai pukul 8.00 malam dia masih ada dalam padang—itu yang kita mahu. Ini belum pukul 4.00 dia telah belah, kata orang Pulau Pinang, awal-awal lagi sudah tak nampak mukanya; sukan belum tamat, acara-acara yang dibuat belum tamat, dia sudah tak ada. Ini menunjukkan dia kurang minat.

Jadi sekali lagi saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan apabila hendak melantik pegawai-pegawai yang berkenaan itu mestilah terdiri daripada orang-orang yang ahli, peminat dalam bidang-bidang yang tertentu. Kalau dalam kebudayaan, dia mesti pandai menari, menyanyi, berlakun dan sebagainya. Kalau bidang sukan dia mesti boleh bermain bola, badminton, sepak raga dan sebagainya. Baharulah dia dapat menarik pemuda-pemuda, belia-belie tempatan itu masuk ke dalam lapangan yang dikehendaki. Kalau dia sendiri tidak tahu, saya fikir merugikan sahaja peruntukan yang kita beri kepada Kelab-kelab yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, kepala B. 26, Pecahan-kepala 1300, muka surat 179 Aktiviti (3) Latihan Belie. Saya suka menyentuh mengenai Latihan Belie di Dusun Tua dan Pusat Latihan Belie Negara di Pertak. Saya dapati latihan-latihan yang diberi dikedua-dua Pusat yang tersebut telah memberi faedah yang sangat banyak kepada beribu-ribu belie. Dan ada belia-belie hari ini yang setelah mendapat latihan daripada Pusat-pusat yang berkenaan itu sudah boleh berdikari, sudah boleh membuka perniagaan sendiri. Dalam hubungan ini, apa yang saya hendak tegaskan ialah mengenai latihan kemahiran tentang pembinaan. Hari ini belia-belie bumiputra sangat kurang menjadi pekerja-pekerja mahir dalam bidang bangunan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, beribu juta ringgit akan kita belanjakan untuk membina jambatan, perumahan, pejabat dan sebagainya tetapi pihak pemborong-pemborong bumiputra sangat sukar mendapat belia-belie bumiputra yang mahir dalam bidang-bidang yang tertentu yang saya katakan tadi: tidak ada tukang kayu, tidak ada tukang simen, tukang batu, dan tukang besi—tidak ada, pada hal ini sangat perlu, sangat mustahak dalam bidang pembangunan. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengadakan latihan-latihan dalam bidang kerja mahir yang saya sebutkan tadi terutamanya dalam bidang pembinaan, banyakkkan belia-belie berlatih dalam bidang tukang kayu—bukan tukang kayu membuat meja dan sebagainya, tetapi tukang kayu untuk membuat belok tiang-tiang konkrit, tidak perlu yang begitu cekap dalam bahagian ini, cuma mereka hendak buat blok daripada papan untuk tiang konkrit dan sebagainya. Ini yang

kita kurang: tukang simen, tukang besi yang hendak mengikat besi-besi yang hendak dijadikan tetulang cerucuk dan sebagainya. Ini sangat kurang. Kalau kita banyakkkan latihan dalam bahagian ini, selain daripada kita memberi pekerjaan kepada pemuda-pemuda dan belia-belie kita yang lapangan pekerjaan ini sangat luas, bila-bila masa sahaja, kalau ada kemahiran ini, belia-belie tadi akan mendapat pekerjaan, sebab pemborong-pemborong hari ini sangat kekurangan pekerja-pekerja mahir dan selain daripada itu kita juga dapat memberi dan menolong pemborong-pemborong bumiputra mendapatkan pekerja-pekerja mahir.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana baharu-baharu ini telah menubuhkan Koperasi Belia National (Kobena) dan kebanyakan belia-belie diseluruh negara hari ini sedang menunggu-nunggu sedang ternanti-nanti, apakah mereka dapat sumbangkan atau pun cara manakah mereka akan dapat bergiat menyertai Koperasi Belia National ini.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, yang akhir.

6.55 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah sebanyak \$25,493,470. Yang pertama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana dalam usaha-usahanya sejak daripada tahun-tahun yang sudah telah menghasilkan sedikit sebanyak usaha-usaha yang baik dan dapat memberi kebanggaan kepada kita. Saya juga sama-sama berbangga dengan Kementerian yang berkenaan kerana dapat menambahkan peruntukan bagi Kementerian yang berkenaan yang agak banyak juga daripada peruntukan-peruntukan di tahun-tahun sudah. Walau bagaimanapun, saya masih berpendapat bahawa peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini masih jauh daripada mencukupi. Oleh itu saya sukalah merayu kepada Kerajaan kita supaya menambah lagi peruntukan kepada Kementerian ini bagi

membolehkan Kementerian ini menambahkan aktiviti-aktivitinya dimasa-masa yang akan datang. Sebab setahu saya banyak daripada rayuan-rayuan ataupun permohonan-permohonan daripada seluruh peringkat dan negeri yang masih banyak belum dapat dipenuhi oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh Kepala P. 26, Pecahan-kepala 1 dan 3 dan saya jadikan satu sahaja yang saya suka lafaskan di sini. Saya suka menyampaikan hasrat belia-belie di kawasan-kawasan luar bandar yang memang umum kita mengetahui sekarang ini sangat memerlukan kemudahan-kemudahan riadah. Begitu juga setengah-setengah tempat memerlukan komplek pelbagai guna. Oleh kerana banyak juga di dalam kawasan saya kampung-kampung yang berkelompok yang selalu mereka itu merayu kepada saya supaya disampaikan kepada pihak yang berkenaan dalam berbagai-bagai kemudahan untuk mereka itu beriadah atau pun bersenam, bermain, tetapi perkara ini memanglah dijawab oleh pihak yang berkenaan bahawa kewangannya tidak mencukupi. Dalam hal ini, saya suka menyarankan di sini supaya Kementerian ini dapat berhubung rapat dengan Kementerian Pelajaran yang selalu timbul masalah kemudahan-kemudahan padang permainan umpamanya, ataupun tempat-tempat permianan, sebab pada pandangan saya, kalau Kementerian ini hendak melaksanakan berasingan walhal berhampiran dengan kampung-kampung yang berkenaan itu mempunyai sekolah-sekolah yang juga tidak mempunyai padang-padang bola ataupun kemudahan-kemudahan riadah yang lain. Kalaulah Kementerian ini dapat berhubung rapat dengan Kementerian Pelajaran samada disalurkan melalui Kementerian Pelajaran, peruntukan untuk mengadakan padang-padang permainan umpamanya, maka pada pandangan saya penuntut-penuntut ataupun murid-murid sekolah juga dapat menggunakan padang-padang itu dan kepada belia-belie di kampung pun juga dapat menggunakan kemudahan-kemudahan ini. Oleh itu, saya merayulah dalam hal ini, walaupun saya sedar di sini hanya dicatit token \$10, tetapi

saya percaya ini adalah satu gambaran ataupun azam Kementerian ini untuk mengadakan satu peruntukan yang besar pada masa akan datang bagi kemudahan-kemudahan riadah ini.

Selain daripada itu, kebetulan di dalam kawasan saya juga banyak projek-projek FELDA yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan riadah, tidak mempunyai padang-permainan dan kompleks pelbagai-guna, sedangkan di projek-projek ini penduduk-penduduknya di setengah-setengah tempat kalau persetanya 600 orang umpamanya sudah tentulah penduduknya 1,000 ataupun 2,000 orang lebih. Kalau kemudahan-kemudahan ini lambat ataupun pihak Kerajaan kita tidak memikirkan supaya disegerakan kemudahan-kemudahan riadah ini maka akan timbul berbagai-bagai perkara. Sebagaimana yang kita mengetahui sekarang ini di negara kita timbul berbagai-bagai masalah, masalah belia-belia kita menjadi liar, belia-belia tidak berdisiplin dan sebagainya. Kita mengharapkan apabila Kementerian ataupun Kerajaan sendiri mengadakan kemudahan-kemudahan seperti ini, Kementerian ataupun Kerajaan kita dapat mengawal belia-belia dan beliawanis kita ini kepada cara atau jalan yang dikehendaki oleh negara kita.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan sedikit mengenai Kepala B. 26 Aktiviti (2) (i)—Penggalakan dan Perkembangan Bakat-bakat Kebudayaan. Dalam soal ini, pada pandangan saya masih belum puas hati mengenai perkembangan atau penggalakan kebudayaan negara kita. Saya berpendapat bahawa kebudayaan negara kita yang digalakkan sekarang ini masih berat sebelah ataupun berat ke barat, masih belum mahu berat ke timur, ataupun bercorak kebudayaan Malaysia, lebih-lebih lagi jauh sekali sampai kepada kebudayaan yang berunsur keugamaan. Oleh yang demikian, saya berharap sangat-sangat kepada Kementerian ini supaya dapat menarik unsur-unsur kebudayaan negara kita ini ke sebelah timur supaya jangan pergi ke sebelah barat. Apa yang saya lihat dan apa yang saya pandang sehingga ini masih berat ke sebelah barat, jadi saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji dan dapat mencipta kebudayaan kita ini berunsur kepada kebudayaan timur dan juga kebudayaan Islam sebagaimana juga yang dikehendaki dalam Perlembagaan negara

kita. Inilah yang saya harap benar-benar. Kalaulah kita menunggu masa yang amat lama saya bimbang dan takut kebudayaan yang ada pada kita sekarang ini samada corak pemakaian, corak lakunan, corak gaya yang ada sekarang ini akan menjadi sebatan dan akan menjadi melekat serta menjadi satu anggapan bahawa inilah satu kebudayaan negara kita. Saya rasa amat malang sekali kalau apa yang ada sekarang ini akan dianggap oleh keturunan kita pada masa akan datang bahawa inilah kebudayaan negeri kita. Saya rasa tidak berpuas hati dan berharap benar-benar kepada Kementerian yang berkenaan supaya menanam semangat di dalam tiap-tiap sanubari rakyat kita lebih-lebih lagi kepada pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab membentuk unsur-unsur kebudayaan ini supaya lambat-laun akan kembali kepada kebudayaan yang dikehendaki benar-benar dan sesuai dengan negara kita yang mempunyai penduduk beragama Islam, penduduk Malaysia serta penduduk Timur ini.

7.05 mlm.

Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi terlebih dahulu suka saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan peringkat Jawatan-kuasa ini berkenaan Kementerian saya.

Dalam perbahasan ini beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan-pandangan, syor-syor dan teguran-teguran yang membina ke atas peruntukan-peruntukan di bawah Kementerian saya.

Saya suka memberi sedikit-sebanyak pandangan dan penjelasan di atas beberapa perkara penting yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi jikalau saya tidak begitu tepat di atas jawapan saya, Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat mengenai syor-syor dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang mengatakan kita perlu menjaga mutu persembahan kebudayaan di luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian ini sentiasa menjaga mutu persembahan yang dipertunjukkan di luar negeri dan item-item persembahan yang

dipertunjukkan mengandungi tarian rakyat, pakaian tradisional, wayang kulit dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga telah menyatakan kita perlu meningkatkan mutu sukan dan latihan saintifik. Usaha ke arah ini telah dijalankan oleh Kementerian saya sejak tahun 1972 dengan persatuan-persatuan yang berkenaan sempena melatih bakat-bakat yang ada di negara kita.

Teguran berkenaan mengadakan Tabung Sukan untuk kebajikan ahli-ahli sukan di negara kita, saya suka memaklumkan di sini, Kementerian saya sekarang sedang menimbang untuk menubuhkan satu Tabung Sukan Negara bagi tujuan yang tersebut yang ingin meningkatkan mutu sukan negara kita dan menjaga kebajikan ahli-ahli sukan. Pada masa ini perbincangan sedang dijalankan dan saya fikir tidak berapa lama lagi Kementerian saya akan mengumumkan butir-butir berkenaan Tabung Sukan Negara ini.

Berkenaan perkara insuran untuk peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam pertandingan sukan, suka saya menyatakan di sini peserta-peserta memang diinsured semasa latihan di bawah anjuran Kementerian dan semasa bertanding tanggungjawab itu diserahkan kepada persatuan masing-masing.

Berkenaan dengan saguhati, itu satu perkara yang boleh dibawa ke Jawatankuasa Kebajikan Sukan iaitu satu Jawatankuasa yang telah ditubuhkan beberapa masa yang lalu dan sekarang di bawah Jawatankuasa Kebajikan Sukan adalah juga Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Kebajikan, Jawatankuasa Penggalakan dan Jawatankuasa Pingat dan Kehormatan dan sekarang lapuran-laporan daripada ketiga-tiga Jawatankuasa telah siap dan Kementerian sedang menyusun lapuran akhir untuk dibawa kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan belia-belie dan satu perkara yang dibangkitkan oleh beliau ialah berkenaan dengan penyertaan belia bukan bumiputra dalam Pergerakan Belia Kebangsaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya menyedari bahawa adanya sebahagian besar golongan belia-belie yang bukan bumiputra yang masih tidak mendampingi diri

mereka dalam Pergerakan Belia Kebangsaan. Oleh itu, usaha telah diambil untuk menarik belia-belie yang bukan bumiputra itu memasuki persatuan-persatuan belia supaya dapat mereka bercampur-gaul dengan belia-belie Melayu dan lain-lain serta bergerak bersatu-padu dan bekerjasama antara satu sama lain ke arah perpaduan negara kita.

Jika dibandingkan dengan statistik untuk tahun 1971 iaitu tahun permulaan Rancangan Malaysia Kedua, bilangan belia bukan bumiputra dalam Pergerakan Belia Kebangsaan hanya 89,082 orang iaitu belia China 64,133 orang, belia India 22,178 orang dan belia-belie lain 2,771 orang. Pada tahun 1971 jumlah besar bagi bilangan ahli-ahli dalam Pertubuhan Belia Kebangsaan ialah 328,402 orang. Pada akhir tahun 1975 bilangan belia yang bukan bumiputra di kawasan-kawasan bandar, ladang-ladang getah dan kampung-kampung baru telah berlipat-ganda dan bilangannya ialah 172,930 orang dan tambahannya 94%. Kenaikan belia-belie China yang mempunyai ahlinya 100,894 orang adalah duduk di dalam bandar-bandar besar dan sebahagiannya lagi 17,628 orang adalah duduk di kawasan kampung-kampung baru. Antara 56,430 orang belia-belie India kebanyakannya adalah bergabung dengan Pertubuhan Belia Hindu ataupun Belia Tamil Bell adalah duduk di dalam kawasan ladang-ladang getah yang besar.

Jumlah besar bilangan belia dalam Pertubuhan Belia Kebangsaan pada tahun 1975 ialah 570,041 orang dan mengikut pecahan peratus ialah:

Belia Melayu	...	...	69.7%
Belia China	...	...	17.6%
Belia India	...	...	9.8%
Belia-belie Lain	...	...	2.7%

Kementerian saya percaya dan yakin bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bilangan belia yang bukan bumiputra akan berlipat-ganda lagi di atas daya usaha Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang mengeluarkan berbagai-bagai rancangan untuk belia-belie ini. Sambutan daripada belia-belie yang bukan bumiputra adalah sangat menggalakkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Mantin juga ada mengatakan berkenaan penyertaan belia-belie bukan bumiputra

dalam Projek Belia Peladang. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua bilangan belia keturunan China dan India yang menyertai dalam Rancangan Belia Peladang adalah sangat kecil tetapi ini bukan bermakna tidak ada langsung belia keturunan China atau India yang mengambil bahagian dalam rancangan ini. Sebagaimana yang saya telah melawat di beberapa Projek Belia Peladang baru-baru ini yang diusahakan oleh belia bukan bumiputra di kawasan masing-masing, misalnya, di Limau Kati dan Buluh Akar, Parit, Kuala Kangsar di mana projek ini adalah diusahakan oleh beberapa orang belia keturunan China dan India. Di Lubok China, Melaka dan Kuala Kelawang, Jelebu ada juga beberapa projek Belia Peladang yang melibatkan beberapa orang belia kaum China. Juga di Kuantan satu Projek Ternakan Ayam dijalankan oleh Kelab MAYC yang bergabung dengan beberapa belia China dan belia Melayu. Saya percaya di tempat lain ada juga belia kaum China yang menyertai dalam Rancangan Belia Peladang. Semua projek yang tersebut itu adalah dianggap berjaya kerana dengan kekurangan kemudahan dan pengalaman dan juga di mana perusahaan itu adalah kali pertama tetapi bagaimanapun, hasil pengeluaran dari projek tersebut adalah sangat memuaskan. Pada setakat ini masih banyak lagi Projek Belia Peladang yang memohon bantuan dari Kementerian saya. Saya menentukan bahawa semua permohonan ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya supaya kaum belia ini dapat melaksanakan projek mereka dengan tujuan untuk melahirkan diri sendiri dan menambahkan pendapatan mereka.

Ahli Yang Berhormat memang maklum tujuan Kementerian saya merancang Projek Belia Peladang adalah seperti berikut:

- (1) memajukan taraf ekonomi;
- (2) mewujudkan peluang pekerjaan sendiri;
- (3) melahirkan usaha-usaha baru;
- (4) membanyakkan pengeluaran bahan-bahan makanan; dan
- (5) membanyakkan pengeluaran bahan-bahan mentah untuk perusahaan berasaskan pertanian.

Dengan tujuan tersebut Kementerian saya memerlukan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Belia Peladang ini akan dijalankan dengan lebih luas lagi, dengan cara adil dan saksama supaya tidak ada satu golongan yang merasa ketinggalan.

Dengan penubuhan persatuan belia di kampung-kampung baru di mana peralihan belia kaum China adalah bertambah maka saya yakin pada masa depan akan dapat lebih ramai lagi belia keturunan China yang melibatkan diri dalam Rancangan Belia Peladang ini.

Walau bagaimanapun, masala-masalah yang terdapat dalam menjalankan Rancangan Belia Peladang terutama sekali ialah kekurangan tanah. Oleh itu, saya suka mengambil peluang di sini menyeru kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga pihak swasta supaya membenarkan belia-belia kita menggunakan tanah-tanah mereka yang kosong sementara mereka tidak menggunakannya. Dengan itu dapatlah kita membesarkan bilangan projek ini sesuai dengan dasar Buku Hijau bagi mengisi keperluan negara. Kerjasama ini adalah sangat penting supaya peruntukan yang banyak yang telah diberi oleh Kerajaan untuk projek ini dapat digunakan dengan penuh dan sebaik-baiknya.

Kepala Ahli Yang Berhormat dari Bachok saya sukacita mengucapkan terima kasih atas teguran beliau yang merupakan sokongan yang kuat kepada Kementerian saya. Walaupun Kementerian saya ada 68 orang pegawai yang khusus mengendalikan hal-hal kebudayaan tetapi perkhidmatan kebudayaan mendapat sokongan dari 502 field staff. Field Staff ini adalah pegawai yang mempunyai tiga tugas iaitu kebudayaan, belia dan Sukan pada peringkat negeri dan daerah.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan keengganan Kerajaan membelanjakan wang \$20 juta untuk Panggung Negara. Untuk maklumat Yang Berhormat, oleh sebab kekurangan wang, Kerajaan tidak dapat membelanjakan wang sekali gus \$20 juta untuk Panggung Negara tetapi pembinaan Kompleks Panggung Negara telah dimula dengan perbelanjaan \$2.3 juta bag. pembinaan tapak persediaan. Peringkat Pertama, di Sekolah Antarabangsa yang telah diambil alih oleh Kementerian saya. Tapak ini akan terkenal sebagai makmal kebudayaan yang akan dapat melatih kakitangan-kakitangan dan membuat persediaan

untuk penggunaan Panggung Negara yang akan dibina dalam Peringkat Kedua dan dalam peringkat ini akan dibina experimental studio untuk semua kegiatan kebudayaan seperti studio tarian, drama dan sebagainya.

Berkenaan dengan teguran atas memberi latihan ikhtisas untuk pegawai saya suka memaklumkan di sini latihan ikhtisas memang diberi kepada pegawai Kementerian saya untuk meninggikan mutu perkhidmatan mereka dan latihan telah diberi di dalam dan juga di luar negeri.

Cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan Panggung Negara itu saya ucapkan terima kasih. Sungguhpun Panggung Negara ini bangunannya belum dapat didirikan tetapi konsep panggung negara ini sedang dijalankan sekarang di Kompleks Budaya Negara. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan sekarang adalah untuk menyediakan kegiatan kebudayaan bagi mengisi Panggung Negara yang akan dibangunkan nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Muzium Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzium Negara pada waktu ini telah penuh sesak dan tidak ada lagi ruang untuk menempatkan pamer dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan akan dilaksanakan apabila bangunan tambahan yang dirancang selesai dibuat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Berkenaan dengan Rancangan Tanah Belia Negeri Pahang, itu tidak ada kena-mengena dengan projek Belia Peladang sebab itu bukan di bawah tanggungjawab Kementerian saya tetapi itu dirancang oleh Kerajaan Negeri Pahang sendiri.

Tuan Pengerusi: Sudah habis Yang Berhormat?

Dr Neo Yee Pan: Sadikit lagi. Di atas teguran Yang Berhormat dari Kangar yang membangkitkan tentang ajaran disiplin dan semangat kesukanan di dalam latihan-latihan sukan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang mengadakan syarahan khas dari aspek disiplin dalam latihan-latihan dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian saya.

Berkenaan dengan teguran yang meminta supaya diadakan padang permainan di Perlis, perkara itu akan ditimbang dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis. Tentang perkara untuk memberi keistimewaan pada ahli-ahli sukan, Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini melalui Jawatankuasa Kebajikan bagi ahli-ahli sukan yang ditubuhkan oleh Kementerian seperti telah disebutkan oleh saya tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan kemudahan sukan di luar bandar. Bantuan itu telah diberi oleh Kementerian saya kepada badan-badan sukan atau Persatuan Belia untuk membaiki padang dan gelanggang mengikut projek masing-masing. Tentang kerjasama dengan Kementerian Pelajaran pula, kerjasama itu memang ada sekarang.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan beberapa perkara; pertama, Kelab Rekreasi Daerah dan bantuan sukan kepada belia daerah. Rancangan Kementerian untuk membina pusat berbagai guna meliputi daerah dan pusat ini boleh digunakan sebagai tempat rekreasi dan pembinaannya tidak ada di dalam rancangan yang akan datang.

Bantuan dan kursus sukan memang diberi kepada Persatuan-persatuan sukan dan juga belia-belia di luar bandar menerusi persatuan belia di peringkat negeri. Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berhubung dengan pegawai Kementerian saya mesti ada keahlian di dalam bidang tugas-tugasnya. Untuk makluman Yang Berhormat dalam iklan untuk pengambilan pegawai Kementerian saya memang ada disyaratkan supaya calon-calon yang memohon jawatan mesti berminat dalam kegiatan-kegiatan Kementerian saya dan kelayakan ikhtisas pun diberi keutamaan. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan pegawai-pegawai ini tidak minat menari dan menyanyi, saya di sini suka memberi jemputan kepada Yang Berhormat supaya datang ke Kementerian saya dan kita boleh tunjukkan kepada Yang Berhormat pegawai-pegawai itu pandai menari dan menyanyi.

Lain-lain teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat sebutkan dalam jawapan saya, saya memberikan

jaminan di sini, saya akan mengkaji teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, setakat itulah jawapan saya dan saya mohon supaya anggaran perbelanjaan bagi Kementerian saya diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$17,128,000 untuk Kepala B. 26 dan \$1,585,400 untuk Kepala B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada

Jadual; dan wang sebanyak \$6,280,060 untuk Kepala P. 26 dan \$500,010 untuk Kepala P. 27 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Khamis, 25hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.